

Bil. 6

**Isnin
19 Jun 1995**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGAL PERTAMA
MESYUARAT PERTAMA**

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

[Ruangan 1]

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA
KE DALAM MESYUARAT**

[Ruangan 17]

USUL-USUL:

Ucapan Terima Kasih Kepada Seri Paduka Baginda
Yang di-Pertuan Agong
– Y.B. Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad (Parit Sulong)

[Ruangan 20].

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR
BIN IBRAHIM, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K. D.M.P.N.
(Permatang Pauh).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, D.G.S.M.,
S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

„ Menteri Kerja Raya, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J.,
D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK,
P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pertanian, DATUK AMAR DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD,
S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna,
DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S.,
S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Pendidikan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI
ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P.,
D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulau).

„ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN
CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

„ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T.,
J.P. (Bentong).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN
DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N.
(Kuala Rajang).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING,
P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR TING CHEW
PEH, D.P.M.P. (Gopeng).

- Yang Berhormat Menteri Pertahanan, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).
- „ Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' HAJI ANNUAR BIN HAJI MUSA, S.I.M.P. (Peringat).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATUK OSU BIN HAJI SUKAM, P.G.D.K. (Papar).
- „ Menteri Belia dan Sukan, TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR. HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Menteri Pembangunan Usahawan, DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Jeli).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Paya Besar).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK RAILEY BIN HAJI JAFFREY, P.G.D.K., J.M.N. (Silam).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- ” Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub).
- ” Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- ” Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baru).
- ” Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- ” Timbalan Menteri Pertanian, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- ” Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- ” Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- ” Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).
- ” Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' CHAN KONG CHOY, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang).
- ” Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- ” Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tajah).
- ” Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR. AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR IBRAHIM BIN SAAD, D.M.S.M. (Tasek Gelugor).
- ” Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATO' ABU BAKAR BIN DAUD, D.S.M.T., D.S.A.P., D.A.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu).
- ” Timbalan Menteri Pengangkutan, DATUK MOHD. ALI BIN MOHD. RUSTAM, D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam).
- ” Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- ” Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama, CIK SITI ZAINAB @ ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- ” Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, TUAN IDRIS BIN JUSOH (Besut).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- ” Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).
- ” Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN AZMI BIN KHALID (Padang Besar).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, DR SHAFIE BIN MOHD. SALLEH (Kuala Langat).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN HISHAMUDDIN BIN TUN HUSSEIN (Tenggara).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, DATO' ABU BAKAR BIN TAIB, D.S.D.K., B.C.K., P.J.K., K.M.N. (Langkawi).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, TUAN TAN CHAI HO (Bandar Tun Razak).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATUK MOHD. SHAFIE BIN HAJI APDAL, P.G.D.K. (Semporna).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, PUAN SHAHRIZAT BINTI ABDUL JALIL (Lembah Pantai).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).
- ” TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- ” TUAN ABDUL AZIZ BIN MOHD. YASSIN (Muar).
- ” TUN ABDUL GHAFAR BIN BABA, S.S.M. (Jasin).

Yang Berhormat TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).

- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI SULAIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J.,
P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).
- „ DATO' HAJI ABU DAHARI BIN OSMAN (Lipis).
- „ DATUK ABU SEMAN BIN HAJI YUSOF (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI ABU ZAHAR BIN DATO' NIKA UJANG (Kuala Pilah).
- „ TUAN AHMAD KAMARUZAMAN BIN MOHAMED BARIA (Jerantut).
- „ TUAN ASMAT NUNGKA (Beluran).
- „ TUAN HAJI AHMAD RAHIN BIN MOHD. SAID (Kuala Nerus).
- „ DATUK AHMAD ZAHID BIN HAMIDI (Bagan Datok).
- „ PUAN AINON KHAIRIYAH BINTI MOHD. ABAS (Parit).
- „ TUAN AKBARKHAN BIN ABDUL RAHMAN (Libaran).
- „ DATU AMIRKAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Yan).
- „ TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDUL AZIZ (Hulu Langat).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNIYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHANG KON YOU (Ipoh Timor).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ TUAN CHIA KWANG CHYE (Bukit Bendera).
- „ TUAN CHIEW CHIU SING (Bintulu).
- „ DATUK JOSEPH CHONG CHEK AH (Batu).
- „ PUAN CHUA SOON BUI (Tawau).
- „ TUN DAIM BIN HAJI ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ TUAN FU AH KIOW (Mentakab).
- „ TUAN HAMZAH BIN RAMLI (Sri Gading).
- „ DATUK HANAFI BIN RAMLI (Jerlun).
- „ TUAN HASHIM BIN ISMAIL (Ledang).

- Yang Berhormat TUAN HENRYNUS AMIN (Kinabalu).
- ” TUAN HEW SEE TONG (Kampar).
- ” TUAN HO CHEONG SING (Ipoh Barat).
- ” DATO’ HON CHOON KIM (Seremban).
- ” TUAN HOO SEONG CHANG (Kluang).
- ” TUAN HAJI HUSNI BIN HANADZLAH (Tambun).
- ” TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- ” TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- ” PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO’ HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- ” TUAN JACOB DUNGAU SAGAN (Baram).
- ” DATO’ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI MOHD. JARJIS (Rompin).
- ” TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGA (Kapit).
- ” TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- ” TUAN JIMMY LIM @ JIMMY DONALD (Sri Aman).
- ” TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).
- ” DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- ” DATO’ DR KAMAL BIN SALLEH (Wangsa Maju).
- ” TUAN KAMARUDDIN BIN AHMAD (Arau).
- ” TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- ” DR L. KRISHNAN (Teluk Kemang).
- ” TUAN LAU NGAN SIEW (Sandakan).
- ” DR G. LEELAVATHI (Kapar).
- ” TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- ” TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- ” TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- ” TUAN VINCENT LIM KUO PHAU (Petaling Jaya Utara).
- ” PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- ” TUAN LIM SI CHENG (Senai).
- ” TUAN LIM SIANG CHAI (Petaling Jaya Selatan).
- ” TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- ” TUAN MANSOR BIN MASIKON (Batu Pahat).
- ” DR MAXIMUS JOHNTY ONGKILI (Bandau).
- ” TUAN MD. ISA BIN SABU (Kangar).
- ” TUAN MICHAEL LISA KAYA (Bukit Mas).

Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Kubang Kerian).

- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Puteh).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI NIK MOHD. AMAR BIN HAJI NIK ABDULLAH (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut).
- „ TUAN MOKHTARUDDIN BIN WAN YUSOF (Dungun).
- „ TUAN HAJI MUSTAFA BIN MUDA (Hulu Terengganu).
- „ TUAN NOH BIN OMAR (Tanjong Karang).
- „ DR NUNGSARI BIN AHMAD RADHI (Balik Pulau).
- „ DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Beaufort).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Bagan).
- „ TUAN PAUL NOUTIN (Penampang).
- „ TUAN PHILIP YONG CHEW LIP (Gaya).
- „ DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Tenom).
- „ DR RAMLI BIN TAIB (Kemaman).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABDUL KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).
- „ TUAN SALAMON BIN SELAMAT (Shah Alam).
- „ DATUK SALLEH BIN TUN SAID (Kota Belud).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).

Yang Berhormat PUAN SERIPAH NOLI BINTI SYED HUSSIN (Sepang).

- „ DATUK S'NG CHEE HUA (Julau).
- „ DATUK SONG SWEE GUAN (Bandar Kuching).
- „ PUAN SUKINAM DOMO (Batang Sadong).
- „ DATO' HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Machang).
- „ DR TAN CHONG KENG (Bukit Mertajam).
- „ DR TAN KEE KWONG (Segambut).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Cheras).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ DR TAN YEE KEW (Kelang).
- „ MULIA TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN TIONG THAI KING (Lanang).
- „ TUAN TUE SI @ CHANG SEE TEN (Gelang Patah).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Pokok Sena).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN WONG KAM HOONG (Bayan Baru).
- „ DATO' YAP PIAN HON (Serdang).
- „ DR YAN YIT THONG (Lumut).
- „ DR YEE MOH CHAI (Tanjong Aru).
- „ TUAN YEONG CHEE WAH (Batu Gajah).
- „ TUAN YUNOF EDWARD MARINGKING (Tuaran).
- „ TUAN YUNUS BIN RAHMAT (Jelebu).
- „ DR HAJI YUSOF BIN HAJI YACOB (Sipitang).
- „ TUAN ZAINAL ABIDIN BIN OSMAN (Mersing).
- „ TUAN ZAINUDDIN BIN MOHAMAD NOR (Pasir Mas).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN MOHD. SAID (Kuala Kedah).

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

- Setiausaha Dewan Rakyat : Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali,
D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
- Ketua Penolong Setiausaha : Said bin Sidik.
- Pemangku Ketua Penolong Setiausaha : Abdullah bin Abdul Wahab.
- Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman.

CAWANGAN DOKUMENTASI

- Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Md. Yusop.
Haji Suhor bin Husin.
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop.
Hajah Supiah binti Dewak.
Ismail bin Haji Hassan.
Hajah Kalsom binti Ghazali.
Mohamed bin Osman.
Hajah Norishah binti Mohd. Thani.
Zaharah binti Naim.
Norwahidah binti Azizi.
Rozita binti Abd. Samad.
Jainah binti Sakimin.
Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

CAWANGAN BENTARA

- Bentara Mesyuarat : Lt. Kol. (B) Haji Rahimuddin bin Abdul
Mutalib.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 19hb Jun, 1995

*Mesyuarat dimulakan pada
pukul 2.30 petang*

DOA

*(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)*JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAANGURU PAKAR — KRITERIA
PERLANTIKAN

1. **Mohamed Khaled bin Nordin** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) apakah kriteria yang digunakan oleh Kementerian Pendidikan untuk melantik seseorang Guru Pakar;
- (b) berapakah peruntukan bagi jawatan Guru Pakar yang telah diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam; dan
- (c) berapakah pula yang telah dilantik sehingga kini.

Menteri Pendidikan (Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemilihan Guru Pakar adalah berasaskan kepakaran dalam mata pelajaran yang diajar dan tidak berasaskan kekananan. Kriteria-kriteria yang digunakan

untuk melantik seseorang Guru Pakar berdasarkan kecemerlangan dari aspek-aspek berikut:

- Kecemerlangan Peribadi.
 - Kecemerlangan Pengetahuan dan Kemahiran.
 - Kecemerlangan Kerja.
 - Kecemerlangan Komunikasi.
 - Kecemerlangan Potensi.
- (b) Peruntukan bagi jawatan guru cemerlang atau guru pakar tidak mempunyai bilangan yang tetap. Ia bergantung kepada bilangan kekosongan yang ada atas prinsip Khas Untuk Penyandang.
- (c) Sehingga kini seramai 124 orang Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah Gred DG3 telah dinaikkan pangkat ke Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah Gred DG2 setelah menerima perlantikan sebagai Guru Cemerlang atau Guru Pakar. Sementara itu seramai 162 orang Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah Gred DG6 pula telah dinaikkan pangkat ke Gred DG5 setelah mereka menerima perlantikan sebagai Guru Pakar.

Tuan Mohamed Khaled bin Nordin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu adakah kewujudan Guru-guru Pakar ini menjejaskan moral dan perkhidmatan guru-guru biasa; dan keduanya sejauh manakah prestasi pelajaran atau peperiksaan murid-murid di dalam sekolah yang mana mempunyai Guru Pakar?

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, pengwujudan Guru Pakar ini tidak akan menjejaskan sikap guru-guru yang lain kerana penilaian yang dilakukan amat objektif dan mereka yang benar-benar layak akan diiktiraf sebagai Guru Pakar. Dan bilangan walaupun kecil sekarang ini tetapi dijangka akan bertambah sebab ini merupakan satu proses yang akan berjalan secara berterusan. Sama ada prestasi murid-murid yang diajar oleh Guru Pakar ini setakat ini belum lagi dapat dinilai secara menyeluruh kerana program ini hanya baru dilaksanakan.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Pendidikan berhajat untuk memberikan tumpuan tambahan Guru-guru Pakar ini di kawasan luar bandar melebihi daripada kawasan bandar.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, kita akan menilai keperluan untuk menaikkan guru-guru sebagai Guru Pakar sebagai satu pertimbangan secara menyeluruh. Namun demikian, prestasi dan masalah pendidikan di kawasan luar bandar memerlukan satu pertimbangan yang lebih khusus lagi.

PETROLEUM — JUMLAH PENGELUARAN/PENDAPATAN

2. **Tuan Richard Riot anak Jaem** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah pengeluaran petroleum terkumpul dari tahun 1990 hingga sekarang, mengikut tahun;
- (b) jumlah pendapatan yang telah dikumpul dalam tempoh tersebut;

(c) kadar pengeluaran petroleum sekarang; dan

(d) mengikut kadar pengeluaran sekarang, berapa lamakah simpanan petroleum kita boleh kekal.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz): Tuan Yang di-Pertua,

(a) Pengeluaran minyak mentah dari tahun 1990 hingga 1994 adalah seperti berikut:

Tahun	Pengeluaran Sehari	Pengeluaran Setahun
1990	601,000 tong	219,365 tong
1991	624,000 tong	227,760 tong
1992	631,000 tong	230,315 tong
1993	615,000 tong	224,475 tong
1994	623,000 tong	227,395 tong
JUMLAH: 3,094,000 tong		1,129,310 tong

(b) Jumlah pendapatan dari sumber petroleum dalam tempoh tersebut adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah
1990	RM 8.882 bilion
1991	RM 11.385 bilion
1992	RM 11.416 bilion
1993	RM 10.994 bilion
1994	RM 10.404 bilion
1995 (Anggaran)	RM 10.33 bilion
JUMLAH:	RM 63.418 bilion

(c) Kadar pengeluaran minyak mentah sekarang adalah dalam lingkungan 650,000 tong sehari.

(d) Mengikut kadar pengeluaran sekarang, simpanan petroleum kita boleh kekal selama 17 tahun lagi.

Dr. Tan Seng Giaw: Soalan tambahan. Memang angka-angka yang diberi oleh Yang Berhormat adalah angka yang sangat besar yang menunjukkan keuntungan Petronas adalah sangat banyak. Memandangkan simpanan di luar dan dalam negara adalah hampir RM17 bilion dan keuntungan bagi tahun lepas . . . *(Disampuk)* Tuan Yang di-Pertua, kacau.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, teruskan Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya dikacau. Saya hendak . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat soal sahaja Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Hendak tolong Yang Berhormat sahaja di sini. *(Disampuk)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Bertenang.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, memandangkan keuntungan yang begitu besar, tahun lepas lebih RM6.3 bilion sebelum cukai dan mengapa dengan pertumbuhan ekonomi sekarang yang lebih 8% setahun pada tahun 1993 dikeluarkan 635,000 tong sehari dan 1994 623,000 tong dan kemudian untuk tahun ini tambah lagi menjadi 650,000 tong sehari. Mengapa dengan ekonomi yang begitu baik (euphoria), ekonomi yang begitu dahsyat sekali; kita tambahkan pengeluaran minyak petroleum? Ini satu perkara yang saya kurang fahamlah. Adakah keuntungan ini . . . *(Disampuk)* Diam dululah! Beri dia peluang sedikit, dia baru sahaja. Macam mana?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, jangan terpesong Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak terpesong. Kacau sahaja. Saya hendak beri Yang Berhormat Timbalan Menteri peluang sedikit, dia baru. Kalau kacau macam ini, macam mana dia hendak dengar soalnya. *(Disampuk)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Teruskan!

Dr. Tan Seng Giaw: Kita patut prihatin kepada orang baru. *(Disampuk)*

Tuan Yang di-Pertua, dengan keuntungan ini apakah peruntukan yang akan dikeluarkan untuk membina Universiti Petroleum sama ada di Melaka ataupun di Terengganu? Kalau tidak boleh di negeri neutral, di Kelantan misalnya untuk Universiti Petroleum.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, cukuplah.

Dr. Tan Seng Giaw: Cukup ya?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sudah dua tadi.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, kita mengeluarkan minyak pada tiap-tiap tahun mengikut keperluan, dengan izin, demand. Jadi, sebab itu apa juga yang kita keluarkan mengikut apa yang diperlukan. Kita tidak boleh sebagai contoh, untuk menghadkan pengeluaran kerana kita mempunyai telaga minyak yang mana kita menggunakan kemudahan yang ada itu, mesti perlu dijalankan. Kalau tidak banyakkah telaga minyak akan ditutup dan kemungkinan ramai juga pekerja akan terpaksa dihentikan kerja.

Soal kedua berkenaan dengan Universiti Petroleum itu, saya kira perkara ini bolehlah kita pertimbangkan. Tetapi tempatnya sudah tentulah akan kita letakkan di tempat di mana infrastrukturnya ada dan politiknya stabil.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Bolehkah Yang Berhormat memberitahu negeri-negeri yang menjadi kawasan kepada simpanan petroleum, tambahan kepada soalan (d) dan oleh kerana ada dikatakan usaha cari gali di kawasan negeri Kelantan; sejauh manakah hasil daripada cari gali yang dilakukan itu?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang pertamanya berkenaan dengan soalan pertama, saya tidak faham dengan apa yang dimaksudkan dengan simpanan di negeri-negeri sebab kita mengeluarkan minyak ini mengikut PETRONAS ialah pada seluruh negara kita, tidak mengikut negeri-negeri.

Yang keduanya, berkenaan dengan cari gali di negeri Kelantan, ini dalam proses kerja kita.

SISTEM PEMBETUNGAN — KADAR PUNGUTAN CAJ

3. **Tuan Teu Si @ Chang See Ten** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bilakah perkhidmatan pengendalian sistem pembedungan untuk kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru dan Majlis Daerah Johor Bahru Tengah akan diswastakan. Apakah kadar pungutan caj perkhidmatan tersebut yang akan dikenakan kepada pengguna premis domestik, pengguna komersil dan pengguna industri.

22.6.1995

6. **Dr. Tan Seng Giaw** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan setakat manakah Indah Water Konsortium dapat mengambil alih perkhidmatan pembedungan di seluruh negara. Bilakah pengambilalihan ini dapat disempurnakan. Apakah jumlah wang yang terbabit dan tempoh konsesinya. Apakah jumlah pinjaman faedah rendah yang telah diberi kepada IWK. Apakah

kadar baru bayaran yang dikenakan ke atas setiap jenis bangunan. Apakah jenis perkhidmatan yang disediakan oleh IWK.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Peter Chin Fah Kui): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menerima dua soalan mengenai penswastakan pembedungan, iaitu daripada Ahli Yang Berhormat dari Gelang Patah iaitu hari ini dan Yang Berhormat dari Kepong pada 22.6.1995. Saya mohon izin untuk menjawab soalan-soalan ini sekali gus.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Baiklah.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Terima kasih. Perkhidmatan pembedungan untuk kawasan Majlis Daerah Johor Bahru Tengah telah diswastakan kepada Indah Water Konsortium mulai 1hb Jun, 1995. Walau bagaimanapun, untuk kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru, tarikh pengambilalihan belum ditetapkan lagi kerana perbincangan terperinci pelaksanaan projek Capital Works Programme, dengan izin, Indah Water Konsortium untuk kawasan bandar Johor Bahru masih belum diselesaikan.

Sehingga 1hb Jun, pihak Indah Water Konsortium (IWK) telah mengambil alih sejumlah 65 buah perkhidmatan pembedungan pihak berkuasa tempatan. Dijangkakan pengambilalihan pihak berkuasa tempatan seluruh negara dapat disempurnakan pada 1hb Mac, 1996 nanti.

Kadar pungutan caj pembedungan yang akan dikenakan terbahagi kepada dua kategori, iaitu pengguna domestik dan komersil. Untuk pengguna domestik, caj minimum yang akan dikenakan adalah antara RM2 ke RM10 sebulan. Kadar caj ini terdiri daripada caj asas bulanan dan

caj penggunaan air. Caj asas bulanan merupakan caj yang ditetapkan berdasarkan kepada nilai taksiran tahunan sesuatu bangunan kediaman. Sementara caj penggunaan air pula adalah sebanyak 14 sen satu meter padu air bagi pengguna perkhidmatan bersambung dan 7 sen satu meter padu bagi pengguna tangki septik.

Bagi pengguna komersial pula, caj minimum pembedaan ditetapkan sebanyak RM9 sebulan sama ada pengguna mendapatkan perkhidmatan bersambung atau tangki septik. Tiada caj asas bulanan dikenakan bagi kategori itu. Pengguna komersial hanya perlu membayar caj pembedaan berdasarkan kepada caj penggunaan air iaitu sebanyak RM1.20 semeter padu air untuk perkhidmatan bersambung dan 90 sen satu meter padu air untuk perkhidmatan tangki septik.

Bagi memastikan projek ini berdaya maju (viable), Kerajaan Persekutuan telah bersetuju untuk memberi pinjaman ringan (soft loan) sejumlah RM475 juta kepada IWK untuk tempoh selama 20 tahun dengan faedah pinjaman sebanyak 4% setahun.

Jenis perkhidmatan yang disediakan oleh IWK adalah seperti berikut:

- (i) menaik taraf dan membaik pulih sistem pembedaan awam sedia ada;
- (ii) merancang, mereka bentuk, membina dan memulakan penggunaan sistem pembedaan awam baru;
- (iii) membuat kerja-kerja operasi dan penyelenggaraan ke atas loji-loji pembedaan awam;
- (iv) membuat kerja-kerja menyedut enap cemar bagi tangki septik individu;
- (v) memastikan semua enap cemar daripada sistem-sistem pembedaan awam tangki septik dirawat dengan baik.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada tahun yang lepas, di kawasan Kuala Lumpur, Kerajaan telah menerima banyak bantahan dari pengguna-pengguna komersil dan industri dengan caj yang terlalu tinggi sebanyak 120% dan saya ingin bertanya Timbalan Menteri adakah Kerajaan telah mengkaji semula kadar baru sama ada kadar baru, telah dipersetujui dengan IWK?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, memang ada kita menerima banyak rayuan dan komplek, bukan bantahan, iaitu aduan tentang caj yang dikenakan oleh IWK. Oleh sebab itu, maka satu keputusan telah dibuat oleh Jemaah Menteri untuk mengurangkan caj ini kepada pengguna komersil sahaja. Saya minta maaf kerana caj baru terperinci itu tidak dapat saya umumkan di sini dan perlu kita menyasat dan mengkaji terperinci dahulu sebelum caj atau pakej pengurangan kadar itu diselesaikan dan akan diumumkan kelak apabila disetujui oleh Jemaah Menteri.

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah caj perkhidmatan tersebut dikenakan kepada rumah-rumah kediaman di kampung yang masih menggunakan tandas curah?

Yang kedua, saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menyatakan berapa lamakah kekerapan (frequency service) menyedut najis untuk tangki najis individu? Saya difahamkan bahawa Indah Water Konsortium cuma akan buat 2 tahun sekali. Adakah jika demikian ia akan menjejaskan fungsi tangki najis yang mana sepatutnya perlu dibuat tiap-tiap 6 bulan sekali?

Yang ketiga, bagaimana pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui Jabatan Perkhidmatan Pembedaan dapat menentukan prestasi per-

khidmatan pembedungan melalui skim penswastaaan Indah Water Konsortium dapat menuju kepada matlamat "zero defect" atau lebih baik daripada service yang dilaksanakan oleh pihak penguasa tempatan selama ini demi kepentingan orang ramai?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Gelang Patah. Saya hendak menyebutkan tentang prestasi apabila pembedungan ini di-swastakan. Kita haraplah dengan adanya penswastaaan ini pihak IWK melalui programnya dapat memastikan, jikalau ada masalah-masalah yang mengenai pembedungan, pihak IWK dapat mengambil tindakan secepat mungkin untuk membaik-pulih apa-apa masalah yang berlaku. Tetapi saya rasa kita perlu sabarlah kalau kita hendak memastikan pihak IWK menjaminkan ada "zero defect", tentang perkhidmatannya.

Walau bagaimanapun, Ketua Pengarah Jabatan Pembedungan akan mengadakan siasatan dan mengawal selia tentang pekerja-pekerja IWK dan saya rasa kita dapat memberi masa untuk mereka cuba menjalankan usaha-usaha mereka dengan baik.

Tentang menyedut enap cemar di septic tank, memang betul pihak IWK dijangkakan akan mengeluarkan/menyedut enap cemar ini dua kali setahun. Tetapi jika ada masalah tentang septic tank itu, maka pihak pengguna boleh berhubung dengan pihak IWK untuk cuba memberikan perkhidmatan (service) kepada mereka. Tetapi ini bukan percuma, hanya dua kali sahaja IWK boleh memberi perkhidmatan percuma. Kalau perlu tiga kali atau empat kali, tambahan ini perlu dibayar oleh pengguna. Tandas curah adalah tidak termasuk dalam skim ini.

TARAF KESIHATAN — PROGRAM PENINGKATAN PERUBATAN

4. Tuan Md. Isa bin Sabu minta Menteri Kesihatan menyatakan program meningkatkan tahap kesihatan masyarakat serta program memanjangkan jangka hayat rakyat Malaysia.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan Malaysia telah pun mengadakan berbagai-bagai program kesihatan dan perubatan yang bertujuan untuk mempertingkatkan taraf kesihatan masyarakat di negara ini sama ada di bandar atau di luar bandar. Di antara program-program kesihatan yang dijalankan termasuklah:

- (i) Kawalan Penyakit Berjangkit contohnya penyakit kawalan vektor, TB dan Kusta, AIDS serta lain-lain penyakit berjangkit;
- (ii) Kawalan Penyakit Tidak Berjangkit seperti kanser, penyakit kardiovaskular, Diabetes Mellitus dan lain-lain;
- (iii) Program Kesihatan Pekerja dan Alam Sekitar termasuklah kesihatan bandar;
- (iv) Penjagaan Kesihatan Asas dan Pembangunan Keluarga yang merangkumi aktiviti-aktiviti kesihatan khususnya untuk ibu-ibu dan anak-anak serta lain-lain ahli keluarga termasuklah pemakanan dan rawatan pesakit luar;
- (v) Kawalan Mutu Makanan bagi menjamin keselamatan dan mutu bahan-bahan makanan;
- (vi) Program Penjagaan Kesihatan Gigi; dan
- (vii) Pendidikan Kesihatan.

Program-program kesihatan ini adalah merupakan program pencegahan dan promosi kesihatan, di samping program-program perubatan lain di hospital-hospital. Pihak Kementerian sentiasa mengkaji dan mengambil langkah-langkah yang wajar untuk mempertingkatkan perkhidmatan kesihatan kepada masyarakat di negara ini.

Dengan adanya taraf perkhidmatan kesihatan dan perubatan yang semakin baik, di samping faktor-faktor sosial dan ekonomi yang lain, jangka hayat penduduk di negara ini telah dapat dipanjangkan daripada 55.8 tahun bagi lelaki dan 58.2 tahun bagi perempuan pada tahun 1957 berbanding kepada 69.1 tahun bagi lelaki dan 73.8 tahun bagi perempuan pada tahun 1993. Jangka hayat di negara ini dijangka akan meningkat kepada 75.4 tahun bagi lelaki dan 80.4 tahun bagi perempuan menjelang tahun 2020 di mana ianya akan menjadi setanding dengan negara-negara membangun yang lain seperti Amerika Syarikat dan Britain.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Minta Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini, apakah promosi kesihatan yang menyebabkan pengambilan "food diet" boleh mempertingkatkan kesihatan dan juga memanjangkan jangka hayat manusia atau mempunyai kesan sebaliknya.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, program mengenai kawalan mutu makanan ini adalah bertujuan untuk memastikan keselamatan makanan oleh rakyat dengan bertambahnya industri makanan yang pesat di negara ini.

Di antara aktiviti-aktiviti program ini adalah pensampelan (membuat sampel) kepada makanan-makanan, pemeriksaan premis makanan, pengawalan makanan di

pintu-pintu masuk, mengadakan ulang kaji dan menguatkuasakan peraturan-peraturan kod amali dan garis panduan makanan, perkhidmatan makmal teknologi makanan, perkhidmatan rundingan dan nasihat, dan pendidikan konsumer-konsumer industri.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa meningkatkan mutu makanan dan bahan-bahan makanan adalah antara yang digunakan untuk memanjangkan jangka hayat rakyat Malaysia, apakah rancangan yang khusus untuk penduduk-penduduk di luar bandar yang mana mereka kebanyakannya adalah miskin dan di mana hal makanan adalah hal asasi masalah yang mereka hadapi. Jadi, apakah tindakan yang telah dan sedang dilakukan untuk mengatasi masalah ini bagi orang yang miskin di luar bandar?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, jangka hayat yang dikatakan telah lebih panjang itu yang dikaitkan dengan soal peningkatan dan penjagaan perkhidmatan kesihatan itu adalah secara langsung. Soal-soal lain seperti faktor ekonomi dan tanggungjawab serta kesedaran soal-soal pendidikan juga merupakan antara faktor-faktor.

Soal tumpuan yang diberikan kepada masyarakat luar bandar dasar perkhidmatan kesihatan Kerajaan memanglah memberi tumpuan kepada masyarakat di luar bandar. Polisi kita adalah 'pro-poor policy', dengan izin, dengan demikian segala peruntukan yang diberikan atau diutamakan dalam soal-soal meningkatkan kemudahan perubatan dan sebagainya adalah diberi keutamaan kepada menambah pusat-pusat kesihatan dan klinik-klinik desa di kawasan luar bandar. Dengan demikian, perkhidmatan seperti petugas dan para kakitangan yang ditambahkan adalah dengan tujuan untuk memberi keselesaan kepada mereka yang di luar bandar.

**JALAN PAKAN/ULU WAK/ENTABAI
— MENAIKKAN TARAF**

5. Datuk S'ng Chee Hua minta Menteri Kerja Raya menyatakan bilakah kerja menaikkan taraf Jalan Pakan/Ulu Wak dan Jalan Entabai akan dilaksanakan.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Datuk Railey bin Haji Jaffrey): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jalan raya dari Pakan/Ulu Wak yang panjangnya 6 km. telah pun diturap pada tahun 1991. Manakala penurapan Jalan Pakan/Entabai sejauh 12 km. adalah projek yang dirancang dan disokong oleh Kementerian Kerja Raya untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ke-7. Walau bagaimanapun, keputusan muktamad mengenai projek-projek Rancangan Malaysia Ke-7 belum lagi dibuat oleh Kerajaan.

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah kriteria yang digunakan untuk membolehkan sebatang jalan itu dipertimbangkan untuk dinaikkan taraf?

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, kriteria-kriteria yang digunakan bagi menaikkan taraf jalan ini berdasarkan jalan yang di'maintain' oleh Jabatan Kerja Raya berdasarkan standard yang biasa diterima sama ada jalan yang diserahkan daripada Kerajaan Negeri yang di'maintain' oleh majlis daerah kepada Kerajaan Negeri dan didapati memenuhi keperluan bagi sesuatu kawasan. Itulah di antara kriteria-kriteria yang diambil sebagai perkara untuk me'maintain' ataupun menaikkan taraf jalan berkenaan.

Tuan Jawah anak Gerang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi telah diperkatakan jalan tersebut iaitu Jalan Pakan dan Ulu Wak telah dinaiktarafkan atau ditar, tetapi saya tahu jalan tersebut belum lagi ditarkan. Mana satu yang betul? Saya hendak tahu di sini.

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, Jalan Pakan ke Ulu Wak telah pun diturap pada tahun 1991 tetapi JKR difahamkan oleh kerana lori balak telah menggunakan jalan berkenaan, ianya didapati telah rosak semenjak ianya dibina dan pembaikan-pembaikan (maintenance) yang dibuat selepas itu tidak dapat membantu untuk membaiki atau membaiki pulih semula jalan berkenaan walaupun amaran-amaran telah dibuat kepada syarikat-syarikat balak yang berkenaan untuk membaiki jalan-jalan yang telah rosak selepas ianya diturap pada tahun 1991.

**PELACURAN OLEH WANITA
WARGANEGARA ASING —
SIASATAN**

6. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada ianya adalah benar bahawa beratus-ratus wanita dari Thailand, Filipina, China, Amerika Selatan dan India telah pun dipaksa untuk melacur di Kuala Lumpur seperti mana yang dikemukakan dalam seminar atas 'Trafficking in Women: A Growing Phenomena in Malaysia' yang telah berlangsung di Kuala Lumpur pada bulan Mei tahun ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada pemeriksaan dan tangkapan oleh pihak Polis Kuala Lumpur, memang terdapat kemasukan wanita warganegara asing ke Malaysia untuk tujuan melacurkan diri, tetapi siasatan menunjukkan kebanyakan mereka menjalankan kegiatan pelacuran untuk memperolehi pendapatan lumayan. Walau bagaimanapun, terdapat juga wanita warganegara asing yang diperdayakan dengan janji-janji untuk mendapatkan pekerjaan sebagai pelayan/penghibur di tempat-tempat hiburan atau sebagai pembantu rumah dan sebaliknya terpaksa melacurkan diri oleh sebab keadaan yang terdesak.

Tuan Lim Si Cheng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin meminta Timbalan Menteri yang berkenaan menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian dalam memastikan bahawa negara ini tidak menjadi 'transit centre', dengan izin, bagi para pekerja seks negara Thai, Myanmar dan Filipina ke negara-negara maju seperti Taiwan dan Jepun.

Yang kedua, apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan ke atas pekerja-pekerja wanita seks Malaysia yang telah dipaksa balik dari negara lain?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa menjalankan langkah-langkah dari dua aspek. Satu aspek ialah dari segi penguatkuasaan undang-undang di mana ada terdapat undang-undang yang sedang dikuatkuasakan dan akan dikaji dari semasa ke semasa dan pihak polis sentiasa mengadakan operasi serbuan apabila dapat maklumat balas ataupun polis sendiri akan mengawasi kegiatan-kegiatan pusat-pusat hiburan di bandar raya-bandar raya yang besar.

Aspek yang kedua ialah kemasyarakatan di Malaysia ini, kesedaran masyarakat itu adalah penting. Selagi ada permintaan atau 'demand', pelacuran ini akan terus wujud kerana ianya merupakan satu cara untuk mereka cari wang yang lumayan. Dari segi itu, saya rasa, kesedaran masyarakat itu perlu melibatkan semua dan bukan hanya Kerajaan.

Bagi wanita ataupun gadis warga Malaysia yang keluar ke negara lain telah terlibat dalam maksiat, apabila kita dapat kerjasama daripada Interpol ataupun Polis daripada negara yang berkenaan melaporkan kepada pihak berkuasa Malaysia, maka pihak Imigresen dan Polis akan masukkan nama mereka dalam senarai hitam dan tidak akan membenarkan mereka keluar untuk mengulangi kegiatan mereka.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan kepada Timbalan Menteri. Yang pertama, sebagaimana yang kita tahu melacur di Malaysia adalah kesalahan kecil mengikut undang-undang 'minor offences' sahaja kalau tak salah saya. Soalan saya, adakah Kerajaan bercadang untuk menggubal satu undang-undang yang lebih baik lagi, lebih cekap lagi dan mungkin mendatangkan hukuman yang lebih keras lagi?

Kedua, langkah-langkah untuk mengurangkan 'demand' supaya laki-laki yang membeli wanita ini boleh dihukum juga selain daripada pelacur itu sendiri.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, memang pada masa ini Kerajaan sedang mengkaji undang-undang yang berkaitan. Terdapat dua undang-undang yang sentiasa diguna, satu ialah Akta Perlindungan Wanita dan Gadis dan satu lagi ialah Penal Code ataupun Kanun Keseksaan.

Apa yang pihak berkuasa menghadapi kerumitannya ialah saksi-saksi yang terlibat itu tidak ada siapa pun akan sanggup datang ke hadapan. Kalau kita dapat menjalankan operasi terutamanya pelanggan-pelanggan itu tentu tidak akan mengaku bahawa beliau telah mendapatkan perkhidmatan pelacuran itu.

Langkah-langkah bagaimana dapat mengurangkan, pernah pihak polis sengaja dengan bantuan media massa membawa kamera T.V., siapa-siapa cuba mengadakan pelacuran di hotel-hotel atau apartmen, kita dedahkan mereka atau customer ini di bawah kamera. Saya rasa itu memang satu perkara yang sangat memalukan dan di samping itu polis juga terpaksa meningkatkan kegiatannya, melawat dan membuat operasi di tempat-tempat yang dikatakan kekerapan kegiatan itu berlaku ataupun tempat-tempat mereka menyimpan gadis-gadis yang dikatakan terlibat.

Di samping itu pusat-pusat hiburan juga pemiliknya diseru oleh polis untuk bekerjasama. Kalau sekiranya ada terdapat gejala kegiatan itu berlaku, pihak pemilik selalunya dinasihatkan untuk menghubungi polis.

PROJEK JARING — PERANAN DALAM INDUSTRI TEKNOLOGI MAKLUMAT

7. **Dr. Tan Chong Keng** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan bagaimana projek JARING memainkan peranan dalam industri teknologi maklumat atau IT (Information Technology) di Malaysia dan bagaimana-kah Kementerianya dapat menggalakkan penggunaan sistem JARING itu oleh sektor-sektor seperti industri-industri, perdagangan, pendidikan, penyelidikan dan pembangunan dan lain-lain.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Dato' Abu Bakar bin Daud): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, JARING (Joint Advanced Research Integrated Networking Project), dengan izin, adalah satu prasarana rangkaian maklumat yang bukan sahaja boleh diguna untuk mendapatkan access maklumat dalam negeri, tetapi juga dari luar negeri. Melalui JARING kegiatan berikut boleh dijalankan:

- (i) Menawarkan perkhidmatan nilai tambah (value added service), berasaskan teknologi maklumat yang boleh dipasarkan di dalam dan di luar negara secara yang telus (transparent), dengan izin.
- (ii) Sumber maklumat tempatan boleh diguna oleh ramai pengguna di seluruh dunia yang bersambung kepada rangkaian internal.

- (iii) Teknologi-teknologi maklumat tempatan serta perisian terbaru yang dihasilkan boleh diuji dan dipasarkan melalui JARING. Ini memberi peluang kepada industri tempatan mereka bentuk kelengkapan teknologi maklumat serta perisian terbaru untuk kegunaan umum.

- (iv) Sumber maklumat teknologi dari seluruh dunia boleh dicapai melalui JARING. Sumber maklumat ini sangat berguna kepada industri tempatan untuk mengetahui perkembangan terbaru dalam pelbagai bidang.

- (v) Sistem teknologi terbuka JARING boleh disambungkan kepada kelengkapan pelbagai jenama. Ini boleh meningkatkan produktiviti melalui aliran maklumat antara agensi dan seterusnya meningkatkan kegiatan automasi pejabat yang membawa kepada penguurangan penggunaan kertas.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Institute Sistem Mikro Elektronik Malaysia (MIMOS), sebuah institusi penyelidikan dan pembangunan di bawah Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar sedang berusaha untuk menggalakkan penggunaan JARING bagi memperkayakan maklumat tempatan secara kerjasama dengan agensi lain dalam sektor awam dan swasta.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, untuk menggalakkan penggunaan yang lebih luas, saya ingin bertanya sama ada Kerajaan ingin menurunkan yuran keahlian untuk menjadi ahli dalam sistem JARING dan sama ada Ahli-ahli Dewan Rakyat atau Dewan Negara akan diberi keahlian yang percuma untuk menjadi ahli dalam sistem JARING; dan

Apakah maklumat yang akan dimasukkan dalam sistem JARING ini supaya orang ramai dapat access pada maklumat ini?

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini belum lagi kita menimbang untuk mengurangkan. Kita akan memikirkan perkara ini dan cadangan dari Ahli Yang Berhormat tadi, itu adalah satu cadangan yang baik kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Ini adalah satu cadangan yang bijak dan baik, kita akan pertimbangkan.

Tuan Mohamed Khaled bin Nordin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kita tahu bahawa sistem JARING ini boleh dipakai melalui komputer. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada menyatakan bahawa walaupun kita mempunyai ramai pemilik komputer, tetapi hanya sedikit yang subscribe kepada sistem JARING ini. Jadi, saya ingin tahu apakah masalahnya dan apakah tindakan yang dibuat untuk mengatasi masalah ini?

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, barangkali kita sedang bergerak ke arah itu. Budaya kita belum sampai lagi kepada tahap yang cemerlang dan tinggi lagi — kita akan bergerak ke arah itu.

**RUMAH KOS RENDAH DI SABAH
— JUMLAH WANG YANG
DIBELANJAKAN BAGI
PEMBINAAN**

8. Tuan Yunof Edward Maringking minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan daripada jumlah wang RM700 juta yang telah dijanjikan oleh Barisan Nasional semasa Pilihanraya Negeri Sabah 1994 bagi pembinaan rumah kos rendah di Sabah, berapa banyakkah wang yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Pusat di Sabah untuk maksud itu setakat ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Peter Chin Fah Kui): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini Kerajaan Pusat telah meluluskan peruntukan sebanyak RM220.935 juta bagi membiayai pembinaan rumah kos rendah di negeri Sabah. Jumlah peruntukan tersebut mengikut program adalah seperti berikut:

<i>Program</i>	<i>Jumlah Diluluskan (RM)</i>
Program Pinjaman Untuk Pemaju Swasta	18.30 juta
Program Perumahan Rakyat untuk Disewa	55 juta
Tabung Pusingan Perumahan Kos Rendah yang dikendalikan oleh Bank Negara	108.70 juta
Program Perumahan Awam Kos Rendah	38.935 juta
JUMLAH:	220.935 juta

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya dua soalan tambahan.

Pertama, adakah peruntukan itu meliputi juga pembiayaan PPRT ataupun projek perumahan untuk rakyat termiskin; dan

Kedua, di manakah projek untuk perumahan rakyat termiskin itu dilaksanakan?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Jawapan bagi soalan pertama ialah memang ada termasuk dalam program perumahan kepada golongan termiskin.

Ahli Yang Berhormat hendak tahu tempat-tempat yang dilaksanakan itu, saya tidak ada data yang terperinci, tetapi pada

keseluruhannya saya boleh memberitahu kepada Ahli Yang Berhormat sebanyak 3,794 unit telah dirancang dan di antara itu sebanyak 760 telah disiapkan.

Datuk Nurnikman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, apakah masalah-masalah yang telah dikenal pasti serta tindakan yang telah diambil untuk memperbaiki ataupun mempercepatkan proses dalam pembinaan rumah kos rendah khasnya di negeri Sabah dan adakah cadangan-cadangan ataupun rumusan telah diambil untuk memperbaiki masalah ataupun perkara seumpama ini?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, antara masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak pemaju, iaitu State Housing Board, dengan izin, ialah masalah tentang kontrak, masalah tentang pembinaan tapak kerana tapak itu tidak berapa sesuai dan perlu diusahakan, ditembok dengan tanah dan sebagainya dan termasuk juga masalah kos yang agak tinggi di negeri Sabah.

RUMAH GURU/KAKITANGAN DI LUAR BANDAR — PEMBINAAN

9. Tuan Yunus bin Rahmat minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah cadangan Menteriannya untuk membina rumah kakitangan/rumah guru bagi sekolah-sekolah yang belum disediakan kemudahan tersebut terutamanya bagi sekolah-sekolah kawasan luar bandar. Jika ada, berapakah peruntukan yang terlibat dan berapakah jumlah rumah kakitangan yang telah dibina dalam tempoh 3 tahun yang lalu (1991 – 1994).

Timbalan Menteri Pendidikan (Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah menjadi

dasar Kementerian Pendidikan untuk menyediakan rumah guru dan kakitangannya terutama bagi sekolah-sekolah di kawasan luar bandar. Dasar tersebut merupakan antara langkah-langkah untuk menjaga kebajikan dan juga sebagai insentif kepada kakitangan yang berkhidmat di kawasan luar bandar. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam, sejumlah RM142.9 juta telah diperuntukkan bagi membina rumah guru. Dalam tempoh tiga tahun yang lalu, di antara 1991 – 1994 jumlah rumah guru yang telah dibina ialah 5,092 unit.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan rumah-rumah guru yang disediakan khasnya di luar bandar amat terhad jika dibandingkan dengan guru-guru yang ada, oleh itu apakah kriteria-kriteria seseorang guru yang perlu diambil kira untuk mereka ini layak tinggal di rumah-rumah guru yang telah disediakan.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, keutamaan itu kita berikan kepada orang-orang yang ada keluarga ataupun tempat kediamannya agak sesak dan juga jarak jauh daripada satu tempat ke satu tempat. Itulah di antara asas-asasnya.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya sedikit, ada keluhan mengatakan bahawa permasalahan tentang rumah guru-guru ini berbangkit kerana bila sekolah-sekolah di luar bandar terutamanya dibangunkan, rumah guru tidak dibangunkan sekali. Adakah Kerajaan bercadang, untuk masa hadapan, bila membina sekolah-sekolah di luar bandar terutamanya, pembangunan atau asas perancangan juga dibawa sekali dari segi membangunkan rumah guru dan juga kemudahan-kemudahan yang lain seperti surau. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Rompin dan sememangnya kita sedang meneliti perkara-perkara yang ada hubung-kait dengan kebajikan guru-guru kita terutama sekali yang ada di kawasan-kawasan luar bandar dan segala keperluan akan cuba kita tampung mengikut kemampuan kewangan Kerajaan, termasuklah untuk membantu atau menampung keperluan di sekolah-sekolah dari segi menyediakan kemudahan-kemudahan seperti surau yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat.

TUDM — LANGKAH MENGATASI PENGHIJRAHAN JURUTERBANG KE SEKTOR SWASTA

10. Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) apakah pihak Kementerian bercadang untuk mengkaji semula elaun penerbangan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) bagi mengurangkan kehilangan juruterbangnya kepada sektor swasta; dan
- (b) langkah bagi melahirkan lebih ramai juruterbang yang terlatih.

27.6.95

37. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah langkah positif dari Kerajaan bagi menyelesaikan masalah penghijrahan juruterbang TUDM ke sektor swasta.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama dengan

soalan Yang Berhormat dari Tumpat yang bertarikh 27hb Jun, 1995 kerana ada persamaan.

- (a) Kementerian Pertahanan telah pun membuat kajian semula ke atas elaun penerbangan Tentera Udara Diraja dan telah pun mengemukakan kepada pihak-pihak tertentu yang berkaitan untuk pertimbangan mereka.
- (b) Antara langkah yang diambil oleh Kementerian untuk melahirkan lebih ramai juruterbang yang terlatih adalah seperti berikut:
 - (i) meningkat taraf Pusat Latihan Penerbangan TUDM di Alor Setar ke tahap Kolej Tentera Udara;
 - (ii) menambahkan pengambilan pakar-pakar juruterbang setiap tahun; dan
 - (iii) menghantar lebih ramai juruterbang ke luar negeri dalam bidang-bidang yang khusus di bidang tertentu.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah masalah sebenar Kementerian Pertahanan kerana telah banyak kali perkara kenaikan elaun juruterbang-juruterbang ini dikemukakan. Apakah masalah sebenarnya hingga pelaksanaannya sukar dijalankan? Adakah hendak menunggu sehingga tidak ada lagi juruterbang yang berpengalaman baru kajian semula hendak dijalankan. Kita tidak mahu sudah terantuk baru tengadah. Terima kasih.

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, permohonan ini baru sahaja diserahkan kepada pihak berkuasa iaitu pada bulan Mei tahun sudah dan dijangka sedikit masa lagi, insya-Allah, masalah elaun itu akan mendapat keputusan yang memuaskan.

**BOSNIA-HERZEGOVINA —
PERANAN KERAJAAN MALAYSIA**

11. Tuan Haji Mohamed bin Abdullah minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) apakah perkembangan terakhir konflik di Bosnia; dan
- (b) apakah peranan aktif yang dimainkan oleh Kerajaan Malaysia sejak akhir-akhir ini.

Menteri Luar Negeri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang di-Pertua, konflik peperangan di Bosnia-Herzegovina telah berlarutan lebih daripada tiga tahun tanpa sebarang penyelesaian politik. Pihak Serbs Bosnia masih berdegil dan menolak semua rancangan damai yang dikemukakan oleh masyarakat antarabangsa termasuklah rancangan damai yang dikemukakan oleh Five Nations Contact Group. Ini jelas menunjukkan bahawa mereka tidak menghiraukan kehendak masyarakat antarabangsa yang inginkan keamanan di Bosnia-Herzegovina.

Baru-baru ini Serbs Bosnia telah mengetatkan lagi kepungan mereka ke atas Sarajevo dan mengebom penduduk awam di kesemua kawasan selamat di Bosnia-Herzegovina.

Sungguhpun mereka telah membebaskan kebanyakan daripada 400 anggota pengaman PBB yang ditahan pada awal bulan ini, tindakan mereka jelas menunjukkan keengganan mereka terhadap undang-undang antarabangsa dan usaha-usaha terhadap mencari kedamaian di Bosnia-Herzegovina.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia telah memainkan peranan aktif dalam isu Bosnia. Negara kita telah dan akan terus memberikan sokongan kepada Kerajaan Bosnia-Herzegovina di forum-forum antarabangsa seperti PBB dan Pertubuhan Negara-negara Islam (OIC)

dan juga NAM. Malaysia adalah salah satu daripada ahli OIC Contact Group yang sedang berusaha untuk memberi penyelesaian konflik di Bosnia-Herzegovina. Di samping itu Malaysia telah menghantar seramai 1,500 anggota tentera pengaman di bawah naungan PBB ke Bosnia-Herzegovina dan telah menyatakan hasratnya untuk meningkatkan pasukan pengaman Malaysia di Bosnia-Herzegovina. Malaysia juga telah memberi bantuan kemanusiaan kepada rakyat Bosnia-Herzegovina. Baru-baru ini bantuan minyak masak berupa margerin dan minyak sayuran sejumlah RM1 juta telah diberikan kepada rakyat Bosnia-Herzegovina.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan berpendapat perlu adanya tekanan melalui sekurang-kurangnya politik, ekonomi dan lain-lain. Melalui OIC, NAM dan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa yang lain ke atas negara-negara yang bersikap negatif di dalam menangani konflik di Bosnia. Kalau perlu, apakah langkah yang telah diambil ke arah itu?

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkara ini, sebenarnya dahulu OIC semasa persidangan yang lalu telah pun membuat satu keputusan iaitu negara-negara OIC hendaklah mengambil satu sikap, iaitu satu tindakan dalam bidang ekonomi terhadap di mana-mana sebuah negara yang telah menunjukkan sikapnya memberi sokongan kepada puak Serb, itu telah menjadi keputusan. Di samping itu juga, di pihak Bangsa-bangsa Bersatu, memanglah sekatan atau sanction telah dikenakan ke atas Serbia-Montenegro, iaitu sebuah negara yang selama ini telah memberi sokongan kepada pihak Serb di Bosnia itu. Di samping itu juga, negara kita telah pun mengambil tindakan memutuskan hubungan diplomatik dengan Belgrade. Ini adalah tindakan berupa politik dan ekonomi yang telah diambil.

Puan Ainon Khairiyah binti Mohd.

Abas: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Luar Negeri tadi dan mengikut *Times Magazine* keluaran 12hb Jun 1995 kita mempunyai 1,537 anggota tentera di Konjik dan Markaska, iaitu di barat daya Bosnia yang tidak jauh daripada kawasan rampasan Serb. Soalan saya; sekiranya pasukan ini menerima serangan hebat akibat daripada kegagalan usaha damai PBB, dan jika tentera-tentera lain dari Britain dan Perancis mengundur diri, apakah langkah-langkah yang dirancang oleh Kerajaan untuk memastikan tentera kita tidak terputus bantuan? Juga dapatkah Kementerian ini menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini, apa langkah-langkah yang akan diambil sekiranya tentera kita terpaksa berundur jika keadaan menjadi lebih teruk?

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad

Badawi: Tuan Yang di-Pertua, ini lebih merupa soalan yang dijawab oleh Kementerian Pertahanan kerana ini ada hubung-kait dengan military logistic. Tetapi bagi kita ialah kita telah mengambil satu sikap dan pendirian iaitu kalau pun negara lain kena serang dan kalau pun ada pasukan daripada negara lain yang ditarik balik meninggalkan UNPROFOR, kita telah mengambil pendirian iaitu kita tetap kekal berkhidmat di bawah UNPROFOR. Soal kalaulah serangan akan berlaku kepada askar kita dan apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak kita, ini bergantung kepada situasi di tempat mereka bergerak, kerana dalam gerakan kita di sana pun kita ada juga operasi, cara-cara dan gerak-kerja yang memerlukan saling bantu-membantu antara pasukan-pasukan keamanan Bangsa-bangsa Bersatu dan kita sangat bergantung kepada kerjasama dengan askar-askar lain juga. Jadi, kita tidak akan bersendirian dalam perkara ini.

**KEMPEN KONGSI KERETA —
LANGKAH MENGURANGKAN
KESESAKAN DI JALAN RAYA**

12. Tuan Badrul Hisham bin Abdul Aziz minta Menteri Pengangkutan menyatakan kenapa kempen dan program-program anjuran Kementerian ini sering gagal atau lambat dilaksanakan:

- (a) umpamanya, kempen berkongsi kereta sudah lama dijalankan, tetapi peraturan mengenakan bayaran terhadap kereta yang mempunyai kurang daripada empat penumpang masih belum dilaksanakan; dan
- (b) penggunaan lampu brek ketiga dan lampu isyarat kelajuan bagi kenderaan berat masih belum disempurnakan.

Menteri Pengangkutan (Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan sedar bahawa kesesakan jalan raya mengakibatkan:
 - (i) berkurangnya produktiviti;
 - (ii) bertambahnya tahap pencemaran udara;
 - (iii) meningkatkan tekanan perasaan;
 - (iv) menambahkan perbelanjaan individu;
 - (v) meningkatkan kos akibat dari kelewatan; dan
 - (vi) merugikan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, setiap hari terdapat antara 700,000 hingga ke 800,000 buah kenderaan memasuki Bandar Raya Kuala Lumpur, dan angka ini sedang meningkat dengan kadar 11% tiap-tiap tahun. Memandangkan masalah kese-

sakan jalan raya yang rumit dan sedang meningkat, Kerajaan tidak boleh menunggu sehingga langkah-langkah jangka panjang dilaksanakan dan terpaksa mengambil tindakan untuk menggalakkan perkongsian kereta sebagai satu langkah jangka pendek bagi mengurangkan tahap kesesakan di jalan raya.

Tuan Yang di-Pertua, kajian menunjukkan bahawa kempen ini telah berjaya meningkatkan bilangan pemandu yang berkongsi kereta daripada 30% kepada 46%. Adalah jelas bahawa jika galakan ini tidak diperkenal, maka kesesakan jalan raya di Kuala Lumpur sudah pasti menjadi lebih bertambah buruk lagi.

Pelaksanaan sistem perkongsian kereta akan menjadi lebih berkesan apabila projek-projek jangka panjang dilaksanakan, iaitu:

- (i) meningkatkan tahap dan mutu perkhidmatan pengangkutan awam;
- (ii) menggabungkan syarikat-syarikat Bas Berhenti-henti dan mengintegrasikan perkhidmatannya dengan perkhidmatan rel;
- (iii) melaksanakan projek sistem Transit Laju Ringan (LRT 1 dan LRT 2);
- (iv) melaksanakan projek linear-city yang melibatkan penyediaan kemudahan pengangkutan awam berasaskan rel;
- (v) melaksanakan sistem rel komuter, landasan berkembar KTMB; dan
- (vi) memindahkan pusat pentadbiran Persekutuan ke Putrajaya.

Apabila kesemua langkah-langkah ini telah dilaksanakan maka itulah Kerajaan akan menimbangkan kemungkinan menghapuskan kemudahan-kemudahan tempat letak kereta di tepi-tepi jalan yang secara otomatiknya akan melebarkan jalan-jalan yang terlibat dan menaikkan kadar bayaran letak kereta di bangunan-bangunan dan di lapangan-lapangan meletak kereta. Masa itulah langkah-langkah ini akan meningkatkan lagi perkongsian kereta di Kuala Lumpur.

- (b) Berkaitan dengan lampu brek ketiga pula, penangguhan penguatkuasaan dibuat sebanyak dua kali sebelum ini adalah untuk memberi masa yang secukupnya kepada orang ramai melengkapkan kenderaan mereka dengan peralatan tersebut dan untuk mengelakkan kenaikan harga alat berkenaan jika ianya dilaksanakan secara tergesa-gesa. Pada ketika ini tinjauan yang dibuat oleh Kementerian adalah lebih daripada 90% telah mematuhi peraturan ini dan ianya akan dikuatkuasa pada 1hb Julai ini.

Berkaitan dengan alat amaran had laju, Kerajaan masih menggalakkan penggunaannya khususnya sebagai panduan kepada pemandu-pemandu mengenai had kelajuan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan Bagi Jawab Mulut telah pun suntuk.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 13 hingga 56 dijilid dalam buku berasingan)

RANG UNDANG-UNDANG
DIBAWA KE DALAM
MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG
PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG
ISLAM (WILAYAH-WILAYAH
PERSEKUTUAN) (PINDAAN) 1995

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pentadbiran Undang-undang Islam Wilayah-wilayah Persekutuan (Pindaan) 1993; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dibawa kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti, ada point of order, Kota Melaka. Peraturan Mesyuarat yang ke berapa, Yang Berhormat?

Tuan Lim Guan Eng: 23.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sebutkan.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ada bertanya satu soalan hari ini di mana saya ada minta Menteri Kewangan menyatakan nilai pasaran dan jumlah saham-saham yang diagihkan oleh beliau seperti MBf Capital Holdings Bhd., Hong Leong Credit Bhd., Hong Leong Bank Bhd., MBf Holdings Bhd., Telekom Bhd. dan Tenaga Nasional Bhd.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, nanti Yang Berhormat. Yang Berhormat tak payah baca soalan itu

Tuan Lim Guan Eng: Saya hendak berikan

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya maksudkan, Yang Berhormat cuma huraikan secara ringkas tentang apa yang hendak dibangkitkan, itu sahaja.

Tuan Lim Guan Eng: Oleh kerana ini penting untuk berikan

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, saya tak izinkan

Tuan Lim Guan Eng: Kalau tidak

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): soalan yang dimaksudkan.

Tuan Lim Guan Eng: Ini sekejap sahaja supaya, Tuan Yang di-Pertua boleh membuat keputusan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Baik, tetapi bukan membaca, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Sekejap sahaja. Ini kerana soalan ini bukan panjang, Tuan Yang di-Pertua — Telekom Bhd., Tenaga Nasional, saya nyatakan tahun diberi

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, apa yang saya cakap tadi itu cukup jelas.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, tetapi kalau saya tak berikan

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Huraikan sahaja, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, ya, okay. Saya sudah bertanyakan soalan ini kepada pihak Yang Berhormat Menteri Kewangan dan pada 7hb Jun di mana saya baru menerima surat jawapan pada hari ini bahawa soalan yang saya tujukan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan

tentang pengagihan saham-saham dan sama ada hubungan keluarga dengan Menteri, Timbalan Menteri dan lain-lain mendapatkan saham itu telah ditolak kerana kononnya menyalahi Peraturan Mesyuarat 23 (1) (h). Dan saya bacakan Peraturan Mesyuarat 23 (1) (h).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, di bawah Peraturan Mesyuarat 23 (1) (h) adalah dinyatakan:

“Tiap-tiap pertanyaan itu hendaklah menepati peraturan-peraturan yang tersebut di bawah ini:

“Sesuatu pertanyaan tidak boleh dikeluarkan dengan tujuan hendak mendapat buah fikiran atau hendak mendapat penyelesaian berkenaan dengan perkara undang-undang yang belum menjadi masalah atau kerana hendak mendapat jawab dalam perkara yang dimisalkan sahaja”.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya hanya hendak mendapat maklumat secara fakta bukan secara misalan dan pengagihan saham-saham yang saya sebutkan tadi telah disahkan oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri bahawa Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan berikan saham kepada individu-individu tertentu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, saya akan membuat satu keputusan.

Tuan Lim Guan Eng: Oleh itu, saya tidak faham mengapa soalan saya di tolak.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Baiklah Yang Berhormat, saya akan membuat keputusan.

Tuan Lim Guan Eng: Kalau boleh!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Bersabit dengan apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, saya rasa ini pernah timbul dahulu, sebelum sesi ini bermula juga. Dan biasanya penapisan soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di sini, saya rasa ini akan dibuat oleh Urusetia dan juga keputusannya adalah muktamad. Dan sekiranya Ahli Yang Berhormat hendak mempertikaikan keputusan berkenaan itu, saya rasa Ahli Yang Berhormat bolehlah membuat aduan ataupun mempertikaikannya secara bertulis.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya mendapat penjelasan, kalau boleh untuk memuaskan saya. Apakah sebab soalan saya ditolak? Kalau ditolak atas sebab-sebab yang betul, saya memang menerimanya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Dan di sini saya rasa dia tidak menyalahi apa-apa undang-undang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, saya tidak berhajat hendak berdialog dengan Ahli Yang Berhormat di sini, cuma nasihat saya.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, ya, tetapi Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dahulu Yang Berhormat!

Tuan Lim Guan Eng: Ya!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat kena akur kepada apa yang saya putuskan. Dan saya nasihatkan Ahli Yang Berhormat supaya membuat aduan ataupun kalau sekiranya Ahli Yang Berhormat hendak mempertikaikannya, Ahli Yang Berhormat boleh membuat secara bertulis.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya katakan dalam satu sidang Mesyuarat Parlimen selepas dibubarkan amalan convention yang dipakai adalah baru. Dan mengikut Peraturan Mesyuarat 23(3) dan (4) yang sama, bahawa adalah dinyatakan dengan jelas bahawa Tuan Yang di-Pertua sendiri yang memutuskan sama ada bukan Urusetia

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tidak! Ahli Yang Berhormat jangan mendapat tanggapan yang salah, sebab apa yang saya maksudkan Ahli Yang Berhormat boleh membuat aduan secara bertulis dengan hujah-hujah yang Ahli Yang Berhormat rasa wajar dan bukanlah Ahli Yang Berhormat hendak membangkitkannya di sini.

Tuan Lim Guan Eng: Saya juga tidak mahu memanjangkan perbahasan. Bolehkah saya tahu sama ada Tuan Yang di-Pertua tahu tentang penolakan soalan ini?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Penolakan soalan yang berkenaan itu, Ahli Yang Berhormat bolehlah sebutkannya dengan nyata secara bertulis, itu sahaja Yang Berhormat!

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua tidak tahulah?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat! Saya telah bercakap tadi, ini jelas, cukuplah Yang Berhormat!

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datuk Mohd. Ali bin Mohd. Rustam): Standing Order!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya! Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: 44(1).

Tuan Lim Guan Eng: Saya punya Standing Order masih belum habis, sila duduk!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dahulu, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Satu-persatu, jangan cemas! Sabar! Sabar.

Datuk Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Speaker, Standing Order!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dahulu! Saya rasa Ahli dari Kota Melaka!

Tuan Lim Guan Eng: Ya!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Keputusan itu cukup jelas! Saya tidak akan layan lagi Ahli Yang Berhormat!

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua . . .

Datuk Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Speaker!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Timbalan Menteri.

Datuk Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: 44(1). "Pengerusi setelah menarik perhatian Majlis Mesyuarat atau Jawatankuasa kepada kelakuan seorang Ahli yang berdegil-degil menyebutkan perkara yang tidak ada kena-mengena dengan perkara mesyuarat atau berulang-ulang menyebutkan hujahnya sendiri atau hujah-hujah Ahli lain dalam sesuatu perbahasan boleh memerintahkan Ahli itu suruh berhenti bercakap".

Tuan Speaker, ini jelas bahawa beliau, Wakil dari Kota Melaka berulang-ulang menyebut perkara yang Tuan Speaker sendiri telah minta beliau memberhentikan. Kerana itu saya minta supaya Peraturan 44(1) ini patut diikuti oleh Wakil dari Kota Melaka.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Baik! Terima kasih.

Dan sekiranya kelakuan tadi itu berlarutan, saya rasa memang saya berhak menggunakan peraturan mesyuarat yang berkenaan, tetapi saya rasa biasanya saya memberi peluang kepada semua Ahli Yang Berhormat supaya dapat mendisiplinkan diri.

Tuan Lim Guan Eng: (*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Cukuplah Ahli Yang Berhormat Kota Melaka!

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perkara ini penting!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, memang saya tidak menafikan apa yang Ahli Yang Berhormat sebutkan itu cukup penting, tetapi buatlah dengan nasihat saya, Yang Berhormat.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan terima kasih kerana Titah Ucapan Tuanku pada masa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Kesembilan”. (*15hb Jun, 1995*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli Yang Berhormat dari Libaran diminta sambung.

3.46 ptg.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran): Tuan Yang di-Pertua, Wakil dari Bandau dalam perbahasannya di Dewan ini minggu lalu pada ada mendakwa kononnya Kerajaan Barisan Nasional di Sabah hanyalah melaksanakan projek-projek yang telah dirancang oleh PBS.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Beliau mendakwa, tidak ada projek-projek baru yang dilakukan oleh Barisan Nasional di Sabah. Wakil dari Bandau juga mendakwa Barisan Nasional telah gagal melaksanakan janji untuk memberi pembangunan di Sabah dalam tempoh 100 hari. Tuduhan-tuduhan yang dilemparkan oleh Wakil dari Bandau ini amatlah negatif dan menunjukkan beliau tidak mengikuti perkembangan pembangunan di Sabah secara terperinci sejak Barisan Nasional mengambil alih tampuk pemerintahan negeri. Rekod pembangunan di Sabah jelas menunjukkan . . .

Dr. Maximus Johnity Ongkili:
(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, ada yang bangun, dari Bandau minta jalan, hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman:
Lain tahun! (*Ketawa*)

Rekod pembangunan di Sabah jelas menunjukkan kadar yang amat ketara sejak tahun kebelakangan ini berbanding dengan tempoh 9 tahun pemerintahan PBS. Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan peruntukan berjumlah beratus-ratus juta ringgit untuk melaksanakan berbagai

projek pembangunan dan infrastruktur bagi kemudahan rakyat. Bukanlah sahaja satu janji kosong apabila Kerajaan Persekutuan bersetuju membina sebuah universiti di Sabah kerana ketika ini program itu sedang dirancang dengan begitu menggalakkan. Begitu juga dengan projek-projek lain seperti Program Pembangunan Rakyat Termiskin yang semakin rancak, Program Penempatan Semula, program pendidikan yang lebih teratur, program pembinaan jalan raya, bekalan air, bekalan elektrik dan sebagainya. Semua ini adalah berkat hubungan . . .

Tuan Yunof Edward Maringking:
(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, satu lagi bangun.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman:
Lain tahun jugalah. (*Ketawa*)

Semua ini adalah berkat hubungan yang lebih baik di antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan. Rakyat Sabah sudah lama hidup dalam kerugian apabila PBS hanya mementingkan isu-isu politik dan perkauman, sedangkan sebagai sebuah negeri yang masih jauh ketinggalan, PBS patut mengutamakan soal pembangunan rakyat. PBS tidak pernah memikirkan bagaimana cara untuk mengurangkan kadar kemiskinan yang begitu tinggi di Sabah. PBS tidak pernah merasa perlunya berbaik-baik dengan Kerajaan Persekutuan untuk menarik lebih banyak pelabur untuk datang ke Sabah.

Apabila Barisan Nasional mengambil alih tampuk pemerintahan Negeri Sabah, semua sikap negatif yang terpacat dalam Kerajaan Negeri ala PBS ini sudah dihapuskan. Kerajaan Barisan Nasional negeri kini sedang menuju ke satu era pembangunan yang pesat bukan sahaja untuk tempoh 100 hari malah untuk

sepanjang mandat yang telah diberikan oleh rakyat. Apakah yang telah dilakukan dalam tempoh 100 hari apabila PBS mulai mengambil pemerintahan negeri pada 1985? Bukankah ketika itu PBS lebih banyak bergaduh untuk merebut jawatan-jawatan penting dalam Kerajaan Negeri? Bukankah dalam tempoh itu PBS lebih cenderung menukarkan atau memberhentikan kakitangan kanan kerajaan bumiputera Islam dan mengganti-gantikan dengan suku kaum Kadazan? Bukankah ketika itu pemimpin-pemimpin PBS berlumba-lumba mencari kawasan balak bagi membolehkan menjadi kaya dengan cepat tanpa menghiraukan nasib rakyat yang telah memberikan mandat kepada mereka?

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya beralih kepada beberapa persoalan yang berkaitan dengan pembangunan di Sabah, termasuk di kawasan saya. Bagi menarik lebih ramai para pelancong untuk datang ke Sabah, khususnya ke Sandakan yang berhampiran dengan kawasan saya, dicadangkan supaya Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan menaikkan taraf pusat-pusat pelancongan seperti Pusat Perlindungan Orang Utan di Sepilok, Pulau Libaran serta Pulau Selingan. Jabatan-jabatan Persekutuan seperti FAMA juga perlu memainkan peranan yang lebih aktif di negeri Sabah bagi membantu rakyat di negeri ini untuk meningkatkan sosio-ekonomi mereka melalui sistem pemasaran hasil-hasil pertanian yang lebih bersistematik dan menguntungkan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sila gulung, masa sudah cukup.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman:
Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana telah mewujudkan Jabatan Pembangunan

Persekutuan ketika negeri ini diperintah oleh Pembangkang. Sungguhpun begitu, apabila Kerajaan Negeri sekarang telah ditadbir oleh parti pemerintah di peringkat Persekutuan, maka saya ingin mencadangkan supaya JPPS ini ditamatkan peranannya di Sabah dan semua peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri yang sebelum ini disalurkan melalui JPPS hendaklah disalurkan kepada Jabatan-jabatan negeri kerana ini sudah pasti akan dapat memudahkan lagi proses pembangunan negeri dan mempercepatkan lagi langkah Kerajaan negeri menunaikan janji untuk memberikan lebih banyak pembangunan kepada rakyat di bawah pentadbiran Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, kesemua ini harus dipertimbangkan dengan segera oleh pihak berkuasa bagi memastikan Sabah dapat berganding bahu di bawah perkembangan radikal yang sedang wujud di rantau Asia Timur menerusi rangkaian usaha sama memajukan konsep Brunei, Indonesia, Malaysia, Filipina (East Asia Group Area). Selain dari itu kedudukan strategik Sabah di dalam rantau Asia Pasifik ini harus diperkukuhkan lagi bagi memastikan negeri ini akan menerima manfaat pertumbuhan ekonomi apabila era Asia-Pacific Central direalisasikan dalam sedikit masa lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata yang demikian, saya memohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Jelutong.

3.53 ptg.

Tuan R. Karpal Singh (Jelutong): Tuan Speaker, pada 8hb Jun tahun ini, apabila melafazkan Titah Ucapan, Yang di-Pertuan Agong di antara lain ada menyatakan, saya quote apa yang ada di

dalam Titah Ucapan itu "Beta menyeru Ahli-ahli Dewan Negara dan Ahli-ahli Dewan Rakyat sekalian menjalankan tugas, kewajipan dan tanggungjawab dengan penuh ikhlas dan jujur demi kepentingan rakyat dan negara". Perkataan "penuh ikhlas dan jujur" — adakah perkataan itu memberi expression, dengan izin, apabila dalam Dewan yang mulia ini ada Ahli sekurang-kurangnya seorang Ahli yang tidak jujur, ikhlas, tetapi ada masuk di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Speaker, Perlembagaan Persekutuan adalah undang-undang utama dalam negara kita. Jadi, undang-undang seperti ini, jikalau apa-apa pindaan undang-undang perlu dibuat, ia harus mengikut kepentingan rakyat dan itu harus dilakukan.

Tuan Speaker, mengenai perkara ini saya merujuk kepada Perkara 48, Perlembagaan Persekutuan. Khasnya, apa yang relevan — saya baca dari perkara itu.

"48 (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan perkara ini, seseorang adalah hilang kelayakan menjadi ahli mana-mana Majlis Parlimen jika—

- (e) setelah disabitkan suatu kesalahan oleh sesebuah mahkamah Persekutuan (atau sebelum Hari Malaysia, di wilayah-wilayah yang terkandung di dalam sesuatu negeri Sabah, Sarawak atau di Singapura) dan dihukum penjara selama tempoh tidak kurang daripada 1 tahun atau denda tidak kurang daripada RM7,000 dan ia tidak mendapat ampun".

Tuan Speaker, di sini, mengenai pencalonan dan penerimaan pencalonan bagi Ahli Yang Berhormat dari Batu, bolehkah seseorang yang disabit dan didenda lebih daripada RM2,000 di Singapura, walaupun selepas Singapura keluar dari negara kita.

Tuan Haji Badruddin bin Amirul-din: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Jelutong, sekejap, ada yang bangun. Yan hendak minta jalan.

Tuan R. Karpal Singh: Sila.

Tuan Haji Badruddin bin Amirul-din: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya minta Yang Berhormat dari Jelutong memberi penjelasan. Boleh atau tidak Yang Berhormat rujuk kepada Ahli dari Bukit Bintang? Dia kena dengan RM7,000. Cuba terangkan perbezaannya.

Tuan R. Karpal Singh: Boleh, senang — itu bukan susah untuk diberi penjelasan. Baiklah, Ahli Yang Berhormat dari Yan membangkitkan perkara itu. Barangkali selepas saya memberi penjelasan, tidak payah mengadakan satu petisyen di mahkamah, jikalau Barisan Nasional boleh terima penjelasan itu dalam Dewan yang mulia ini.

Datuk Joseph Chong Chek Ah: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat.

Datuk Joseph Chong Chek Ah (Batu): Tuan Yang di-Pertua, saya minta

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Nanti, sekejap. Minta jalan Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Saya belum habiskan penjelasan. Tidak payah. Seorang belum habis dijawab, lagi satu mahu kacau lagi. Tidak payah, Tuan Yang di-Pertua.

Apa yang penting adalah ini — dalam perkara 48(1)(e) — yang telah disabitkan satu kesalahan oleh sesuatu Mahkamah Persekutuan dan didenda tidak kurang RM2,000 atau penjara tidak kurang daripada 2 tahun. Ada dua bahagian kepada perkara ini — satu yang penting adalah sabitkan — jikalau tidak sabit dan ada satu 'conviction' yang direkodkan, apa yang ada dalam perkara ini tidak terpakai. Dalam kes Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang, beliau di "found guilty" tetapi itu pun tidak direkodkan sebagai "found guilty" — jauh daripada satu "sabitan". Apa yang dilakukan selepas proceeding 'contempt of court' — menghina Mahkamah Persekutuan yang ada dijalankan di dalam rayuan itu. Tidak ada satu sabitan. Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang hanya didenda, tetapi itu tidak mencukupi, jikalau Ahli Yang Berhormat dari Yan boleh faham, apa yang terus terang dalam perkara 48(1)(e) adalah saya ingat seseorang tidak payah menjadi lawyer untuk faham apa yang dikehendaki dalam perkara itu.

Tetapi apa yang terdapat dalam bahasa Inggeris, barangkali lebih baik jikalau dia boleh faham:

48 (1) (e) Subject to the provisions of this Article, a person is disqualified for being a member of either House of Parliament if—

(e) he has been convicted of offence by a court of law in the Federation (or, before Malaysia Day, in the territories comprised in the State of Sabah or Sarawak or in Singapore) and sentenced to imprisonment for a term of not less than one year or to a fine of not less than two thousand ringgit and has not received a free pardon;

Bukankah ini terus terang "he has been convicted". Saya ada meneliti, dan saya tahu daripada apa yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang. Dalam perintah yang ada dimeterikan dan ada dikeluarkan oleh Mahkamah Persekutuan, tidak ada apa-apa perkataan "convicted" disabitkan. Oleh itu, bagi kelayakan Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang, tidak ada apa-apa keraguan apabila kertas penamaan calon diterima oleh "The Returning Officer", apa yang dilakukannya adalah mengikut kehendak perkara 48(1)(e). Oleh itu, malahan Peguam Negara pun, apabila nasihat diperolehi oleh Peguam Negara, Peguam Negara pun bersetuju dengan apa yang dilakukan oleh "The Returning Officer". Adakah itu mencukupi atau mahu lebih penjelasan daripada itu? Ahli Yang Berhormat dari Yan — mencukupi?

Tuan Ong Tin Kim: (*Bangun*)

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Banyak bangun Yang Berhormat. Hendak beri jalan lagi. Yang Berhormat hendak beri atau tidak?

Tuan R. Karpal Singh: Mengenai Yang Berhormat Batu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sekejap.

Tuan R. Karpal Singh: Ia, yang berdiri tadi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat hendak beri jalan atau tidak? Ramai yang bangun.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, saya ingat, biar saya teruskan dengan apa yang saya

Tuan Chia Kwang Chye: (*Bangun*)

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ada lagi? Minta duduk.

Tuan R. Karpal Singh: Tidak payahlah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Silakan. Dia tidak mahu beri Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Itu untuk 'emphasis' juga. Bukan memberi jalan. Jangan tukar point itu. Do you understand? Then, sit down. Tuan Speaker, bolehkah saya

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Minta duduklah, dia tidak beri jalan.

Tuan R. Karpal Singh: Bagi perkara kelayakan seseorang — seperti yang saya beri contoh tadi, Ahli Yang Berhormat dari Batu, sudah melarikan diri sekarang, tadi ada bangun.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, dia tidak beri jalan.

Tuan R. Karpal Singh: Dia lari, apa yang biasa terdapat kepada Barisan Nasional apabila dicabar melarikan diri.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, dia bangun lagi, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, kelayakan bagi satu Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini adalah

penting oleh kerana di sini apa yang diperbuat adalah undang-undang yang berkuat kuasa ke atas rakyat. Bolehkah satu makhluk seperti D.P. Vijandran pada masa lampau menduduki Kerusi yang sama atas mana Tuan Speaker duduk sekarang . . . (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tidak payah sebut balik, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Bolehkah seorang yang tidak ada moral dan di sini bagi Ahli Yang Berhormat dari Batu, apa yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas isu ini. Apa yang dilakukan oleh Ahli Yang Berhormat ini adalah dilakukan di Singapura. Adakah itu bermakna jikalau seorang menjadi seorang calon untuk Dewan Undangan Negeri atau Dewan Rakyat, seorang pembunuh, seorang yang ada disabitkan rogol di Singapura, adakah itu bermakna seorang seperti itu boleh diterima sebagai Ahli Dewan yang mulia ini?

Apa yang penting adalah ini, Tuan Speaker, dan saya merayu kepada Barisan Nasional untuk mengadakan satu rang undang-undang dengan tujuan meminda Perkara 48(1)(e) tidak kira di mana seorang ada disabitkan, didenda atau dipenjarakan. Jikalau itu mencukupi untuk hilang kelayakan bagi seorang yang sudah jadi Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini atau apabila satu kertas penamaan calon ada diterima. Apa yang perlu adalah ini, Tuan Speaker, tidak boleh ada satu hipokrasi. Hipokrasi wujud dalam Dewan yang mulia ini apabila . . . dia sudah lari, dia tidak ada di sini. Apabila Tuan Speaker . . .

Tuan Chia Kwang Chye: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, satu bangun Yang Berhormat. Tidak beri jalan?

Tuan R. Karpal Singh: Tidak payah. Saya pun ada 15 minit, saya ingat tidak payah buang masa pun.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, dia tidak mahu beri, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Lebih daripada itu apabila saya sentuh kepada satu aspek moral tadi, Tuan Speaker, Ahli Yang Berhormat dari Batu dalam kempen Pilihanraya Umum baru-baru ini menyatakan perkataan Perkataan apa? Perkataan sopan? Lebih daripada lucu. "A four-letter word" yang digunakan ke atas seorang wartawan dan apabila dalam satu mesyuarat bagi wartawan, bosnya, Presiden GERAKAN yang merayu kepada makhluk ini untuk menarik balik apa yang telah digunakan olehnya, dia enggan dan Presiden parti dia tidak berani untuk mendapat apa yang dilafazkan oleh makluk ini untuk ditarik balik. Kenapa? Adakah Presiden GERAKAN takut oleh kerana orang ini barangkali ada mendapat political fund?

Jikalau bukan itu, apa sebab-sebab yang munasabah yang boleh diterima atas kelakuan seorang seperti Ahli Yang Berhormat dari Batu.

Tuan Noh bin Omar: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, ada Ahli Yang Berhormat bangun minta penjelasan. Dia tidak mahu beri. Satu minit lagi Yang Berhormat, minta gulung.

Tuan Noh bin Omar: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ada point of order, Yang Berhormat. Ya, yang ke berapa?

Tuan Noh bin Omar: 36(6) — Seseorang ahli hendaklah menghadkan percakapan . . . itu tidak payah bacalah.

Saya baca yang (6) sahaja. "Seorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat terhadap sesiapa ahli lain". Yang Berhormat dari Jelutong ada menyebut bahawa seolah-olah Presiden Parti GERAKAN tidak berani bertindak kerana menuduh kemungkinan Parti GERAKAN ini ataupun ahlinya mendapat political fund dari pihak-pihak tertentu. Jadi, ini adalah satu sangkaan jahat. Diminta Ahli dari Jelutong menarik balik tuduhan tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, saya ingat dia tidak katakan Presiden itu yang menerima political fund. Itu hanyalah satu statement yang biasa. Ya, sila teruskan. Yang Berhormat ada satu minit.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, dahulu di masa lampau dalam Kabinet ada seorang Menteri Undang-undang. Kali ini tidak ada. Bolehkah saya dapat tahu kenapa tidak wujud apa yang telah wujud dalam negara ini selepas Pilihanraya Umum yang baru-baru ini diadakan? Adakah Kerajaan tidak menaruh kepercayaan dalam Kementerian Undang-undang? Adakah hasrat Kerajaan untuk mengeneppikan undang-undang?

Tuan Speaker, dalam hal ini apa yang penting adalah ini; dengan izin, "The corner stone of any society is the law". Tanpa undang-undang, Tuan Speaker, "There would be a nutty". Kementerian Undang-undang adalah satu Kementerian yang penting.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masa sudah lebih, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Sudah habis?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sudah lebih.

Tuan R. Karpal Singh: Baiklah, Tuan Speaker. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tambun.

4.07 ptg.

Tuan Haji Husni bin Hanadzlah (Tambun): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, saudara-saudari yang saya hormati. Berbanyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi penghargaan kepada saya. Terlebih dahulu saya ingin response kepada Pengkalan Chepa. Dalam ucapannya minggu lalu yang terdapat dalam *Hansard* mengatakan, "Pada tahun 1990, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memperoleh majoriti 22,062 undi manakala dalam pilihan raya 1995, majoriti yang diperolehi oleh beliau hanya 17,226 undi". Beliau menyatakan satu kemerosotan sebanyak 4,836 undi. Seterusnya beliau menyatakan, "Bukankah ini satu petanda yang cukup jelas kepada kita bahawa perjuangan UMNO yang dipimpin oleh ahli jagat mula ditolak oleh rakyat dan UMNO sedang mengalami krisis ataupun proses hakisan pengaruh yang parah di kalangan para pengundi Melayu".

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membetulkan fakta. Hasil persempadanan semula kawasan pilihan raya, kita sedar bahawa hampir semua kawasan Parlimen bilangan pengundinya semakin kecil. Kubang Pasu pada tahun 1990, bilangan pengundinya adalah seramai 52,341. Pada tahun 1995, bilangan pengundi menjadi 44,843 orang.

Kemerosotan majoriti ini ada kaitan dengan bilangan pengundi yang semakin kecil pada tahun 1995. Saya juga ingin membaca keputusan pilihan raya bagi Parti Pembangkang. Bagi Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan, majoriti

undinya pada tahun 1990 adalah seramai 6,993. Manakala pada tahun 1995, 4,917. Bagi Pengkalan Chepa, pada tahun 1990 majoriti 17,447. Manakala pada tahun 1995, 11,094. Saya ingin menasihatkan Ahli Parlimen Pengkalan Chepa, apabila kita hendak menegur seseorang, kita fikirilah terlebih dahulu berapa umur kita dan apakah sumbangan yang telah kita beri kepada negara kita ini. Terutama bila kita hendak menegur seorang Perdana Menteri, malah cuba menjatuhkan air muka Perdana Menteri yang telah menyumbangkan seluruh jiwa raganya menaikkan martabat, maruah agama, bangsa dan negara kita dan membangunkan ekonomi kita daripada ekonomi yang merosot pada tahun 1980-an kepada ekonomi yang pada tahun 1995 mengagumkan seluruh dunia yang menggelarnya sebagai the economic miracle. (Tepuk)

Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Pengkalan Chepa bangun hendak minta jalan.

Tuan Haji Husni bin Hanadzlah: Biar saya habis dahulu, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, tadi saya ada menyatakan bahawa negara kita telah mencapai pertumbuhan ekonomi yang amat pesat. Saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T., berkat usaha Kerajaan Barisan Nasional kita dapat menikmati pembangunan yang pesat tersebut.

Walau bagaimanapun, saya ingin menyatakan bahawa perjalanan masa hadapan kita bukan mudah dan senang. Saya ambil kata-kata Lester Thurow dalam bukunya *Head to Head* yang menyatakan bahawa sekarang berlaku persaingan antara negara-negara besar untuk merebut tempat nombor satu dunia

pada abad ke-21. Sehubungan dengan ini, saya ingin juga menyentuh kata-kata Profesor Ali Mazruwi dengan izin, dalam bukunya *Cultural Forces in World Politics* apabila menggambarkan persaingan di antara negara besar dan juga hubungan antara negara besar dengan negara kecil; beliau menyatakan dengan izin, "when two elephants fight, it is the grass which suffer". Kemudian beliau menyatakan dengan izin, "when two elephants make love, it is also the grass which suffer". Kita sedar apabila Amerika Syarikat dan Soviet berperang, negara-negara kecil di Eropah, Timur Tengah dan juga Asia menjadi mangsa kepada mereka. Apabila Soviet dan Amerika Syarikat berbaik, begitu juga — negara-negara kecil yang menjadi mangsa.

Huntington pula mengatakan pada abad ke-21 kita akan menyaksikan, dengan izin, the clash of civilizations. Ini menunjukkan kepada kita bahawa perjalanan kita dalam abad ke-21 untuk mengejar cita-cita dan impian menjadikan negara kita sebuah negara maju pada abad ke-21 adalah akan menghadapi cabaran-cabaran yang amat besar. Blok-blok perdagangan, dasar fiskal dan monetary, penarikan GSP, cut-throat-competition dan penggunaan senjata akan menjadi mainan pada masa-masa tersebut. Benarlah seperti kata dengan izin, "theory of the jungle — only the fittest and the strongest will survive".

Dalam hubungan ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengajak seluruh Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk dari Ahli Pembangkang yang bersumpah pada 7hb Jun yang lalu, agar kita berusaha sedaya upaya yang mungkin untuk kita melahirkan negara Malaysia menjadi sebuah negara yang boleh kita panggil sebagai the strongest and the fittest. Untuk tujuan itu, saya ingin menyentuh beberapa perkara yang perlu kita lakukan.

Pertama, menjadi tanggungjawab kita untuk melahirkan masyarakat yang bersatu dan masyarakat yang berjuang ke arah mencapai matlamat yang satu. Kita tidak boleh membiarkan dalam masyarakat kita wujud masyarakat yang deviant. Saya ingin mengambil contoh wujudnya masyarakat deviant di dalam negara kita ini. Pertama semasa dalam pilihan raya yang lalu, di kawasan-kawasan hampir dengan kawasan-kawasan saya. Parti Pembangkang ada menyatakan, "Jika pangkah PAS, kita masuk syurga". Saya hendak jelaskan kepada Tuan Yang di-Pertua, apakah kesannya daripada kata-kata ini dalam masyarakat selepas pilihan raya?

Ada sebuah kampung yang terdapat 30 buah rumah di dalam kampung tersebut. 20 buah rumah adalah penyokong-penyokong kepada parti Pembangkang tersebut. Selepas pilihan raya, penyokong-penyokong parti Pembangkang tersebut menjadi angkuh dan sombong. Mereka ini daripada dahulu sehingga sekarang, Tuan Yang di-Pertua, adalah orang yang tidak rajin bekerja dan begitu juga mereka bukan orang yang rajin sembahyang. Tetapi mereka angkuh kerana mereka merasakan kerana mereka adalah orang pilihan yang akan masuk syurga kerana memangkah parti PAS. Apakah kesannya daripada senario ini? Pertama dalam masyarakat sudah wujud satu kumpulan yang menganggap bahawa PAS lebih besar daripada Islam. Yang kedua, sudah wujud satu aliran fahaman Islam yang baru. Yang ketiga, aliran fahaman ini merosakkan akidah kita.

Ahli Parlimen dari Marang ada menyentuh dalam jilid yang pertama *Mustika Hadis* tentang syirik tersembunyi dan syirik yang kecil. Antara bukti syirik yang kecil dan syirik tersembunyi ini adalah apabila kita mengatakan, "Kalau tidak kerana ayam berkokok ataupun rondaan polis, rumah aku nescaya masuk

pencuri". Ini sudah dianggap sebagai syirik yang kecil. Bagaimanakah pula apabila wujud dalam masyarakat orang yang menganggap bahawa dengan mengundi PAS, kita boleh masuk syurga.

Kemudian dalam masyarakat ini pula, oleh kerana mereka malas bekerja, mereka menjadi masyarakat yang tidak membangun. Saya hendak cerita kepada Tuan Yang di-Pertua, pernah pada suatu masa golongan ini tidak mampu membayar duit air sebanyak RM1,400. Kemudian datang berjumpa saya dan saya tanya kepada mereka berapakah jumlah yang boleh dikutip daripada kalangan atau golongan tersebut. Mereka cuba ikhtiar dan dapat mengutip sebanyak RM300 dan saya membayar untuk mereka RM1,100. Apa yang berlaku Tuan Yang di-Pertua, masyarakat yang tidak mahu bekerja ini telah menjadi masyarakat penerima. Mereka lupa kepada sabda Rasulullah s.a.w. bahawa tangan yang memberi itu lebih baik daripada tangan yang menerima. Itu sebabnya saya tidak hairan apabila Ahli-ahli Yang Berhormat daripada negeri Kelantan meminta dan merayu kepada Kerajaan Barisan Nasional supaya membangunkan Kelantan. Kerana jikalau saya ambil sikap masyarakat ini diterjemahkan dalam sikap kepimpinan Kerajaan Negeri Kelantan, perkara yang sama mungkin berlaku; bahawa Kerajaan Negeri Kelantan akan menerima bahawa mereka adalah "tangan yang menerima" dan Kerajaan Pusat ini "tangan yang memberi".

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengajak Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk Ahli-ahli Pembangkang, supaya kerosakan dan deviant dalam masyarakat ini harus dihapuskan.

Perkara kedua Tuan Yang di-Pertua, soal pembangunan. Terdapat pembangunan-pembangunan yang dilaksanakan di dalam negara kita adalah

pembangunan bentuk *ad-hoc*. Saya merasakan tiba masanya untuk setiap kawasan Parlimen diwujudkan pelan struktur pembangunan untuk jangka panjang supaya rancangan pembangunan kawasan-kawasan tersebut dapat dilaksanakan dengan baik.

Menyentuh soal pembangunan, saya juga ingin menyentuh tentang soal perumahan. Pembangunan perumahan ini ada kaitan dengan soal tanah dan soal tanah ini ada kaitan dengan pejabat tanah. Saya ingin membangkitkan dalam Parlimen yang mulia ini, saya telah membuat kajian di antara pejabat tanah dengan sebuah bank. Bagi sebuah bank pada setiap hari antara 200 hingga 300 orang akan datang ke bank tersebut. Tujuan mereka adalah untuk mengeluarkan duit, menyimpan duit ataupun membuat pinjaman. Bagi sesebuah pejabat tanah, antara 300 hingga 500 orang akan datang ke pejabat tanah pada tiap hari. Tujuan mereka untuk meminta tanah, minta mengurangkan kadar premium tanah dan sebagainya.

Masalah di pejabat tanah adalah lebih rumit daripada di sebuah bank. Tetapi di bank kita dapati bahawa bilangan pegawai-pegawainya lebih ramai daripada pejabat tanah. Bilangan pegawai di Bank Bumiputra Ipoh sahaja lebih daripada 30 orang. Jika saya bandingkan dengan Pejabat Tanah Ipoh, hanya 3 orang pegawai sahaja iaitu Ketua ADO, ADO I dan ADO II. Saya merasakan sudah tiba masanya Kerajaan menyusun balik pentadbiran pejabat tanah. Jika perlu diwujudkan ramai Ketua ADO mahu pun ADO, jika ia perlu dan dapat mengatasi masalah tanah, ia harus dijalankan.

Saya juga ingin menyentuh dalam soal pembangunan ini mengenai dengan rancangan perkampungan tersusun di dalam kawasan Bandar Raya. Bagi kawasan-kawasan rancangan perkam-

pungan tersusun ini, pihak Bandar Raya tidak menyediakan peruntukan pembangunan untuk rancangan perkampungan tersusun. Begitu juga pihak Pejabat Kemajuan Negeri.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, rancangan perkampungan tersusun ini menjadi tersepit di antara tidak adanya peruntukan daripada bandar raya dan juga tidak adanya peruntukan daripada Pejabat Kemajuan Negeri.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masa cukup, Yang Berhormat.

Tuan Haji Husni bin Hanadzlah: Jadi, saya merayu kepada Kerajaan agar supaya satu peruntukan khas dapat diberi kepada rancangan perkampungan tersusun di dalam Bandar Raya.

Saya ingin mengambil peluang untuk mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua di atas penghargaan yang diberikan kepada saya. Walaupun banyak lagi yang belum saya sentuh, saya percaya Tuan Yang di-Pertua akan memberi peluang kepada saya pada masa-masa yang akan datang. Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Klang.

4.23 ptg.

Dr. Tan Yee Kew (Klang): Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya membahaskan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana telah membangkitkan dalam Titah Ucapannya bahawa wanita telah menyertai dalam hampir semua sektor bagi merintis

perubahan dan kemajuan sosial, ekonomi dan politik. Kaum wanita di negara ini tidak dapat menafikan rasa kesyukuran kerana dilahirkan pada zaman ini dan duduk di negara yang mana kaum wanita dapat menikmati hampir semua hak-hak sebagai warganegara, hak terhadap pendidikan dan bekerja.

Saya menyatakan hampir semua sebab masih terdapat bidang di mana kaum wanita menghadapi masalah diskriminasi. Kita tidak meragui hasrat Kerajaan dalam usaha meningkatkan status dan juga kedudukan sosial ekonomi kaum wanita. Kita mempunyai satu jabatan yang khusus dalam menguruskan hal ehwal wanita di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Kita juga diberikan peruntukan pembangunan yang dikhususkan kepada wanita di dalam Rancangan Malaysia Keenam buat pertama kalinya dalam sejarah.

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan rasa penghargaan kita kepada bekas Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat yang telah berusaha sedaya upaya beliau membantu kaum wanita terutamanya di dalam usaha beliau sehingga lulusnya Akta Keganasan Rumah Tangga. Sekarang kita masih beruntung kerana Kementerian ini diketuai oleh seorang Menteri wanita yang setara dinamikinya dengan Menteri yang lalu. Bagi pihak kaum wanita kita mengucapkan tahniah di atas perlantikan beliau yang sangat bertepatan. Kita penuh yakin bahawa beliau akan terus meningkatkan taraf wanita dalam negara ini.

Walau bagaimanapun, saya ingin menarik perhatian Menteri dan pihak-pihak yang berkenaan kepada beberapa perkara yang saya anggap penting diberi perhatian serius dan mengambil tindakan yang sewajarnya supaya keadaan yang tidak seimbang di antara kaum wanita dan kaum lelaki dapat diperbetulkan. Ketidak-

seimbangan dan diskriminasi yang berasaskan jantina wujud dalam beberapa bentuk dan cara. Terdapat dalam bentuk merendahkan martabat kaum wanita seperti sebagai alat kepuasan seks semata-mata dan wanita sering dianggap kaum yang lemah dan mempunyai kemampuan dan kebolehan yang terhad. Terdapat juga dalam bentuk wanita menjadi mangsa keganasan seks dan juga terdapat ketidakseimbangan peruntukan undang-undang.

Sememangnya kita bersetuju bahawa usaha pendidikan kefahaman masyarakat dalam merubah sikap prasangka terhadap wanita dan merubah tanggapan yang salah terhadap wanita akan mengambil masa yang panjang dan tindakan dari pihak Kerajaan sahaja tentunya tidak mampu mewujudkan kesedaran yang semestinya. Tetapi kaum wanita tidak lagi sanggup menunggu kesan yang berterusan dari ketidakadilan undang-undang yang digubalkan di Dewan yang mulia ini. Contohnya, dengan izin, The Guardianship of Infants Act, 1961 yang menyatakan bahawa penjaga yang sah di sisi undang-undang or legal guardian adalah bapa sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, lahirnya seorang anak itu adalah gabungan kedua-dua ibu dan bapa melalui sebuah perkahwinan. Sedangkan ibulah yang mengandungkan bayi itu selama 9 bulan dan terpaksa menanggung kepayahan melahirkan, adakala menghadapi bahaya maut. Selalunya ibulah yang mesti menyusukan dan memenuhi keperluan hariannya. Namun, ia tidak diberikan hak yang sama sebagai penjaga yang sah di sisi undang-undang. Akta ini bukan sahaja menyinggung perasaan kaum wanita, tetapi juga di dalam pelaksanaannya telah mengakibatkan kegelisahan dan adakalanya mendatangkan kesulitan kepada anak-anak yang ibunya bercerai ataupun yang ditinggalkan suami. Memandangkan akta ini sudah terlalu lama dan dikira tidak lagi

sesuai di zaman ini, maka akta ini perlulah dipinda supaya dapat memberikan keadilan terhadap kaum wanita dan pindaan ini patut dilakukan dengan serta-merta.

Kaum wanita juga tidak berpuas hati terhadap The Distribution Ordinance 1958, di mana disebutkan apabila seorang lelaki jika ia meninggal dunia tanpa wasiat, isteri yang mempunyai anak hanya mendapat 1/3 dari harta peninggalannya dan jika si isteri yang ditinggalkan tanpa anak, maka cuma 1/2 sahaja menjadi miliknya. Tetapi apabila seorang wanita yang berkahwin meninggal dunia tanpa wasiat, maka semua harta miliknya akan dimiliki oleh suaminya. Jadi, keluarga di pihak wanita dan anak-anak wanita itu tidak dapat menikmati harta peninggalan ibu atau anak perempuan mereka.

Hari ini dengan peratusan yang tinggi kaum wanita terlibat dalam tenaga pekerja dan sebilangan besar daripada mereka telah menjadi pemilik harta melalui usaha mereka sendiri, maka akta tersebut ini patutlah dipinda juga selaras dengan perkembangan masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, masih banyak lagi undang-undang yang dianggap tidak memberikan keadilan sebaiknya kepada kaum wanita dan memerlukan kajian semula dan pindaan. Tetapi saya cuma diperuntukkan sekadar 15 minit untuk kali ini, jadi oleh itu saya terpaksa meneruskan ke aspek yang lain, iaitu mengenai menggazetkan undang-undang.

Sering terjadi setelah kita berjuang bertahun-tahun untuk meminda undang-undang yang terdapat unsur-unsur ketidakadilan di dalamnya dan berjaya diluluskan tetapi selepas itu kita terpaksa berjuang pula untuk menggazetkannya supaya dapat dilaksanakan. Contohnya, dengan izin, The Law Reform (Marriage and Divorce) Act, 1976 yang mana

menghalang poligami telah diluluskan pada tahun 1976 tetapi hanya dapat digazetkan pada tahun 1982, yakni memakan masa 8 tahun yang dianggap mengambil masa yang terlalu lama. Dalam tahun 90-an ini kita berharap keadaan ini akan berubah. Kita menyeru kepada Kerajaan supaya Akta Keganasan Rumah Tangga yang diluluskan pada tahun 1994 ini akan digazetkan dengan kadar segera. Hanya dengan ini mangsa keganasan rumah tangga akan mendapat perlindungan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, isu-isu yang saya bangkitkan ini telah pun berkali-kali saya dan pemimpin-pemimpin wanita menyuarakan di luar Dewan yang mulia ini melalui forum-forum, memorandum dan dialog dengan Menteri yang berkenaan. Telah berkali-kali juga di bawa ke Dewan yang mulia ini oleh Ahli Parlimen wanita sebelum saya. Walaupun keperluan pindaan disedari dan diakui wajar, namun pelaksanaannya dan kesempurnaannya belum juga tercapai.

Sekali lagi ucapan terima kasih dari saya kerana diberi peluang untuk menekankan betapa pentingnya perkara-perkara ini diberi perhatian dan tindakan segera amat wajar sekali dilakukan. Saya akan terus tanpa rasa jemu menyuarakan suara-suara ini sehingga kehendak dan hasrat hampir separuh penduduk Malaysia berasa lapang dan penyelesaian masalah yang ditanggung bertahun-tahun tercapai. Terima kasih.

Beberapa Ahli: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ramai lagi yang hendak berucap. Saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat bersabar menunggu giliran masing-masing, banyak permohonan untuk berucap. Kalau perlu, kita akan sambung sampai malam. Saya ingat, saya beri peluang kepada wanita seorang lagi, yang depan itu, sila Kapar.

4.35 ptg.

Dr. G. Leelavathi (Kapar): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya bagi pihak pengundi dan seluruh rakyat kawasan Kapar merakam penghargaan setinggi-tinggi tahniah kepada Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad di atas kejayaan cemerlang Barisan Nasional dalam pilihan raya umum yang lalu. Kecemerlangan Barisan Nasional membuktikan kepada umum rakyat menolak fahaman politik sempit yang berlandaskan perkauman dan agama.

Saya juga merakamkan penghargaan setinggi-tinggi terima kasih kepada Perdana Menteri selaku Pengerusi Barisan Nasional yang telah meletak lebih ramai calon wanita dalam pilihan raya umum yang lalu. Ini bermakna peranan wanita di negara ini telah diiktiraf sebagai penting dalam menyumbangkan tenaga dan idea mereka untuk pembangunan negara.

Saya juga berterima kasih kepada Presiden MIC, Dato' Seri S. Samy Vellu kerana memberikan kepercayaan kepada saya, wanita pertama menjadi wakil rakyat bagi MIC. Saya tidak tahu bagaimana untuk membalas kepercayaan, tetapi saya berjanji akan bekerja dan berkhidmat sebaik mungkin untuk rakyat segala lapisan.

Tuan Yang di-Pertua, keputusan ini membuktikan Kerajaan Barisan Nasional turut mengutamakan suara wanita dalam menentukan dasar negara. Keputusan rakyat memberi sokongan tanpa berbelah-bahagi kepada calon wanita secara langsung menepis dakwaan pihak tertentu yang menafikan hak dan suara wanita. Bagi mereka, wanita hanya layak sebagai pengundi atau perayu undi sahaja atau lebih teruk lagi duduk di rumah sahaja. Begitu murah dan rendahnya nilai wanita di mata parti berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berbangga kerana wanita telah diberi kepercayaan dalam pelbagai bidang termasuk dalam sektor Kerajaan atau swasta, namun masih lagi ada ruang kosong yang perlu diisi. Masih banyak lagi ruang di mana jika diberi peluang yang sama dan adil, wanita bukan sahaja boleh menyumbang malah mungkin lebih baik dari kaum lelaki sahaja.

Seperkara lagi, jika bercakap soal wanita, kita tidak terlepas daripada kes keganasan rumah tangga. Menurut perangkaan, terdapat 6,000 kes keganasan rumah tangga telah dilaporkan, malah kes ini meningkat kepada 1,000 kes setiap tahun. Keadaan ini amat membimbangkan. Kita perlu berbuat sesuatu membandung kes ini dari terus merebak. Saya yakin ramai lagi yang terbabit dalam kes ini tidak tampil membuat laporan, mungkin kerana mereka tidak tahu hak mereka kerana tiada penerangan yang meluas atau takut. Saya berharap Kementerian berkenaan memberi perhatian yang sewajarnya dalam soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersyukur kerana tahap kesihatan rakyat negara ini semakin meningkat. Kadar kematian bayi telah menurun. Jangka hayat lelaki sekarang hitung panjangnya boleh hidup 68 tahun dan wanita 73 tahun. Perubahan ini berlaku hasil pembangunan sosio-ekonomi yang pesat. Kesihatan ibu dan anak banyak dipengaruhi oleh faktor sosial, kebudayaan dan ekonomi. Namun begitu, kajian masih lagi menunjukkan kematian ibu semasa melahirkan anak pertama masih tinggi. Kematian ini disebabkan oleh komplikasi semasa mengandung dan melahirkan anak dan risikonya adalah lebih tinggi jika penjagaan kesihatan dan kemudahan kesihatan tidak wujud. Sehubungan itu, saya sarankan agar perhatian yang serius diberi oleh Kementerian Kesihatan.

Saya juga berharap mutu perkhidmatan klinik dan hospital Kerajaan dipertingkatkan agar rakyat dapat menikmati kemudahan kesihatan dengan lebih baik. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya begitu dukacita di atas sikap klinik dan hospital yang mengenakan kadar bayaran yang begitu tinggi. Kerajaan harus membendung gejala ini. Pihak swasta harus turut memikul tanggungjawab sosial ini dan pentingkan tanggungjawab ini lebih dari soal keuntungan kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syabas kepada Kerajaan khasnya Jabatan Perdana Menteri di atas pelancaran Tabung Amanah "Rumahku Syurgaku", dengan izin, Trust Fund "My Home is My Paradise" sebagai usaha membasmi pelbagai krisis dalam masyarakat seperti remaja berpeleseran dan lepak, perpecahan rumah tangga, pelacuran dan perzinaan, perkosaan bapa terhadap anak atau perhubungan sumbang, penderaan anak, pembuangan bayi, penagihan dadah dan remaja bermasalah lari dari rumah serenti.

Saya yakin penubuhan Tabung ini mempunyai matlamat yang murni dan sudah pasti ianya akan membabitkan dan membela semua lapisan masyarakat tanpa mengira agama dan bangsa.

Tuan Yang di-Pertua, menurut kajian bersama Kementerian Belia dan Sukan dan salah sebuah institusi pengajian tinggi mendapati 1,680 daripada 5,860 remaja berusia antara 13 tahun — 21 tahun terbabit dalam seks bebas. Masalah ini, sepatutnya menjadi renungan dan tindakan kita bersama harus difikirkan.

Mengapa kes-kes kegiatan seks bebas terjadi di dalam masyarakat kita, pada hal kita menjunjung tinggi adat dan nilai ketimuran? Semua pihak harus memikul tanggungjawab ini, ahli politik, masya-

rakat, mass media, TV, pengusaha pawagam, pusat video dan juga pusat hiburan. Kita mesti maju setanding dengan negara maju, namun begitu, kita perlu bertindak segera agar wabak negatif negara-negara maju tidak menghinggapi masyarakat kita sehingga menjadi barah.

Saya yakin penubuhan Tabung Amanah ini dan peranan yang dimainkan oleh agensi Kerajaan dan pelbagai pertubuhan lain mampu membendung gejala ini jika amanah itu dilaksanakan sebaik mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, usaha memenuhi Tabung Amanah ini tidak akan berjaya tanpa sokongan kuat daripada rakyat. Kita perlu melaksanakan pelbagai program untuk mempromosikan Tabung Amanah ini.

Sehubungan itu, saya sarankan agar promosi meluas dibuat melalui media khasnya TV dan radio. Oleh kerana penubuhan Tabung ini untuk kepentingan semua pihak, saya memohon ehsan Menteri Penerangan agar dapatlah kiranya mempengaruhi pihak media cetak mempromosikan tabung ini secara meluas. Dengan adanya kerjasama ini sudah pasti Kerajaan tidak perlu berbelanja besar untuk tujuan promosi sejajar dengan hasrat kita untuk membendung inflasi di paras sifar.

Saya yakin dengan adanya promosi seumpama ini pelbagai lapisan rakyat akan menghulur sumbangan, beri sedikit tanda ingat, beri banyak tanda kasih, beri lebih tanda sayang.

Tuan Yang di-Pertua, belia tunggak negara, remaja harapan bangsa, mereka pelapis yang akan menerajui negara.

Menjelang tahun 2020 hampir 45% penduduk negara adalah generasi muda yang berusia antara 15 tahun hingga 39 tahun. Namun begitu, mengikut perkem-

bangun dewasa ini, kita dikejutkan oleh ledakan bom apabila didedahkan dengan pelbagai gejala tidak sihat yang dibawa oleh remaja.

Gejala sosial ini begitu kronik. Mengikut perangkaan sehingga tahun 1993 yang saya perolehi lebih 79,690 remaja terbabat dengan penagihan najis dadah. Penagih berulang lebih kurang 47,598 cubaan membunuh 46; kes merogol lebih 111 orang; mendera 68. Keadaan ini amat membimbangkan.

Sementara itu, Tuan Yang di-Pertua, jumlah kes salah laku pelajar juga bertambah. Pada tahun 1993 sahaja 42,415 orang, membabitkan pelajar sekolah rendah dan 130,200 pelajar sekolah menengah. Mengikut klasifikasi:

	<i>Pelajar Sekolah Rendah</i>	<i>Pelajar Sekolah Menengah</i>
Jenayah	11,522 orang	15,543 orang
Berkelakuan lucah	1,038 orang	3,172 orang
Musnah harta-benda (vandalism)	2,372 orang	2,299 orang
Ponteng	8,490 orang	45,336 orang
Kurang sopan	8,410 orang	1,713 orang
Tidak kemas diri	3,157 orang	15,025 orang
Tidak menepati atau mementingkan masa	3,484 orang	17,379 orang
Tidak jujur	8,251 orang	7,081 orang
Lain	7,997 orang	7,952 orang

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan statistik yang saya nyatakan pada hemat saya kita perlu akur semua pihak harus memainkan peranan dan mencari pendekatan mengatasi masalah ini. Kerajaan, ahli politik termasuk Barisan Nasional dan Pembangkang, masyarakat, ahli korporat, swasta dan ibu bapa harus memainkan peranan. Kita tidak perlu menyanyi lagu "Bangau oh! Bangau, bangau yang kurus salahkan ikan; ikan salah

rumpun; rumput salah kerbau; kerbau salah perut; perut salah nasi, nasi salah api; api salah kayu; kayu salah hujan; hujan salah katak; katak salah ular dan memang katak makanan ular".

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masa sudah habis, Yang Berhormat. (*Ketawa*)

Dr. G. Leelavathi: Saya lebih membimbangkan ular-ular itu mungkin dilepaskan untuk memusnahkan negara untuk menganiayai kita secara diam-diam. (*Disampuk*) Lagi sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya.

Dr. G. Leelavathi: Akhirnya, kerana saling salah-menyalah antara satu sama lain, bangsa dan negara akan rugi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, ada lagi Yang Berhormat, habis?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: (*Bangun*)

Dr. G. Leelavathi: Ada sedikit.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Saya hendak minta penjelasan, boleh?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia hendak minta penjelasan.

Dr. G. Leelavathi: Okay. Saya hendak conclude ini.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, saya berasa bangga dengan wakil dari Kapar tadi tentang ular makan itu, makan ini. Saya hendak tanya satu sahaja, sebab ular ini banyak makan dan parti Pembangkang pun banyak makan juga. Yang mana lebih bahaya, ular atau parti Pembangkangkah?

Dr. G. Leelavathi: Soalan ini Yang Berhormat boleh jawab sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, di seluruh pelosok negara, bandar dan desa wujud pelbagai pertubuhan belia, pertubuhan politik dan badan sukarela yang lain. Saya sarankan agar seluruh badan pertubuhan ini digabungkan tenaga untuk membanteras masalah remaja. Ini tanggungjawab kita bersama dan Pembangkang juga tidak terkecuali. Kita perlu membimbing generasi muda ke arah hidup yang berkualiti. Jika akhlak mereka rosak, Wawasan 2020 dan pembangunan yang kita capai tidak menjadi apa-apa.

Tuan Yang di-Pertua, wabak vandalisme telah menular dalam masyarakat kita . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, saya ingat masa sudah cukup.

Dr. G. Leelavathi: Okay, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Alor Gajah.

4.53 ptg.

Dato' Abu Seman bin Haji Yusop (Alor Gajah): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang menyampaikan ucapan sulung saya di Dewan yang mulia ini dan membahaskan Usul Ucapan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sempena merasmikan sidang Parlimen Yang Kesembilan pada 8hb Jun, 1995 yang lalu. Saya ingin juga mengambil kesempatan di sini, mengucapkan setinggi-tinggi rasa hormat kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana Titah Baginda yang menggariskan arah tuju dasar Kerajaan untuk pembangunan masa depan negara.

Tuan Yang di-Pertua, kita baru sahaja menghadapi pilihan raya umum kali yang kesembilan pada 25hb April, 1995. Keputusannya sungguh membanggakan yang mana parti-parti Pembangkang pun mengakui kemenangan cemerlang yang diperolehi oleh Barisan Nasional. Di Melaka sahaja seramai 14 orang calon daripada parti-parti Pembangkang telah hilang wang pertaruhan mereka. Lima daripadanya adalah daripada parti Semangat 46 dan 9 daripada parti PAS.

Memandangkan sokongan rakyat terhadap Kerajaan Barisan Nasional begitu jitu sekali, ini membuktikan bahawa rakyat mengiktiraf kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dan seterusnya memberi mandat kepada beliau untuk meneruskan pembangunan negara agar Malaysia menjadi di antara negara industri yang terkehadapan di dunia menjelang tahun 2020 dengan mengambil kira rakyat luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, kita memang sedar bahawa ekonomi negara kita membangun dengan pesat iaitu pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) untuk suku tahun pertama tahun ini sebanyak 9.9%. Ini adalah merupakan kadar pertumbuhan yang tertinggi di dunia sekarang. Malahan Yang Berhormat Perdana Menteri yang saya anggap sebagai 'Bapa Pembangunan Era Baru Malaysia' telah mengingatkan kita bahawa pembangunan yang pesat ini tidak menjadi, dengan izin, 'economic bubbles' sahaja. Yang Amat Berhormat telah menasihatkan supaya semua pihak perlu meningkatkan tekad serta azam dan usaha gigih supaya proses pembangunan negara kita tidak terjejas disebabkan kita sudah berpuas hati dan tidak lagi meneruskan usaha gigih kita untuk memastikan kesinambungannya.

Saya mengucapkan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana saya berpendapat tanpa kepimpinan beliau, tanpa strategi yang kental serta pandangan jauh beliau, program pembangunan Malaysia tidak mungkin berjaya sebagaimana sekarang. Ada banyak faktor yang membolehkan proses transformasi ekonomi kita berjalan lancar serta pantas. Yang paling utama, pada saya adalah pemimpin kita yang committed serta berpandangan jauh. Kerajaan menetapkan arah tuju yang jelas, jentera perancangan dan pentadbiran yang efisien. Tidak kurang juga sokongan padu rakyat terhadap usaha Kerajaan.

Walaupun kita berbangga dengan pencapaian ekonomi kita, masih banyak perkara yang perlu kita beri tumpuan, malahan ada perkara-perkara yang kritikal yang kita perlu beri penekanan. Kita harus sedar bahawa industri negara, terutama sektor pembuatan masih tebal dengan ciri-ciri asalnya iaitu industri kita lebih bercorak berintensif buruh, berteknologi rendah serta bergantung kepada pengeluar syarikat-syarikat luar negara. Ini jelas dalam banyak sektor kecil. Malaysia harus melangkah lebih jauh untuk membangunkan industri yang bercorak lebih berintensif kemahiran, modal dan berintensif teknologi. Semua pihak perlu melipatgandakan usaha untuk membangunkan, dengan izin, Research and Development (R & D) yang kukuh.

Sekarang ini perjalanan R & D negara kurang daripada 1.0% KDNK Negara. Bukan sahaja Kerajaan perlu menumpukan perhatian kepada pembangunan, kapasiti dan profesionalisme dalam R & D, Kerajaan juga perlu menggesa sektor swasta sendiri melipatgandakan tumpuan kepada usaha-usaha R & D dan merapatkan institusi R & D dengan syarikat-syarikat pengeluar. Kejayaan kita membangunkan industri tradisi yang bergantung kepada tenaga kerja yang ramai telah menyulitkan kita. Keadaan ini juga mengakibatkan penghijrahan beramai-ramai buruh asing.

Industri sekarang nampaknya bergantung kepada kemasukan buruh import. Kita tidak boleh nafikan, kita sendiri kurang bersedia dan lambat menyediakan diri untuk membangun industri moden yang berasaskan teknologi yang lebih sofistikated, dengan izin dan kemahiran yang lebih tinggi. Kita bukan sahaja tidak mempunyai prasarana (infrastructure) serta program yang jauh lebih berkesan tetapi juga kita tidak merangka strategi yang lebih berkesan, merangka program dan melaksanakan strategi latihan yang jauh lebih berupaya memenuhi kehendak industri dari segi pengeluaran tenaga kerja kemahiran tinggi sesuai dengan perkembangan teknologi semasa. Perancangan program sumber manusia kita ketinggalan di belakang. Malah kita masih belum mampu berfikir jauh. Kita masih di tahap lama.

Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya kita telah menumpukan banyak usaha dan masa membangunkan industri kita tetapi tidak pula diikuti oleh usaha yang sama hebatnya untuk membangunkan sumber manusia kita. Dengan itu, strategi perindustrian kita agak tempang. Ketingangan inilah yang akan memudaratkan kita jika kita tidak mengorak langkah mengkaji semula strategi dan program pembangunan sumber manusia. Dalam dunia yang penuh cabaran ini, kita menghadapi banyak pencabar dan saingan yang sengit. Dahulu kita tidak harus mengendahkan negara-negara seperti Thailand, Indonesia dan Filipina kerana mereka diselubungi oleh berbagai masalah politik dan ekonomi. Kini negara-negara ini pesat membangun jika dibandingkan dengan negara-negara yang saya sebutkan tadi.

Kita mempunyai banyak kekurangan khususnya jumlah penduduk, potensi tenaga manusia, sumber asli dan tanah yang begitu luas serta kos buruh begitu rendah. Kita juga berhadapan dengan negara-negara baru yang kini sudah stabil

seperti negara-negara di Asia Barat, Amerika Latin serta negara-negara Eropah Timur. Pelabur-pelabur antarabangsa kini mempunyai banyak pilihan untuk melabur. Sekiranya kita masih nyenyak tidur, maka kita pasti akan ketinggalan. Kepastian pertumbuhan ekonomi yang kita banggakan sekarang ini akan meleset. Inilah economic bubble yang saya rasa kita perlu beri keutamaan. Saya menggesa supaya pihak Kerajaan dan lain-lain pihak memberi tumpuan yang lebih kepada program pembangunan sumber manusia supaya pelabur-pelabur antarabangsa kekal melabur dan membesarkan operasinya di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang pembangunan ekonomi negara, saya berpendapat amatlah penting kita membuat persediaan ke arah menjamin kesinambungan pembangunan ekonomi negara. Lebih penting amatlah perlu kita memastikan bahawa proses transformasi ekonomi negara kita juga membawa kepada proses transformasi sosial dan budaya bangsa Malaysia sendiri. Tidak kurang pentingnya kedua-dua proses transformasi ini perlu seimbang supaya semua lapisan rakyat dan semua wilayah di Malaysia ini menikmati hasil pembangunan negara kita dengan adil dan saksama. Keadilan dan kesaksamaan ini jugalah faktor penting menjamin kestabilan politik dan sosial di Malaysia. Tidak kurang pentingnya dalam menghadapi cabaran dunia moden sekarang ini, sudah ada tanda-tanda yang menunjukkan bahawa generasi muda Malaysia sudah mula menampakkan pandangan hidup serta nilai-nilai yang jauh berlainan dari nilai-nilai serta sikap dan pandangan hidup kita generasi sekarang.

Saya amat kluatir sekiranya generasi muda Malaysia tidak dibentuk dan dibimbing, negara akan menghadapi masalah sosial yang besar dan membahayakan pembangunan ekonomi, bangsa dan negara.

Saya bersyukur pemimpin-pemimpin kita menyedari hakikat ini. Saya ingin menyampaikan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana dengan kesedaran inilah beliau memberi ketetapan bahawa generasi muda Malaysia perlu satu program baru yang boleh memenuhi naluri muda mereka sambil membimbing mereka ke jalan yang lurus dituju demi masa depan negara. Program ini adalah program Rakan Muda.

Saya suka menyentuh program Rakan Muda ini oleh kerana saya berpendapat program ini adalah satu program, dengan izin, social engineering yang penting. Ia sama penting dengan program social engineering di bawah Dasar Ekonomi Baru yang lalu. Malahan saya anggapkan Rakan Muda adalah social engineering of youth di Malaysia, dengan izin, sesuai dengan peranan generasi muda sebagai generasi pewaris negara dan khazanah bangsa. Program Rakan Muda amat penting kepada proses kesinambungan pembangunan sosial dan ekonomi negara. Tidak mungkin tercapai matlamat Wawasan 2020 sekiranya anak muda kita leka dan diselubungi oleh suatu bentuk sikap yang negatif serta sistem nilai yang mematahkan usaha kita sebagai generasi semasa dalam membangunkan negara.

Namun begitu, saya dapati masih ramai pihak yang tidak faham Rakan Muda. Juga dalam merangka program dan aktiviti pentadbiran Kerajaan masih menggunakan kaedah dan cara lama. Dimensi yang lebih penting iaitu pembentukan sikap serta penerapan nilai dan pembangunan minda masih belum disepadukan dalam pembangunan programnya. Ramai pula walaupun program Rakan Muda ini adalah agenda pembangunan generasi muda negara masih belum sepenuhnya dijadikan oleh agensi-agensi Kerajaan Persekutuan, Negeri dan Tempatan sebagai satu program utama

mereka. Ini adalah amat malang pada saya kerana pembangunan generasi muda adalah tanggungjawab semua pihak. Sehubung dengan itu, peranan Kementerian Belia dan Sukan adalah penting untuk menyelaras rancangan dan pelaksanaan program ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masa cukup, Yang Berhormat.

Datuk Abu Seman bin Haji Yusof: Untuk hendak menghabiskan ini. Kementerian juga harus memimpin jentera Kementerian-kementerian, agensi-agensi dan pentadbiran di peringkat negeri dan daerah menghayati Rakan Muda. Jelaslah Kerajaan perlu meningkatkan kapasiti dan profesionalisme pegawai-pegawai bukan sahaja di Kementerian Belia dan Sukan, tetapi juga di berbagai agensi supaya Rakan Muda mampu membangun dan membentuk generasi muda yang berwawasan seperti yang diharapkan.

Dalam hubungan ini, saya berpendapat amat perlu juga semua pentadbiran negeri membantu melaksanakan program ini. Justeru itu, juga perlu Kementerian membantu dari segi kewangan supaya semua Kerajaan Negeri dapat menyumbang dengan berkesan. Saya dapat tahu ada negeri seperti negeri saya, Melaka ingin menyumbang, tetapi tiada sumber yang cukup. Saya difahamkan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka sendiri telah menyatakan kepada saya cadangan untuk menjadikan program Rakan Muda ini sebagai program penting perancangan di negeri Melaka. Kerajaan Negeri Melaka telah pun memohon daripada Kementerian Belia dan Sukan untuk membawa projek pembangunan program Rakan Muda di kawasan saya khasnya di Alor Gajah, saya harap Kementerian berkenaan memberi pertimbangan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa tidak mencukupi, saya dengan ikhlas dan jujur menyokong Usul Menjunjung Kasih ke atas Titah Ucapan Diraja Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sandakan.

5.01 ptg.

Tuan Lau Ngan Siew (Sandakan): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya peluang untuk berucap di Dewan yang mulia ini. Saya rasa amat bertuah dan berbangga kerana kali ini Sandakan diwakili oleh wakil dari parti komponen Barisan Nasional. *(Tepuk)* Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang diketahui Sandakan telah diwakili oleh pihak Pembangkang selama 20 tahun, tetapi selama itu apa yang diharapkan oleh penyokong-penyokong untuk melihat pembangunan di Sandakan hanya tinggal janji kosong. Selama 20 tahun pihak Pembangkang bukan berusaha memajukan Sandakan untuk faedah rakyat, tetapi menghabiskan masa mengkritik dan mencari kelemahan Kerajaan. Perbuatan seperti ini tidak menguntungkan sesiapa, sebaliknya membuat penyokong-penyokong merasa kecewa.

Tuan Yang di-Pertua, angin perubahan telah mula merasai di Sandakan. Rakyat Sandakan menyedari yang 20 tahun adalah satu masa yang agak lama telah diberikan kepada Pembangkang untuk membuat perubahan, tetapi pada hakikatnya tidak ada apa-apa perubahan yang berlaku.

Mereka sedar yang mereka tidak dapat menunaikan janji-janji yang telah dijanjikan kepada mereka. Oleh yang demikian, mereka telah membuat keputusan yang

bijak pada pilihan raya yang lalu dengan memilih wakil dari Barisan Nasional. Mereka sedar hanya Barisan Nasional yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad sahajalah yang dapat menjamin masa depan mereka dengan membawakan pembangunan yang diharapkan. Saya mengambil kesempatan ini untuk . . .

Tuan Yunof Edward Marinking:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Sandakan, Ahli Yang Berhormat dari Bandau minta jalan, beri atau tidak?

Tuan Lau Ngan Siew: Saya tidak beri, tidak ada masa, minta maaf, di masa yang lain.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Teruskan!

Tuan Lau Ngan Siew: Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan terima kasih di atas sokongan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak Kerajaan Barisan Nasional memerintah Sabah, banyak usaha telah dan sedang dilakukan untuk pembangunan Negeri Sabah agar mencapai tahap yang diharapkan, telah melaksanakan projek-projek pembangunan bagi Negeri Sabah. Sandakan juga tidak terkecuali yang mana Kerajaan Persekutuan dan Negeri telah memberi perhatian yang serius dari segi pembangunan fizikal, sosial dan ekonomi.

Akhir-akhir ini, banyak program dan kemudahan infrastruktur telah dan sedang dijalankan. Sebahagian besarnya telah pun disiapkan. Jalan-jalan kampung dan jalan-jalan luar bandar banyak dibina, di kawasan pedalaman Kinabatangan dan lain-lain.

Dalam Rancangan Malaysia Keenam, lebih kurang RM100 juta sedang dibelanjakan untuk jalan-jalan utama di bawah Kementerian Kerja Raya Malaysia. Untuk program jalan luar bandar dan jalan kampung, semuanya lebih kurang RM30 juta nilai projek sedang dalam pembinaan. Banyak lagi projek daripada Kementerian lain sedang rancak dalam pembinaan, di antaranya ialah tambahan kemudahan jeti untuk marin polis di Sandakan yang telah hampir siap. Pejabat dan jeti TLDM telah siap dibina, kompleks perumahan polis untuk kakitangan polis dan polis hutan hampir siap dibina.

Beberapa sekolah menengah dan sekolah rendah sedang dalam pembinaan. Projek-projek Kementerian Pelancongan di kawasan Sepilok itu juga telah siap. Dianggarkan keseluruhan projek Rancangan Malaysia Keenam untuk kawasan Sandakan yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan adalah dalam lingkungan RM200 juta. Kerajaan Negeri Sabah mempunyai beberapa program pembangunan untuk kawasan Sandakan. Kemudahan bekalan air untuk kawasan

Datuk Nurnikman bin Abdullah:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, kawan dari Beaufort minta jalan!

Datuk Nurnikman bin Abdullah: Yang Berhormat, minta penjelasan sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia minta penjelasan, beri atau tidak?

Tuan Lau Ngan Siew: Saya rasa dia akan ada masa lagi, sorry Yang Berhormat.

Kerajaan Negeri Sabah membangunkan beberapa program pembangunan untuk kawasan Sandakan. Kemudahan bekalan

air untuk kawasan Sandakan telah disediakan melalui satu program pen-swastaaan dan beberapa projek lembaga elektrik sedang dijalankan dan secara umumnya keadaan bekalan air dan api di kawasan Sandakan buat masa ini adalah memuaskan.

Kerajaan Persekutuan telah meluluskan pinjaman untuk membaiki sistem bekalan air untuk seluruh Negeri Sabah dan sebahagian besarnya adalah untuk meningkatkan sistem bekalan air di bandar-bandar utama di kawasan Sandakan. Untuk Rancangan Malaysia Yang Ketujuh peruntukan sebanyak lebih kurang RM560 juta telah dicatatkan untuk menguruskan beberapa program dan projek di berbagai agensi dan Kementerian Kerajaan Persekutuan. Di antara yang utama ialah Kementerian Kerja Raya dengan cadangan beberapa jalan utama untuk dibina baru dan dinaikkan tarafnya, di antaranya ialah menaikkan taraf Jalan Labuk, memulakan pembinaan Jalan Linggas — Sandakan dan mengetar jalan ke Baluran. Jalan-jalan di kawasan bandar baru Kota Kinabatangan juga diberi keutamaan seperti menyiapkan jalan ke Bukit Galas.

Begitu juga Kementerian Pendidikan telah mencadangkan pembinaan baru beberapa sekolah menengah dan sekolah rendah tambahan termasuk cadangan membina Maktab Rendah Sains MARA.

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Kementerian Pembangunan Luar Bandar mungkin membelanjakan lebih kurang RM50 juta bagi jalan-jalan luar bandar dan jalan-jalan kampung di seluruh kawasan Sandakan. Untuk kemudahan penerbangan pembaikan lapangan terbang Sandakan telah disiapkan, pada masa akan datang perkhidmatan radar pula akan diadakan. Agensi-agensi lain akan memulakan perkhidmatan yang lebih

besar sebagaimana Jabatan Pengangkutan Jalan akan membina jabatannya yang baru. Begitu juga Pejabat Penerangan, Penjara, Kastam, Kompleks Belia, Bomba, Tabung Haji dan banyak lagi pembangunan untuk kemudahan-kemudahan agama Islam. Perumahan kos rendah juga diberi keutamaan dan diberikan peruntukan yang tinggi. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kubang Kerian.

5.18 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian): Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong Menjunjung Kasih ke atas Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, saya ingin memberi beberapa pandangan.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Ketua Pembangkang, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah pun memberi pandangan tentang sebab-sebab kekalahan DAP yang begitu teruk dalam pilihan raya yang baru lalu.

Di antara ungkapan beliau, beliau menyebutkan bahawa kekalahan DAP kerana dasar DAP itu sendiri dan pengorbanan yang terpaksa mereka lakukan. 20 tahun perjuangan DAP, akhirnya baru sekarang hasilnya mula dilihat iaitu sikap Kerajaan terhadap bahasa, pendidikan dan ekonomi di mana berlaku liberalisasi dalam bidang pendidikan, ekonomi dan kebudayaan. Empat tahun kebelakangan ini, jelas kelihatan, menurut Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, berlaku liberalisasi dalam bidang pendidikan iaitu Kerajaan mengizinkan tumbuhnya universiti swasta, kolej swasta dan institusi pengajian berkembar dalam dan luar negeri. Dengan keadaan yang demikian, menurut Yang Berhormat dari Tanjong, DAP sedia kalah kerana cita-cita perjuangan mereka telah pun tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, rata-rata wakil Barisan Nasional yang berucap terutama daripada GERAKAN dan MCA kebanyakan mereka menyokong supaya institut pengajian tinggi dikorporatkan iaitu usaha mengkorporatkan institut pengajian tinggi. Di sini kita lihat, DAP sanggup berkorban selama 20 tahun perjuangan kerana cita-cita perjuangan mereka hampir tercapai dan telah tercapai dengan dasar liberalisasi yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional terutama dalam bidang pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, soal pendidikan adalah satu soal yang besar iaitu tanggungjawab sosial yang perlu dipenuhi oleh pihak pemerintah. Kebelakangan ini, apabila Kerajaan menswastakan banyak program-program, maka kita boleh lihat sekarang ini tanggungjawab sosial semakin berkurangan. Misalnya, kenyataan yang dibuat oleh Pengarah Urusan MAS, Tan Sri Tajuddin Ramli iaitu untuk menutup lapangan-lapangan terbang kecil yang dianggap tidak membawa keuntungan. Walaupun ucapan pandangannya itu disanggah oleh Timbalan Perdana Menteri yang menyatakan Kerajaan akan mengkaji terlebih dahulu, tetapi dengan pengaruh korporat dan pengaruh pihak swasta yang begitu kuat kepada Kerajaan, kenyataan yang dibuat oleh Tan Sri Tajuddin Ramli itu mungkin menjadi kenyataan dan ia membimbangkan rakyat terhadap tanggungjawab sosial Kerajaan kepada rakyat, di mana program penswastakan meletakkan tanggungjawab Kerajaan semakin kurang sekarang ini.

Kami di Pantai Timur dikatakan bahawa salah satu lapangan terbang akan ditutup sama ada di Kuala Terengganu atau di Kota Bharu. Sesungguhnya perkataan dan pandangan itu amat membimbangkan kami dengan kami melihat pengaruh pihak swasta begitu kuat dalam Kerajaan sekarang ini. Malah kita lihat pengumuman keputusan pilihan raya

— siapa yang berada di samping Perdana Menteri? Beliau tidak lain ialah Ting Pek King, seorang yang sangat berpengaruh dalam program penswastakan di Malaysia sekarang. Oleh itu kenyataan-kenyataan daripada pihak swasta sedikit sebanyak membimbangkan kami, kerana Kerajaan barangkali di atas sifat untuk mempercepatkan kemajuan, mengurangkan tanggungjawab sosial kepada rakyat sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, pandangan Timbalan Perdana Menteri yang Kerajaan akan mengkaji dahulu sebelum hendak ditutup sesuatu lapangan terbang ataupun tidak, saya ucapkan terima kasih di atas pandangan itu dan kita harap pandangan itu berkekalan, bukanlah pandangan itu hanya untuk mengambil hati kegelisahan rakyat yang kita lihat sekarang ini.

Begitulah juga tentang hendak korporatkan institut pengajian tinggi. Kita rasa cukup bimbang tentang perkara ini sekarang. Kerajaan hendaklah meneliti dengan penuh pandangan-pandangan, terutama ahli-ahli akademik, mereka yang membuat seminar, yang membuat simposium, memberi pandangan mereka terhadap korporatnya institut pengajian tinggi — pandangan Dr. Wan Abdul Manan Wan Muda, Dr. Wan Mohd. Nor Wan Mohd. Daud, Saudara Anwar Ridzuan, Saudara Khalid Awang, Profesor Syed Hussein al-Attas, Profesor Abu Bakar Hamid, Profesor Dato' Wan Hashim Wan Teh — pandangan-pandangan mereka yang dikemukakan dalam seminar, yang dianjurkan oleh BPIM hendaklah menjadi perhatian pihak Kerajaan.

Pelajaran adalah satu tanggungjawab sosial. Memang Kerajaan mendakwa bahawa perkembangan ekonomi Malaysia melebihi 8% selama 7 tahun berturut-turut. Kami dari Pembangkang tidak pernah menolak perkembangan ini. Tetapi

kita lihat, menjelang pilihan raya, pertarungan antara Kerajaan dan Pembangunan, terutama di kawasan Melayu, Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, misalnya, masih lagi menumpukan subsidi kasut, subsidi beg sekolah, subsidi baju hujan, subsidi basikal. Subsidi-subsidi ini melambangkan keupayaan ekonomi orang Melayu dan orang bumiputera di luar bandar, tidak kira di Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor atau lain-lain negeri yang dianggap membangun.

Di sudut bumiputera, kedudukan mereka boleh dikatakan seimbang sahaja. Memang pembangunan ekonomi 8.9%, melebihi 8% setiap tahun, tetapi jarang dihirau siapa yang menikmatinya, siapa yang dapat dan dalam keadaan yang sebegini rupa, kita lihat kenyataan yang dibuat secara rasmi dalam Parlimen, setelah tamatnya Dasar Ekonomi Baru, Rancangan Malaysia Keenam Kajian Separuh Penggal, ekuiti bumiputera daripada 19.5% telah turun kepada 18% — itu kajian yang dibuat pada separuh penggal Rancangan Malaysia Keenam. Bagaimana kajian yang dibuat sekarang? Barangkali ekuiti bumiputera itu akan menurun lagi.

Dalam keadaan ekuiti bumiputera sedang menurun, kenapa kita ingin menempah untuk menyamaratakan iaitu kita hendak beri pula institut pengajian tinggi — anak bangsa kita yang lemah dalam bidang ekonomi untuk compete (bertanding) dianggap setaraf dengan perkembangan ekonomi dengan kaum lain yang telah berjaya. Di sinilah kita amat bimbang tentang pengaruh pihak swasta di mana tanggungjawab sosial semakin terhakis sekarang ini sedangkan orang Melayu ataupun Bumiputera, rata-rata masih lagi di tahap yang miskin.

Kalau kita lihat kajian ilmiah yang dibuat oleh pihak universiti dan juga Jabatan Perdana Menteri, memang terdapat lebih kurang 8% lagi orang-orang

bumiputera di bawah tahap kemiskinan iaitu 1.6 juta atau 2.2% di bawah paras termiskin. Ini, kalau kita lihat keadaan yang sedemikian rupa, kalau kita rombak sistem pendidikan yang ada, maka bimbang pengaruh ataupun jurang perbezaan ekonomi pada masa yang akan datang akan lebih ketara. Kita harap Kerajaan Barisan Nasional yang UMNO menjadi tonggaknya janganlah tergopoh-gapah dalam menerima pandangan-pandangan korporat, terutama sekali dalam memberi khidmat sosial kepada rakyat, khasnya bumiputera yang masih tertinggal jauh.

Di sini pandangan yang diberi oleh para profesor kita yang telah membuat seminar dan kajian secara teliti, amat ganjil sekiranya kita dalam keadaan ekonomi berprestasi tinggi ini, untuk melepaskan tanggungjawab pembangunan insan di peringkat tinggi kepada cengkaman pasaran dan industri. Pasaran dan industri tidak patut menentukan kandungan dan kaedah pendidikan, malah sebaliknya pendidikanlah yang harus menentukan kandungan pasaran industri. Ini pandangan Dr. Wan Mohd. Nor Wan Mohd. Daud, iaitu Pengarah INSPAC.

Tuan Yang di-Pertua, pandangan-pandangan golongan cendekiawan kita di universiti kadangkalanya sekarang dianggap usang kerana pandangan tokoh-tokoh korporat diambil kira lebih utama oleh Kerajaan sekarang. Begitulah juga usaha yang dibuat oleh pihak Dewan Bahasa dan Pustaka. Ianya akan boleh membawa terbengkalai kerana Dewan Bahasa diperuntukkan wang yang banyak. Projek mereka sekarang ialah untuk menterjemahkan 15,000 judul buku baru dari tahun 1996 hingga tahun 2000, dengan 60% judulnya ditumpukan kepada tajuk-tajuk ilmu dan akademik untuk keperluan mahasiswa mengikut berbagai kursus dan aliran.

Menurut pandangan yang dikemukakan oleh Yang Berbahagia Encik Anwar Ridzuan, seorang ahli pendidikan kita, jikalau institut pengajian tinggi dikorporatkan maka akan wujud dua aliran pengajian, satu aliran bahasa Inggeris yang sudah tentunya diperlukan oleh pihak korporat dan pihak swasta dan satu lagi aliran kebangsaan di mana golongan Kerajaan yang mempertahankan aliran kebangsaan ini, maka Dewan Bahasa dan Pustaka yang sepatutnya menyalurkan buku ini kepada institut pengajian tinggi, kerja-kerja mereka akan menjadi sia-sia sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan begitu rupa masalah yang dilalui oleh institut-institut pengajian tinggi di United Kingdom, misalnya sebuah universiti di Birmingham menghadapi masalah bila diswastakan dan bila dikorporatkan. Masalah yang mereka hadapi ialah fakulti-fakulti ataupun pengajian-pengajian yang berunsur sosial atau agama, tidak ada pihak yang ingin menajanya. Pengajian bahasa, pengajian sains sosial dan pengajian agama — pengajian ini tidak ada penaja atau kurang tajaan. Tetapi pengajian-pengajian yang berbentuk sains dan teknologi, engineering dan sebagainya, maka pengajian inilah yang akan ditaja oleh pihak-pihak korporat dan oleh pihak-pihak swasta. Maka perkara ini juga mungkin berlaku apabila Universiti Malaya dikorporatkan dengan yuran yang meningkat begitu hebat, maka pada masa akan datang pengajian Islam, pengajian bahasa, pengajian sosial — pengajian-pengajian ini, pihak korporat malas untuk swastakan kerana di sudut pulangan ekonomi tidak begitu ketara kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, selama ini keistimewaan dimiliki oleh anak-anak bumiputera sejak merdeka ialah biasiswa. Biasiswa tidak kira parti politik apa pun sehingga anak-anak menteri pun dapat

biasiswa. Di atas nama bumiputera, mereka dapat biasiswa. Sekarang ini biasiswa makin dihapuskan, digantikan dengan pinjaman. Misalnya, bila Universiti Malaya dikorporatkan, yuran yang akan naik sebanyak 700% daripada RM1,000 kepada lebih daripada RM7,000 maka hendak masuk universiti dengan peralatan, pendaftaran dan sebagainya memerlukan lebih kurang RM12,000.

Tuan Yang di-Pertua, apabila wang yang begitu banyak diperlukan untuk masuk universiti maka lain jalan tidak ada, diadakan pinjaman. Maka institusi bank akan diutamakan dan pelajar-pelajar pula akan dibebankan dengan pinjaman yang begitu banyak. Yuran dan institut pengajian pula menanggung kos yang lebih tinggi bila dikorporatkan nanti, misalnya sekarang ijazah lanjutan dikenakan tambahan yuran pengajian tahunan RM8,000 kepada RM10,500. Yuran yang dikenakan untuk universiti-universiti RM1,100 kepada RM2,800 manakala kos sebenar bagi latihan seorang mahasiswa ialah RM20,000 setahun.

Dengan pinjaman, dengan kita tahu keupayaan ibu bapa selain dari kaum bumiputera, mereka mampu meminjam daripada institusi-institusi kewangan tetapi bagi bumiputera, kalau pinjaman ini dikenakan kepada mereka, maka selepas mereka bekerja, mereka dibebankan dengan hutang yang begitu dahsyat. Apakah ke arah menghapuskan biasiswa ini untuk complete kehendak DAP iaitu konsep Malaysian-Malaysia telah terlaksana iaitu Pengerusi DAP, Dr. Chen Man Hin telah membayangkan bahawa konsep Malaysian-Malaysia sedang menuju ke arah sasarannya sekarang iaitu sekarang kita lihat anak bumiputera dan anak bukan bumiputera sudah disamaratakan. Penghapusan biasiswa yang semakin ketara ini . . .

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:
(*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun, Yang Berhormat. Minta laluan, ya.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Saya ingin bertanya dengan Ahli Yang Berhormat, adakah dengan menyebutkan beberapa ungkapan daripada Yang Berhormat Ketua Pembangkang, pihak PAS setuju dengan dasar-dasar DAP terutamanya di dalam soal pertanggungjawaban sosial dan adakah Yang Berhormat sendiri mengundi pemilihan sebagai Ketua Pembangkang baru-baru ini?

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Saudaraku dari Bagan Datok, kalau dengar ucapan saya tadi, orang tahu saya tidak setuju. Tetapi dia dengar sekerat barangkali, saya maafkan.

Tuan Yang di-Pertua, daripada situ kita lihat bahawa konsep Malaysian-Malaysia yang dikehendaki oleh DAP hampir tertunai sekarang apabila kita lihat program penghapusan biasiswa yang begitu ketara sekarang ini digantikan dengan pinjaman sedangkan rata-rata kita melihat bumiputera khasnya orang Melayu yang berada di luar bandar masih lagi berada di tahap kemiskinan ataupun di bawah paras kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
(*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun, Yang Berhormat. Masa Yang Berhormat ada seminit sahaja lagi. Ya, sila.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma menarik perhatian sahabat saya mengenai konsep Malaysian-Malaysia. Dia kata hampir tercapai. Konsep Malaysian-Malaysia yang diketengahkan

oleh pihak DAP adalah jauh berbeza dengan apa yang dilakukan oleh Kerajaan. Kalau hari ini Kerajaan menuju ke arah Malaysia yang sebenar, bukan berlandaskan konsep Malaysian-Malaysia DAP.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tidak apalah. Namalah konsep apa pun, kehendak DAP telah tertunai. Ini ucapan wakil dari Tanjong yang Kerajaan begitu lunak. Saya tidak menafikan hak-hak orang bukan Melayu untuk dapat pendidikan. Yang kita bercakap di sini, sudut keadilan. Mereka mampu untuk pergi ke institut pengajian tinggi swasta dalam dan luar negeri tetapi bagi orang Melayu, di mana negeri pun masih lagi tidak mampu dan mereka masih memerlukan biasiswa.

Tuan Haji Badruddin bin Amirul-din: (*Bangun*)

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: One minute man!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Masa sudah cukup. Saya beri peluang tetapi masa tidak cukup. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Perbahasan disambung semula.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Ledang. Sila teruskan.

5.37 ptg.

Tuan Hashim bin Ismail (Ledang): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas kesempatan yang diberikan untuk saya turut serta dalam perbahasan

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila teruskan ya. Jangan hilang masa, 15 minit sahaja. Teruskan kepada ucapan, ya. "Terima kasih" itu sudah banyak sangat.

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya seluruh kepimpinan dan penyokong Kerajaan Barisan Nasional amat bersyukur kepada Allah dan berterima kasih kepada para pengundi dan seluruh rakyat di atas kejayaan besar dan amat cemerlang BN dalam pilihan raya yang lalu.

Jika apa yang dikatakan oleh pemimpin parti Pembangkang yang tertentu bahawa mereka banyak dibantu oleh para malaikat, kejayaan kita yang jauh lebih cemerlang dan gemilang ini adalah kerana kita dibantu oleh Allah S.W.T. (*Tepuk*) kerana kita memohon terus dari Allah iaitu sumber kekuasaan yang sebenarnya, menepati maksud Ayat 247 Surah Al-Baqarah, "Allah memberikan kekuasaannya kepada sesiapa yang dikehendakinya". Kita tidak memohon pertolongan dari malaikat kerana mereka juga adalah makhluk yang sentiasa memerlukan bantuan dari Allah. (*Tepuk*)

Barisan Nasional diberikan kekuasaan oleh Allah kerana kita menyeru ke arah perpaduan kaum dan ukhwh Islamiah. Kita mengamalkan budaya politik yang berteraskan kepada prinsip hormat-menghormati di antara satu kaum dengan yang lain. Kita menyuburkan sifat toleransi dan keharmonian hidup antara kaum dalam sebuah negara yang bermasyarakat majmuk seperti Malaysia ini. Kita memaparkan imej Islam yang damai, harmoni, progresif dan dinamik. Kita juga menjadi contoh kepimpinan Islam yang sentiasa berfikiran terbuka, tidak fanatik dan konsep penerapan nilai-nilai Islam dilaksanakan dengan penuh bijaksana dan berhikmah, bukan secara tergesa-gesa dan gopoh-gapah seperti

cadangan pelaksanaan hukuman hudud yang hasilnya nanti bukan sahaja tidak berupaya memaparkan kesempurnaan, kesucian dan keunggulan hukum Islam yang sebenarnya, malah mungkin menjadi bahan ketawa masyarakat umum.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya seperti yang dititahkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, bahawa Kerajaan Barisan Nasional telah bekerja keras membangunkan negara ini dan sekali gus meletakkan Malaysia sebagai sebuah negara yang dihormati di peringkat antarabangsa. Dengan usaha-usaha pembangunan, dasar yang konsisten dan berkesan serta kejayaan ekonomi Malaysia yang membanggakan, kita berjaya menjadi contoh di mana sebuah negara yang rakyatnya berbilang kaum dapat hidup dalam suasana yang penuh damai dan bersatu-padu. Matlamat ke arah ini akan lebih mudah tercapai jika parti-parti pembangkang dapat memainkan peranannya dengan cara yang positif dan constructive, dengan izin. Tidak bersifat mengadu-domba dengan meniup api perkauman dan pelampau agama yang akhirnya boleh membawa kepada perpecahan dan kemusnahan kepada masyarakat dan negara Malaysia yang kita semua cintai.

Tuan Yang di-Pertua, jika politik boleh diibaratkan sebagai sebilah pisau atau parang, maka BN telah dan akan terus membuktikan bahawa kita menggunakan pisau tersebut untuk kerja-kerja dan tujuan-tujuan yang baik dan sihat. Tidak seperti parti-parti Pembangkang yang menggunakan pisau itu untuk mengancam, menakut-nakutkan dan merosakkan.

Ini jelas daripada tindakan kasar dan liar mereka seperti membakar akhbar, menyerang dan mencederakan krew TV, berlakunya perceraian antara suami isteri semata-mata disebabkan oleh perbezaan politik dan kegemaran mereka meng-

gunakan bahasa dan perkataan-perkataan yang kesat, kasar, angkuh dan bersifat menghina seperti "sial, ulama terompah kayu, ulamak haid dan nifas" dan lain-lain. Kesemuanya ini telah mengakibatkan perpecahan yang serius di kalangan masyarakat khususnya di negeri-negeri tertentu. Adakah ini contoh kepimpinan Islam yang ingin mereka perjuangkan dan adakah ini contoh kesucian, kemurnian, keunggulan dan ketinggian peradaban akhlak dan susila Islam yang ingin mereka pameran untuk dinilai oleh masyarakat umum?

Tuan Yang di-Pertua, lantaran kerana itulah rakyat terus menerus memberikan kepercayaan dan harapan kepada Kerajaan BN dalam setiap kali pilihan raya yang diadakan. Sokongan rakyat ternyata semakin lama semakin kukuh dan kuat berdasarkan kepada keputusan Pilihanraya Umum yang baru lalu.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, kejayaan yang besar menuntut satu harapan ataupun expectations, dengan izin, yang tinggi dan besar daripada rakyat. Harapan rakyat kepada BN sebagai sebuah Kerajaan yang benar-benar komited dan mampu memberikan perlindungan, keselamatan dan kesejahteraan juga kemakmuran hidup dan limpahan rezeki melalui pertumbuhan ekonomi yang mampan dan mantap sekali gus untuk memastikan kejayaan yang telah dan akan dicapai itu dapat diteruskan oleh dan untuk generasi yang akan datang. Ini adalah kerana pemimpin-pemimpin BN adalah sentiasa menepati kata-kata, dengan izin, a politician just thinks of the next election but a statesman thinks of the next generation. *(Tepuk)*

Inilah yang membezakan pemimpin Barisan Nasional dengan pemimpin parti-parti Pembangkang kerana ternyata bahawa pemimpin-pemimpin Barisan Nasional bukan sahaja merupakan tokoh-

tokoh politik tetapi sekali gus adalah negarawan yang tidak hanya memikirkan cara-cara bagaimana hendak memenangi pilihan raya tetapi sentiasa memikir dan merancang program-program jangka pendek dan jangka panjang untuk dimanfaatkan oleh anak cucu kita yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, kerana itulah bagi saya usaha-usaha ke arah menyediakan generasi yang ampuh, berjiwa besar, patriotik, memiliki ketahanan fizikal dan mental, sentiasa bersedia untuk menyumbangkan tenaga dan khidmatnya kepada negara, berbudi pekerti dan berakhlak mulia harus menjadi di antara agenda terpenting dalam program pembangunan negara kita. Kerana kita bimbang kalau-kalau kesenangan dan kemewahan yang kita perolehi sekarang ini akan menjadikan rakyat kita khususnya para belia leka, lalai, khayal dan hilang daya juang dan daya ketahanannya.

Lantaran kerana itu juga, saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan yang telah berikrar akan memberikan satu paradigma baru dalam konteks kajian semula Dasar Belia Negara dengan memberikan satu perspektif dan kaedah yang lebih dinamik untuk menjadi asas kepada pembentukan belia yang berwawasan, punya daya saing dan ketahanan yang diperlukan untuk menghadapi cabaran-cabaran yang lebih sengit di dekad-dekad yang akan datang ini; supaya kehadiran mereka benar-benar dapat memenuhi matlamat negara lebih-lebih lagi ke arah memastikan kejayaan Wawasan 2020 dan bagi memastikan kesinambungan pembangunan yang telah dan dengan gigihnya dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimanapun asas ke arah pencapaian matlamat ini harus bermula daripada alam per-

sekolahan lagi. Oleh yang demikian, saya berpendapat bahawa sistem pendidikan kita perlu menjalani satu reformasi yang menyeluruh dan berani supaya ianya benar-benar mampu dan berupaya melahirkan generasi yang benar-benar kamil dan seimbang iaitu generasi yang memiliki ketahanan fizikal, mental dan spiritual. Generasi yang bukan sahaja cemerlang dalam pencapaian akademik tetapi berwawasan, mampu berdikari, patriotik, komited terhadap survival dan pembangunan negara di samping memiliki nilai-nilai akhlak dan budi pekerti yang mulia.

Kita sering merasa hairan bagaimana pelajar-pelajar kita yang telah menerima didikan formal dan telah didisiplinkan selama berbelas-belas tahun semenjak di sekolah rendah dan sekolah menengah, menjadi begitu rapuh ketahanan jiwa dan mental. Ini terbukti apabila segala didikan dan disiplin yang diterima selama beberapa tahun di sekolah tidak mampu menjadi benteng yang dapat mempertahankan dan memelihara mereka daripada pengaruh-pengaruh negatif di luar sekolah seperti dadah, lepak, bohsia dan lain-lain. Mereka menjadi lemah longlai dalam tempoh yang singkat apabila berhadapan dengan gejala-gejala ini. Soalnya di manakah kekuatan dan ketahanan serta disiplin yang telah dibina selama berbelas-belas tahun di sekolah itu?

Kita juga sering mengeluh bahawa tenaga belia kita tidak dapat dimanfaatkan untuk mengisi keperluan-keperluan pekerja di dalam berbagai-bagai sektor di negara ini hingga perkhidmatan di stesen-stesen minyak pun kita terpaksa bergantung kepada pekerja-pekerja asing. Soalnya, di mana dan apa sudah jadi dengan belia-belie kita, belia-belie yang telah dididik dan diharapkan untuk menjadi penggerak dan nadi utama pembangunan, kekuatan dan keutuhan

negara? Dan soalnya, sampai bilakah proses pembangunan negara ini harus bergantung kepada tenaga pekerja-pekerja asing?

Oleh itu, satu usaha yang sungguh-sungguh untuk mengenal pasti jika masih terdapat kelemahan-kelemahan tertentu dalam sistem pendidikan kita dan seterusnya usaha untuk menangani kelemahan-kelemahan tersebut dengan berani dan tegas adalah amat diperlukan untuk membolehkan sekolah-sekolah benar-benar berfungsi sebagai institusi yang berupaya melahirkan generasi muda yang bukan sahaja cemerlang dalam bidang ilmu tetapi juga sebagai generasi yang mampan, ampuh dan mempunyai ketahanan serta kelasakan fizikal, mental dan spiritual. Bersemangat kental, berjiwa besar, berakhlak mulia dan komited terhadap pembangunan bangsa dan negara supaya kejayaan dan pembangunan negara ini dapat terus dikekalkan, dipertahankan dan dipelihara.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga berbangga kerana negara kita sedang mara dengan jayanya sebagai sebuah negara perindustrian dan kini kita berada di tempat yang ke-19 dalam senarai negara-negara industri dunia. Ini bukannya satu pencapaian yang kecil dan remeh, malah satu pencapaian yang cukup mengagumkan dalam tempoh yang agak singkat iaitu hanya selepas 38 tahun kita mencapai kemerdekaan. Inilah hasil kemerdekaan yang diperjuangkan dan pengisian erti kemerdekaan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Cuma kita merasa sedih kerana setelah 38 tahun kita menjadi negara merdeka dan berdaulat, duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan negara-negara lain di dunia; ada orang yang mengaku sebagai rakyat Malaysia yang masih bermentaliti penjajah.

Dalam perbahasan di dalam Dewan yang mulia ini iaitu pada hari Isnin yang lalu, semasa membahaskan tentang Akta

Dadah Berbahaya, di dalam Parlimen yang menjadi lambang kemerdekaan dan kedaulatan negara, Dewan yang menjadi lambang martabat dan darjat bangsa Malaysia, masih ada pemimpin parti Pembangkang iaitu Yang Berhormat dari Jelutong yang mendewa-dewakan, merindui dan masih dibelenggu oleh nostalgia dan kenangan zaman penjajah dan sanggup memandang rendah serta menggunakan perkataan-perkataan keji terhadap pihak polis yang terdiri daripada anak bangsa Malaysia sendiri yang selama ini telah berbakti menjaga dan mengawal keselamatan serta kesejahteraan rakyat dan negara dengan baik dan penuh dedikasi.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita berbangga dengan kejayaan negara menjadi sebuah negara perindustrian dan sedang bergerak ke arah matlamat industri berteknologi tinggi, beralat canggih, satu perkara yang cukup jelas dan ketara ialah bahawa kita sedang mengalami kekurangan tenaga pekerja khususnya tenaga-tenaga mahir dari kalangan anak tempatan. Oleh yang demikian, satu langkah yang segera dan berani perlu difikirkan dan dilakukan untuk mengatasi masalah yang serius itu. Kita mesti mengakui hakikat bahawa pembangunan negara yang sebenarnya mestilah bergantung sepenuhnya kepada keupayaan tenaga dan keringat rakyat negara itu sendiri. Perkara ini lebih-lebih lagi dirasakan perlu kerana kita sedang bergerak dengan pantas ke matlamat Wawasan 2020.

Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan supaya program "fast track" dilancarkan segera dan secara besar-besaran di seluruh negara. Satu program di mana latihan intensif bagi melatih tenaga-tenaga mahir dari peringkat yang paling asas dari kalangan belia-belie Malaysia dalam sektor industri dan lain-lain sektor yang dikenal pasti di mana tenaga dan khidmat mereka amat diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup ya.

Tuan Hashim bin Ismail: Saya hendak habiskan sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Satu ayat sahaja lagi. Sila.

Tuan Hashim bin Ismail: Seluruh keupayaan tenaga mahir dan kepakaran yang sedia ada di negara kita ini dan di mana-mana sumber yang perlu, perlu digemblengkan untuk menjayakan program "fast track" ini bagi melatih belia-belie kita yang mempunyai kelulusan di peringkat SPM dan sebagainya yang tidak berpeluang melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Program ini perlu menggunakan ataupun improvise, dengan izin, kemudahan-kemudahan prasarana yang sedia ada dan sebagai asas dan permulaan dalam usaha kita melahirkan tenaga pekerja dari kalangan rakyat tempatan.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup, Yang Berhormat.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Serdang.

5.49 ptg.

Dato' Yap Pian Hon (Serdang): Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Tuanku Baginda telah menekankan bahawa pengwujudan kawasan bebas ASEAN merupakan satu perkara yang perlu diberikan perhatian sepenuhnya. Pengwujudan ini berdasarkan perkembangan pembangunan ekonomi antarabangsa yang pesat dan seterusnya mewujudkan banyak peluang perdagangan untuk diterajui. Jika ditinjau melalui kegiatan dan perkembangan ekonomi antarabangsa sekarang, negara-negara

Asia Pasifik terutamanya Asean pasti akan menjadi pusat dan rantau yang bakal diberi perhatian antarabangsa dalam tempoh beberapa tahun yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan itu, negara-negara ASEAN perlulah mempererat lagi hubungan perdagangan antara satu sama lain. Berasaskan perkembangan ekonomi antarabangsa sekarang, kegiatan ekonomi di rantau negara-negara maju seperti Eropah dijangka dan mungkin merosot pada masa akan datang. Dalam hal itu, negara-negara ASEAN amat berpotensi untuk menjadi salah sebuah pusat perdagangan antarabangsa.

Justeru itu, usahawan dan peniaga-peniaga tempatan seharusnya menyambut seruan Kerajaan dalam Titah Ucapan ini berbagai langkah seperti meningkatkan kualiti produk dan daya saing perlu dilakukan. Dasar-dasar ekonomi Kerajaan kita juga perlu dikaji semula bagi membolehkan negara kita menjadi tumpuan perdagangan antarabangsa pada masa akan datang.

Dalam hal itu, dasar-dasar ekonomi negara sama ada dalam negeri atau luar negeri termasuk masalah pelaksanaan dan kuatkuasaan undang-undang atau peraturan-peraturan perlu dikaji, diubahsuai dan digubal atau dimansuhkan dari masa ke semasa selaras dengan keperluan dan perkembangan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, dasar perdagangan yang rasional dan bersesuaian kehendak semasa perlu dipraktikkan oleh semua golongan masyarakat negara ini berdasarkan arus pembangunan negara dan perkembangan ekonomi sedunia. Ideologi, komitmen antara pedagang-pedagang tempatan perlu digariskan, diwujudkan dan dipertingkatkan lagi bagi memastikan negara kita tidak tercicir dalam konteks pembangunan ekonomi antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, isu Spratly Island akan membimbangkan dan mengkhawatirkan semua. Isu tuntutan hak di Kepulauan Spratly telah menjadi topik perbincangan hangat antarabangsa sejak akhir-akhir ini. Sebagai sebuah negara yang terletak di dalam rantau yang juga terlibat dalam tuntutan hak sebahagian kepulauan ini, saya berpendapat negara perlu membuat perancangan terperinci sebelum melakukan sebarang tindakan dalam perkara tersebut.

Saya bersetuju bahawa dasar dan prinsip yang dipegang oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Yang Berhormat Menteri Luar Negeri berhubung dengan soal tuntutan Kepulauan Spratly ini di mana hubungan erat dan setia kawan antara negara-negara rantau ini terutamanya anggota-anggota ASEAN seharusnya ditekankan bagi mengelakkan sebarang konflik atau perkara-perkara yang tidak diingini berlaku.

Tuan yang di-Pertua, sehubungan dengan itu, saya berpendapat bahawa perkara ini seharusnya diselesaikan melalui saluran meja rundingan serantau mahupun antarabangsa. Keamanan, keselamatan dan kestabilan rantau ini perlu dititikberatkan. Negara-negara yang berhasrat untuk menggunakan kuasa ketenteraan tidak seharusnya bertindak sedemikian. Tindakan mereka itu hanya akan memburukkan keadaan sahaja dan juga akan mengancam keselamatan dan kestabilan di rantau ini.

Ekoran daripada itu, ini akan membuka peluang kepada negara-negara kuasa besar khususnya Amerika Syarikat untuk menunjukkan kewibawaan mereka sebagai wira dunia untuk mencampur tangan. Sekiranya keadaan itu berlaku, masalah mengenai soal tuntutan Kepulauan Spratly tidak akan berakhir malah ia mungkin akan menimbulkan ketegangan di rantau ASEAN ini, hanya akan menguntungkan negara-negara Barat dan juga akan menjadi alasan-alasan untuk mencampuri dalam hal ehwal dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, masalah konflik berlaku di merata dunia secara terang membuktikan bahawa penglibatan kuasa besar tidak pernah menyelesaikan masalah, malah mengakibatkan sesuatu konflik itu menjadi semakin sukar dan rumit untuk diselesaikan. Dalam konteks itu, negara-negara yang berkaitan dengan tuntutan Kepulauan Spratly seharusnya menjadikan sejarah lampau sebagai pengajaran. Dengan hal itu, saya ingin menekankan bahawa isu tuntutan itu supaya diselesaikan sesama sendiri antara negara-negara berkaitan. Rundingan ini akan merupakan untuk menyekat keke-
 rasan, ketegangan dan konflik di rantau ini. Maka saya mendesak pihak Kerajaan akan mengambil inisiatif supaya untuk mencapai tujuan ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan wujudnya pusat pentadbiran Kerajaan Pusat di Prang Besar, integrasi pembangunan Putra Jaya, dinamakan sekarang, dengan Serdang dan Bangi merupakan satu cadangan yang rasional, konkrit dan menguntungkan. Ini boleh dilihat dari segi tahap pembangunan masa kini bagi Serdang dan Bangi yang terletak di sebelah Putra Jaya. Struktur pembangunan Bangi terutamanya Bandar Baru Bangi akan melibatkan jabatan-jabatan Kerajaan tempatan, perumahan, industri, institusi pengajian tinggi seperti UKM dan pusat latihan komunikasi yang akan dicadangkan, pusat-pusat latihan Kerajaan dan swasta seperti Kompleks Latihan Maybank, Pos Malaysia dan Petronas serta di samping sistem pengangkutan yang tersusun.

Di kawasan Serdang kewujudan Pusat Pertanian Malaysia telah menyediakan institusi penyelidikan dan pengajian seperti Universiti Pertanian Malaysia, MARDI, Jabatan Pertanian dan Fakulti Perubatan UPM akan dicadangkan. Serdang juga merupakan satu kawasan perumahan yang tersusun dan didampingi

oleh kawasan industri ringan, Taman Rekreasi Mines Resort, Taman Teknologi Malaysia, dan Pusat Sukan Kebangsaan di Bukit Jalil yang sedang giat dibangunkan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu integrasi ketiga-tiga kawasan seperti Serdang, Putrajaya dan Bangi akan membawa manfaat sama ada Kerajaan adapun masyarakat setempat. Infrastruktur dan institusi-institusi yang sedia ada akan mengimbangkan lagi pembangunan Putrajaya, di samping menjimat kos perbelanjaan untuk membina dan menyediakan kemudahan-kemudahan yang sedia ada di kawasan Serdang dan di Bandar Baru Bangi. Bermula dari segi kemudahan akademik, fizikal sehinggalah semuanya kini telah bersedia atau sedang dibangunkan.

Sehubungan dengan itu, saya amatlah berharap pembangunan secara isolasi dan tidak seharusnya tertumpu di sekitar kawasan Putrajaya sahaja. Pembangunan serentak iaitu memabitkan kawasan sekitar kawasan Serdang, Putrajaya dan Bangi adalah penting dan perlu dirancang secara terperinci. Maka saya mendesak bahawa Jabatan Perdana Menteri atau EPU akan mengkaji terhadap cadangan ini supaya integrasi dikawasan ini dapat diwujudkan, supaya Bandar Putrajaya akan mencapai satu bandar melingkungi dengan bandar Bangi dan juga kawasan Serdang. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuaran.

6.00 ptg.

Tuan Yunof Edward Maringking (Tuaran): Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya meneruskan ucapan saya, izinkanlah saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas kemenangan Barisan Nasional yang begitu cemerlang (*Tepuk*) pada pilihan raya yang lalu dan seterusnya perlantikan beliau sebagai Perdana Menteri Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kecuali di Sabah dan Kelantan tidak dapat dinafikan Barisan Nasional telah menang dengan sungguh cemerlang. Saya berharap agar Barisan Nasional tidak akan menyalahgunakan kuasa yang diberi oleh rakyat kepadanya, tetapi sebaliknya menunaikan segala janji-janji pembangunan yang dibuat semasa pilihan raya terutamanya di Sabah. Saya juga berharap supaya pihak Barisan Nasional tidak akan menganggap parti Pembangkang khususnya Parti Bersatu Sabah sebagai musuh politik, tetapi sebaliknya menganggap parti-parti Pembangkang sebagai rakan seperjuangan untuk mencapai Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, di Sabah ada dua gejala besar yang sungguh membimbangkan iaitu walaupun Barisan Nasional telah menang besar di seluruh negara tetapi di Sabah kemenangan itu tercapai bukan dengan sokongan rakyat tetapi dengan penggunaan politik wang dan juga penggunaan pengundi-pengundi hantu.

Tuan Yang di-Pertua, kalau politik wang ini sudah membimbangkan

Tuan Haji Badruddin bin Amirul-din: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Yan bangun, Yang Berhormat. Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Yunof Edward Maringking: Tak cukup masa, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, tak cukup masa.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, jika politik wang sudah cukup membimbangkan parti UMNO, saya harap politik wang ini lebih membimbangkan kepada semua parti-parti politik di Malaysia, terutama Barisan Nasional dan harus dihapuskan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau politik wang ini tidak dihapuskan, lambat-laun negara kita akan hanya ditadbir oleh mereka yang mempunyai wang untuk membeli undi dan juga wakil rakyat.

Di Sabah, Tuan Yang di-Pertua, telah berlaku di mana parti yang kalah pula memerintah negeri sedangkan parti yang menang menjadi Pembangkang. Ini telah berlaku oleh kerana kuasa wang dan tamakkan kuasa untuk memerintah. Kita tahu dan dunia tahu bahawa di Sabah sahaja telah berlaku di mana Kerajaan telah ditubuh dengan perbuatan-perbuatan yang tidak bertanggungjawab iaitu meninggalkan rakyat selepas diberi mandat. Jadi Kerajaan Negeri yang ada di Sabah sekarang itu tidak ada mempunyai mandat rakyat. Untuk mendapat mandat baru, Dewan Undangan Negeri perlu dibubarkan untuk membolehkan pilihan raya umum diadakan supaya rakyat akan dapat membentuk satu Kerajaan yang betul-betul dibentuk atas mandat rakyat

Datuk Nurnikman bin Abdullah:
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Beaufort bangun, Yang Berhormat.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tak cukup masa juga, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tak cukup juga masa.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan juga tahniah kepada Perdana Menteri kerana memperkenalkan etika kerja bagi Jemaah Menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan juga Setiausaha-setiausaha Parlimen. Jadi, saya fikir sudah tiba masanya supaya Kerajaan ataupun Dewan yang mulia ini memperkenalkan etika bagi semua Ahli-ahli Dewan dan juga Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri. Untuk

maksud ini, Fasal 10 Perlembagaan Malaysia harus dipinda supaya seseorang yang tidak bertanggungjawab kerana meninggalkan ataupun mengkhianati mandat rakyat haruslah mengosongkan kerusinya sebelum dia melompat ataupun selepas melompat agar rakyat betul-betul boleh berpeluang untuk memberi dia mandat atau sebaliknya sebelum dia meninggalkan rakyat.

Untuk maksud ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon kepada Kerajaan supaya membentangkan satu pindaan yang dimaksudkan oleh kerana pindaan ini bukan sahaja dapat menghapuskan politik wang, tetapi juga akan dapat menstabilkan politik di seluruh negara. Jikalau pihak Kerajaan tidak sanggup mengemukakan pindaan ini, Parti Bersatu Sabah siap sedia untuk membentangkan pindaan ini kelak.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi gejala yang sungguh membahayakan negara di Sabah ialah pendatang asing. Pendatang asing bukan sahaja merebut peluang pekerjaan tetapi membantu pula merebut kuasa yang dibentuk oleh Kerajaan. Tidak hairanlah suatu masa nanti ada kemungkinan besar ramai Ahli Dewan yang mulia ini akan datang daripada para pendatang asing dan ini sudah pasti akan membahayakan negara dan tidak boleh dipandang ringan. Kita sama-samalah . . .

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yan bangun, Yang Berhormat.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tak ada masa, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tak ada masa, Yang Berhormat, ya.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir Ahli-ahli Yang Berhormat ada sedar betapa besarnya masalah yang ditimbulkan oleh

hanya 5,000 orang sahaja orang hanyut dari Vietnam dan kita sama-sama bayangkan pula berapa besar ancaman kepada negara yang mungkin akan ditimbulkan oleh lebih kurang 850,000 pendatang tanpa izin di Sabah kelak. Jika kita tidak mengambil tindakan sekarang, negara akan menghadapi masalah yang lebih besar

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun, Yang Berhormat. Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Yunof Edward Maringking: Tak bolehlah, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Yunof Edward Maringking: Jadi, saya harap Kerajaan akan mengambil tindakan sewajarnya secepat mungkin, terutama menghapuskan nama pengundi pendatang haram ini daripada daftar pengundi.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan ekonomi, saya memang merasa bangga tentang rancangan-rancangan yang dijalankan oleh pihak Kerajaan. Kita dari pihak Pembangkang bukan hanya tahu membangkang, tetapi kita tahu menilai juga. Mana yang baik, kita akan sokong. Mana yang tidak baik, pasti kita ada tugas untuk memperbetulkannya.

Tuan Yang di-Pertua, usaha Kerajaan untuk membangunkan negara jika rakyat di tempat di mana pembangunan yang diadakan bukan mendapat manfaat, tetapi sebaliknya mendapat kesusahan, itu bererti pembangunan itu gagal. Misalnya di kawasan Tuaran Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan negeri yang dipimpin oleh Barisan Nasional berhasrat merampas lebih kurang 8,500 ekar tanah yang dimiliki oleh kaum bumiputera untuk pelaksanaan Taman Perindustrian Kota

Kinabalu dan tanah ini akan dibayar dengan pampasan hanya RM13,000 tiap-tiap seekar, dan akan dijual pula kepada orang lain yang mungkin bukan bumiputera. Sedangkan yang perlu dilakukan oleh Kerajaan di situ ialah hanya menyediakan infrastruktur agar para pelabur, pihak swasta akan dapat mengambil tempat peluang pelaburan bersama bumiputera sebagai joint-venture, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Pihak Kerajaan Negeri tidak perlu untuk sibuk-sibuk mengambil bahagian dalam pembangunan perindustrian raksasa, sedangkan Kerajaan pusat pula sibuk dengan dasar penswastaaan. Ini bertentangan Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya harap pihak Kerajaan Persekutuan akan memberi bimbingan serba-sedikit kepada Kerajaan Negeri yang nampaknya tidak tahu mengurus ekonomi negeri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup, sudah cukup 15 minit.

Tuan Yunof Edward Marinking: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Wangsa Maju.

6.12 ptg.

Dato' Dr. Kamal bin Salleh (Wangsa Maju): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kerana memberi saya peluang untuk berucap dan membahas dalam Parlimen yang Kesembilan ini.

Dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Baginda telah bertitah betapa bangga Baginda dengan kejayaan negara Malaysia dalam bidang ekonomi, pembangunan masyarakat dan agama serta dalam hubungan antarabangsa.

Sesungguhnya tiada siapa pun sama ada dalam atau luar negeri sama ada kawan atau lawan yang dapat menafikan

hakikat kejayaan ini. Malah kemenangan besar yang diperolehi Barisan Nasional dalam pilihan raya umum yang baru lepas merupakan satu pengiktirafan oleh rakyat akan kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dan kejayaan Kerajaan melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan untuk kepentingan rakyat yang sekali gus memberi mandat dan kepercayaan baru kepada Kerajaan Barisan Nasional untuk meneruskan usaha membangun negara ke arah Wawasan 2020.

Pihak Pembangkang telah mengatakan kemenangan Barisan Nasional ini hasil keghairahan ekonomi atau dengan izin, "economic euphoria" dan liberalisasi kecil.

Tuan Yang di-Pertua, saya mendakwa sebaliknya bahawa kejayaan cemerlang Kerajaan Barisan Nasional ini adalah berpunca dari usaha yang jauh lebih besar dari itu.

Pencapaian ekonomi Malaysia dewasa ini sudah menjadi sebutan dan penulisan ramai. Pencapaian ekonomi ini kini bukan sahaja menunjukkan pertumbuhan yang rancak melebihi 8% buat 8 tahun berturut-turut, tetapi juga melibatkan satu rombakan struktur menuju tahap perindustrian yang lebih tinggi. Kejayaan ini tidak harus dianggap satu 'keajaiban' mahupun istilah, dengan izin, 'the Malaysian economic miracle' telah digunakan oleh beberapa orang komentar bebas. Ungkapan 'economic miracle' ini telah digunakan oleh para ekonomik yang telah menonjolkan pengalaman Malaysia ini sebagai negara contoh bagi negara membangun yang lain dalam segi pertumbuhan ekonomi dan pengagihan pendapatan. Pencapaian ekonomi negara kita ini sebenarnya bukanlah ajaib.

Tuan Yang di-Pertua, biarlah saya katakan juga bahawa prestasi ekonomi yang cemerlang ini bukan pula oleh

kerana nasib kita yang baik atau dengan izin, 'luck' seperti yang didakwa oleh pihak Pembangkang.

Pembangkang telah mengatakan bahawa pertumbuhan ekonomi yang begitu rancak sejak 8 tahun yang lepas disebabkan Malaysia bernasib baik terletak dalam kawasan Asia Pasifik, yang juga rancak ekonominya kebelakangan ini. Jika inilah faktor yang mempengaruhi kejayaan ekonomi Malaysia, mengapakah tidak pula ianya membawa hasil yang sama bagi negara Filipina yang baru sekarang setelah mengukuhkan Kerajaannya, berupaya memulihkan ekonominya ke arah pembangunan yang lebih mantap. Ataupun negara Myanmar yang masih belum mencapai potensi pengeluaran ekonominya, walaupun mempunyai faktor guna tenaga yang jauh lebih selesa dari Malaysia. Ataupun Vietnam yang masih dalam proses melaksanakan reformasi dalam sistem ekonominya melibatkan unsur pasaran yang lebih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, hujah yang dibawa oleh Pembangkang tentang kejayaan ekonomi Malaysia hanya bergantung kepada nasib untungya terletak di rantau Asia Pasifik yang pesat membangun ini, adalah hanya satu helah Pembangkang untuk memperkecilkan usaha Kerajaan Barisan Nasional dan kejayaan ekonomi negara sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, pencapaian cemerlang dalam pembangunan ekonomi Malaysia ini sebenarnya bukanlah satu dengan izin, satu 'miracle' ataupun 'luck'. Sebaliknya ia adalah satu kejayaan hasil pelaksanaan dasar dan pengurusan ekonomi yang sungguh berkesan yang telah dilakukan oleh Kerajaan Malaysia sejak tahun 1970-an.

Sepuluh tahun dahulu dalam tahun 1985 ekonomi Malaysia menghadapi kemelesetan. Pertumbuhan ekonomi pada

tahun itu buat pertama kali dalam sejarah Malaysia sejak kemerdekaan menjunam ke paras negatif. Keadaan wang negara nyaris terjejas dan ramai pula peniaga dan usahawan terbabas. Bank Dunia pula bagi pihaknya telah memberi nasihat beberapa kali sebelum itu supaya Kerajaan mengawas hutang luar negara kerana kadar bayarannya yang mencemaskan, jika tidak dibendung.

Selain dari itu oleh kerana spekulasi dalam urusan hartanah dan bursa saham, kedudukan ekonomi mula goyang dan bertambah runcing apabila negara maju mengalami kemelesetan awal 1980-an, dan seterusnya membawa kepada kejatuhan harga bahan mentah yang menjadi eksport negara kita. Kita tidak mahu peristiwa pahit tahun 1985 itu berulang lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya bagi belanjawan yang akan datang ini, Kementerian Kewangan terus berpegang kepada strategi liberalisme dalam pengurusan ekonomi negara yang telah dilaksanakan dengan jayanya itu sejak memulih semula ekonomi pada tahun 1987. Untuk memastikan ancaman ke atas kestabilan ekonomi negara ini tidak berulang lagi, kerana padahnya atas pembangunan negara dan masyarakat begitu besar.

Tuan Yang di-Pertua, Alhamdulillah seperti yang dititah oleh Seri Paduka Baginda kedudukan ekonomi kita semakin kukuh. Tujuan Kerajaan sekarang ialah bagaimana untuk memperhebatkan lagi pembangunan ekonomi dengan memastikan kelangsungan pertumbuhan ekonomi yang tinggi serta membanteraskan inflasi dengan satu gagasan baru iaitu 'inflasi sifar'. Membendung inflasi iaitu kenaikan harga umum adalah satu usaha yang amat penting dalam keadaan pembangunan yang pesat. Ini harus kita semua ingat oleh kerana kita semua pengguna.

Saya mengucapkan syabas kepada Kerajaan kerana telah meletakkan isu ini pada tempat yang terutama dalam pengurusan ekonomi negara semasa.

Inflasi ialah satu-satu gejala ekonomi yang kurang sihat, yang boleh menjejaskan segala-galanya. Yang telah terhasil dari pembangunan ekonomi yang telah kita nikmati sekarang ini. Inflasi boleh menjejaskan taraf hidup rakyat terutamanya yang termiskin oleh kerana kesan hakisan nilai kuasa beli pengguna. Ianya boleh menyongsangkan susunan pelaburan ekonomi dan seterusnya menjejaskan usaha meningkatkan kapasiti pengeluaran mereka.

Tuan Yang di-Pertua, justeru itu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan yang telah melancar melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Kempen Anti-Inflasi dan juga melancarkan Hari Inflasi Sifar baru-baru ini. Izinkan saya menyentuh sedikit tentang perkara inflasi sifar ini

Dr. Maximus Johnity Ongkili:
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Bandau bangun, Yang Berhormat. Ya, hendak beri jalan atau tidak?

Dato' Dr. Kamal bin Salleh: Takut tidak cukup masa. Sila.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Dr. Kamal bin Salleh: Sila Bandau.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa Yang Berhormat dari Wangsa Maju adalah seorang pakar ekonomi yang cukup terkenal, adakah Yang Berhormat secara realistik mengaku bahawa mencapai kadar inflasi ke tahap sifar itu boleh dicapai tanpa kos yang mahal kepada ekonomi dan tanpa akibat negatif kepada ekonomi keseluruhan.

Dato' Dr. Kamal bin Salleh: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya itulah satu perkara yang saya hendak menyentuh.

Dalam sesuatu tahun sesetengah harga boleh naik, manakala dalam masa yang sama ada yang lain yang tidak naik, maka soal inflasi sifar itu dapat ditangani dengan beberapa perkara ataupun langkah-langkah yang boleh kita lakukan seperti saya senaraikan. Kerana saya rasa Tuan Yang di-Pertua, bahawa inflasi sifar dalam konteks pertumbuhan ekonomi bukanlah satu perkara yang mustahil. Ianya dapat dicapai jika pengembangan kapasiti pengeluaran dan peningkatan produktiviti dalam semua sektor ekonomi negara dapat diselaraskan dengan pembangunan permintaan kasar. Ianya dapat dicapai jika penyusunan prasarana untuk pengedaran barangan dan perkhidmatan dalam pasaran dalam negeri dapat diperkembangkan. Ianya juga dapat diselesaikan jika pembekalan barangan dan perkhidmatan yang tidak cukup dapat dibereskan dengan menambahkan lesen-lesen pengeluaran dan meningkatkan taraf daya saing antara pembekal atau dengan melonggarkan syarat mengimport bagi barangan tersebut seperti yang sedang dilakukan. Ianya juga dapat kita capai jika tindakan songsang oleh pengedar dapat dikawal melalui tindakan cergas membanteras kekurangan palsu. Jika golongan pengguna dapat dididik untuk berjimat-cermat dalam perbelanjaan, sebaliknya menyalurkan lebih pendapatan mereka itu ke arah penabungan yang lebih.

Jika semua usaha-usaha sebegini dapat dilaksanakan dengan berkesan maka tidak ada sebab inflasi sifar bersama pertumbuhan ekonomi yang sihat tidak dapat dicapai. Semuanya ini sedang diusahakan oleh Kerajaan sama ada dalam bentuk rancangan Pendidikan Pengguna, rancangan Peningkatan Penabungan seperti pengeluaran bon negara mahupun seperti apa yang dilakukan sekarang — Pelan-caran Amanah Saham 2020.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada usaha di atas ini, untuk memastikan tindakan-tindakan perdagangan yang sihat dengan membanteras amalan monopolistik dalam perdagangan dan pengeluaran saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan mempercepatkan usaha memperkenalkan suatu Akta berkaitan dasar persaingan atau dengan izin, competition policy yang sedang digubal oleh Kerajaan dan seterusnya mengurangkan pembaziran dan red-tape dalam urusan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, satu-satunya sebab kita dapat menikmati kadar pertumbuhan ekonomi di negara kita ini tanpa membawa kepada kelegakan ekonomi atau dengan izin, "overheating" ialah, strategi yang dilaksanakan oleh Kerajaan mengawal harga barang-barang perlu seperti gula, beras, minyak tanah dan sebagainya. Ini telah membolehkan Kerajaan mencapai pertumbuhan yang tinggi pada paras inflasi yang hanya antara 3% - 4%. Untuk menentukan supaya pertumbuhan ekonomi tidak terlalu terlonjak seperti kadar 9.9% yang dilihat pada suku tahun pertama 1995 ini, yang walaupun kita bangga begitu tinggi pencapaiannya, namun ianya juga menjadi satu ancaman kepada kestabilan pertumbuhan itu sendiri, saya mencadangkan supaya Kerajaan dapat merancang supaya kadar pertumbuhan ekonomi dalam beberapa tahun yang akan datang ini setelah sekian lama pertumbuhan begitu maju dan lancar iaitu tidak sebegitu mendadak. Sebaliknya ianya harus melewati trend pertumbuhan Pengeluaran Kasar Negara jangka panjang yang sudah pun dirancangkan lebih kurang 7% setahun. Maka diharapkan dengan tindakan seperti yang saya senaraikan tadi dan memperlahankan proses pembangunan pertumbuhan ekonomi itu pada paras jangka panjangnya akan memungkinkan negara kita mencapai pertumbuhan yang stabil dan seterusnya mengecapi inflasi sifar.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengakhiri, segala usaha Kerajaan Barisan Nasional menumpu kepada pembangunan ekonomi yang pesat sehingga membolehkan semua rakyat mendapat kerja dan mengangkat taraf ekonomi golongan berpendapatan rendah dan juga usaha Kerajaan menggalak mereka yang berupaya menyertai perniagaan di mana peringkat sekali pun — di peringkat perniagaan besar mahupun kecil — bukanlah bermakna Kerajaan Barisan Nasional telah mendewa-dewakan pertumbuhan ekonomi. Jauh sekali daripada apa yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat dari Marang, bagi sebuah Kerajaan seperti Barisan Nasional yang telah berjaya menerapkan nilai-nilai dan kaedah-kaedah ekonomi Islam secara pragmatik dan beransur-ansur untuk menyekutukan Allah dengan mata wang dan kejayaan. Sebaliknya kita sentiasa sedar bahawa segala nikmat datangnya daripada Allah S.W.T. dan kita sentiasa berdoa segala usaha kita itu diberkatiNya.

Kita kini diambang abad ke-21. Dalam lima tahun yang akan datang ini dengan usaha yang gigih dan penuh wawasan, saya percaya Kerajaan Barisan Nasional akan dapat melaksanakan janjinya kepada rakyat Malaysia seperti yang diajukan oleh Seri Paduka Baginda bahawa Kerajaan akan membawa Malaysia masuk ke era baru dengan penuh keyakinan hasil kejayaan dan mandat yang begitu besar yang telah diberikan oleh rakyat pada pilihan raya yang baru lepas.

Saya mungkin mewakili pendapat ramai Ahli Yang Berhormat lain bila mengatakan, kita menunggu dengan penuh minat untuk diberi peluang seterusnya untuk menyumbang kepada pengolahan serta menyokong semua inisiatif dan tindakan Kerajaan dalam bidang pendidikan, dalam bidang perdagangan antarabangsa, sains dan teknologi serta strategi perindustrian baru selanjutnya yang bakal dibentang dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekian, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Petaling Jaya Utara.

6.26 ptg.

Tuan Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin mengucapkan terima kasih dan syabas kepada pihak Kerajaan kerana melaksanakan dasar-dasar yang memberi manfaat kepada rakyat dan negara dan juga memastikan keutamaan diberi kepada keutamaan negara. Lebih-lebih lagi dasar-dasar yang bernas begini diperlukan memandangkan kita melalui era yang begitu mencabar.

Sehubungan ini, saya ingin menarik perhatian kepada isu pembangunan sumber manusia. Kepentingan pembangunan negara yang semakin bertambah dari segi keluaran negara dan kewujudan pekerjaan dalam tahun-tahun yang akan datang bermakna bahawa golongan tenaga buruh perlu dibekalkan dengan kemahiran sains teknologi dan pengurusan yang perlu. Ini memerlukan perancangan tenaga manusia dan pendidikan yang difikirkan dengan baik khususnya dalam bidang-bidang yang mempunyai kaitan dengan kemahiran negara untuk membangunkan industri berat dan canggih dan berteknologi tinggi.

Perancangan tenaga manusia dan pendidikan yang terdapat sekarang nampaknya tidak banyak menitik-beratkan kemampuan tenaga buruh untuk melahirkan sesuatu yang baru yang merupakan unsur penting bagi kemajuan teknik. Ini dapat dicapai menerusi proses belajar dengan membuat. Namun demikian, ini hanya dapat terjadi di kalangan tenaga buruh mahir tetapi tidak meluas kerana sebahagian besar tenaga buruh dianggap tidak mahir atau separa mahir. Jadi, perancangan tenaga manusia perlu

ditumpukan terhadap golongan ini bukan sahaja untuk tujuan menambahkan kemahiran dan peluang mereka untuk kebaikan diri mereka sendiri tetapi juga yang lebih penting lagi untuk meningkatkan pendapatan mereka.

Dari segi pembangunan ekonomi negara, tenaga manusia mestilah bukan sahaja dilihat sebagai faktor pengeluaran utama tetapi juga sebagai warisan terpenting bagi proses pembangunan. Dengan yang demikian, pelaburan dalam model insan yang merangkumi semua aspek pendidikan dan latihan, kepentingan kesihatan dan perumahan mestilah diberi perhatian yang sewajarnya dalam sebarang perancangan tenaga manusia. Di samping itu Kerajaan juga harus menggalakkan rakyat Malaysia yang mempunyai kepakaran tertentu yang kini bekerja di luar negara balik ke tanah air untuk berkhidmat di sini.

Dalam hal ini, saya mengalu-alukan kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan baru-baru ini bahawa Kementerian Kesihatan akan membawa balik pakar perubatan Malaysia di luar negara bagi mengatasi masalah kekurangan doktor dan tenaga pakar. Ini amat penting kerana golongan pakar ini mempunyai bidang kepakaran tertentu yang belum dimiliki oleh pengamal perubatan di negara kita seperti dalam bidang pemindahan organ kanser dan penyakit orang tua.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu masalah yang dihadapi oleh negara pada masa kini ialah pencemaran alam sekitar. Pembangunan yang pesat yang dialami oleh negara telah menyebabkan pencemaran udara, air dan daratan kian meningkat. Menurut satu laporan, adalah dianggarkan bahawa pertanian pindah-randah telah memusnahkan hampir 28% kawasan tanah sawah. Jumlah keluaran pencemaran udara telah dianggarkan

sebanyak 741,000 tan setiap tahun di mana 79% daripada jumlah tersebut adalah akibat daripada pengangkutan. Perindustrian Malaysia juga menghasilkan 380 meter padu sisa toksid setiap tahun. Kejadian membuang sisa minyak di perairan negara yang kerap berlaku baru-baru ini memberi gambaran seolah-olah penguatkuasaan Maritim negara amat lemah dan bersifat *ad-hoc*.

Di samping itu, hukuman denda yang agak rendah memang tidak memadai. Satu tumpahan minyak di perairan negara bukan sahaja melibatkan kos pembersihan yang tinggi, malah ia juga membahayakan kehidupan di persekitarannya, dan kos ini tidak dapat dinilai.

Sehubungan dengan ini, banyak projek pembangunan di sekitar Petaling Jaya dilaksanakan tanpa rundingan dan persetujuan orang yang tinggal di sekitar kawasan projek pembangunan itu. Ini adalah kerana Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 menyatakan bahawa sesuatu Pihak Berkuasa Tempatan mempunyai kewajipan diisi, dengan izin, common law untuk memberitahu dan mendengar bantahan daripada pemunya tanah persempadanan dengan tentang permohonan rancangan seperti ditetapkan oleh seksyen 21 (6). Akan tetapi akta ini tidak dikuatkuasakan di seluruh kawasan Petaling Jaya.

Sebagai contoh, beberapa projek pembinaan kondo dan rumah kos mewah di kawasan Petaling Jaya telah mendapat tentangan hebat daripada penduduk di sekitar kawasan projek. Misalnya, projek pembinaan Damansara Up-Town dan di Taman Aman, dan kes terbaru ialah pembinaan 4 blok kondominium mewah di Kelana Jaya. Walaupun penduduk yang terlibat di Taman Kelana Jaya telah bertemu dengan MPPJ dan memberitahu bahawa hasil rundingan antara MPPJ dengan pemaju akan disampaikan kepada

mereka, sehingga hari ini penduduk Taman Kelana Jaya masih belum menerima sebarang maklumat daripada MPPJ. Oleh yang demikian, penduduk-penduduk taman ini telah mengambil tindakan mengadakan demonstrasi aman untuk menyuarakan bantahan mereka terhadap projek ini.

Kejadian sedemikian, tidak akan berlaku jika Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 telah dilaksanakan dengan MPPJ bertindak memberitahu, mendengar bantahan daripada pemunya tanah seperti mana yang dilakukan oleh DBKL. Perkara ini amat penting kerana segala projek baru yang hendak didirikan terutama di kawasan kediaman dan mempengaruhi kehidupan harian penduduk di sekitarnya. Adalah adil dan saksama segala bantahan dan komen penduduk yang terlibat didengar. Ini merupakan hak semula manusia. Dengan mengadakan rundingan di antara kedua-dua pihak pemaju dan penduduk, suasana yang lebih tenang dan harmoni akan wujud. Dengan cara sedemikian, akan wujud accountability dan ketelusan dalam pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara yang menarik perhatian ialah sistem nilai yang diamalkan di Timur dan Barat. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, negara telah mendapat perhatian dunia di mana banyak media Barat telah mengkritik negara tanpa asas-asas yang betul dan jelas. Media kritik telah mengkritikkan negara dalam berbagai isu, seperti alam sekitar, sistem demokrasi dan hak asasi manusia dan lain-lain isu lagi dengan memaparkan laporan yang salah prejudice. Mereka cuba mengenalkan sistem nilai dan amalan demokrasi mereka ke atas kita.

Apa yang paling keji untuk andaian bahawa negara-negara demokrasi Barat berhak memaksakan prinsip-prinsip

mereka ke atas masyarakat, lagi melalui cara-cara yang tidak demokratik. Negara-negara demokrasi Barat kini membantah jika ideologi-ideologi lain disebarkan cara subversif atau melalui paksaan. Akan tetapi mereka tidak pernah teragak-agak mengguna cara yang sama menyebarkan ideologi mereka. Kita tidak boleh menerima seratus peratus kesemua nilai dan amalan demokrasi ala Barat secara buta tuli. Sistem nilai Barat ini perlu diubahsuai mengikut keadaan dan budaya negara ini. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pernah berkata, dengan izin:

"As a third world why must this entire planet be seen from the western orientalist perspective. Why must the third world be judged day in and day out only according to the self-practice, values of the west and its media. Why must so much sheer arrogance and sheer arrogance wreck so much havoc on the third world? Is a freedom of the press, a value of which have been taught to pressure nothing more than right of the few editors and the few owners to censor and to decide what we should all read, listen and watch?"

Ini satu ucapan di senior college di Oxford pada tahun 1985.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin membangkitkan peristiwa pembunuhan di Batang Kali dalam tahun 1948. Walaupun peristiwa ini sudah lama terjadi dan mungkin bagi kebanyakan daripada kita, kejadian ini telah menjadi nota kaki dalam sejarah ini. Akan tetapi bagi keluarga mangsa, peristiwa ini masih belum selesai. Kita semua masih belum mengetahui peristiwa sebenar di sebalik kejadian ini, dan keluarga mangsa berhak mengetahui hal yang sebenar. Banyak surat dan petition telah dihantar kepada Kerajaan British, tetapi sehingga hari ini masih belum terjawab. Di manakah keadilan dan kebebasan yang diperjuangkan cara demokrasi ala Barat?

Seperkara yang saya ingin menarik perhatian ialah mengenai kenyataan Yang Berhormat dari Jelutong yang dibuat minggu lalu telah memuji polis British. Akan tetapi dalam kejadian ini, pihak polis British telah gagal mengambil kenyataan dari para saksi dan pengadu. Ini jelas menunjukkan polis British telah gagal menjalankan tugas mereka. Adakah Yang Berhormat dari Jelutong masih menyanjung tinggi polis British?

Tuan Yang di-Pertua, kemenangan besar Kerajaan Barisan Nasional dalam pilihan raya umum baru-baru ini adalah akibat sokongan padu rakyat dan segenap lapisan masyarakat. Sebagai wakil rakyat kita tidak boleh lewat dan mengharapakan rakyat akan terus memberi sokongan kepada kita. Kita harus berkhidmat kepada rakyat dan terus membuktikan kebolehan kita membangunkan negara. Rakyat perlu tahu kita tidak melupakan diri dan hanya mementingkan jawatan pangkat tinggi. Oleh yang demikian, Kerajaan seharusnya mengamalkan segala hasrat dan iltizam yang terkandung dalam manifesto Barisan Nasional yang berjanji mengadakan Kerajaan yang mampu mentadbir dengan lebih efisien, adil dan berwawasan. Selaras dengan usaha ini, Kerajaan harus memastikan bahawa penyertaan yang adil dan sama rata bagi kesemua warganegara yang sanggup tekun bekerja, bertoleransi, berdikari dan berusaha mencapai kecemerlangan.

Kerajaan Barisan Nasional telah diberi mandat dan memerintah negara sekali lagi. Di sini, ingin saya mengambil kesempatan mengingatkan kita semua tentang tanggungjawab berlaku adil kepada semua dan berilah perhatian serius kepada golongan yang menentang Kerajaan dengan menyelidiki dan memahami masalah yang mereka hadapi. Janganlah mereka dianaktirikan, tetapi carilah jalan untuk meyakinkan mereka tentang perjuangan Kerajaan demi kepentingan

kesejahteraan dan kemakmuran negara. Tambahan pula disebabkan zaman telah berubah, banyak perkara, konsep baru dan idea baru turut timbul. Sebagai seorang ahli politik yang berwawasan, kita mestilah berkembang mengikut rentak dan arus pembangunan zaman. Sekiranya kita tidak dapat mengikuti arus perkembangan zaman dan pembaharuan ini, maka kita tidak akan dapat memimpin masyarakat kita dan ditenggelami oleh arus perubahan.

(Timbalan Yang di-Pertua
(Tuan Ong Tee Keat)
mempengerusikan Mesyuarat)

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini perkembangan dan pengaliran informasi amat sedikit sekali. Kita tidak boleh lari daripada penyerapan maklumat dan pelbagai tempat dan media sehingga wujud masalah, dengan izin, information overload. Akan tetapi, masyarakat kita masih lembab dan kurang mahir dalam mengendalikan pelbagai maklumat yang diterima itu. Ini mungkin dapat menjelaskan kenapa sambutan dingin terhadap projek kerjasama rangkaian bersepadu penyelidikan termaju, walaupun negara telah memperkenalkan projek ini beberapa bulan yang lepas.

Negara perlu memperakui betapa penting dan strategiknya bidang teknologi maklumat dan usaha mencapai matlamat wawasan pembangunan negara. Jika negara ingin terus menikmati kemajuan, kita seharusnya menjadi sebahagian daripada komuniti dunia yang berupaya mengeksplotasikan teknologi maklumat yang terkini demi pembangunan negara kita sendiri. Oleh yang demikian, usaha-usaha perlu dipertingkatkan jikalau negara ingin mencapai impian menjadi negara maju menjelang tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Usul Ucapan Terima Kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Bintulu.

6.40 ptg.

Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk menyampaikan ucapan sempena Dewan membahaskan Usul Ucapan Penghargaan dan Menjunjung Kasih ke atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Izinkan saya mengemukakan dan memberi beberapa pandangan kepada perkara-perkara seperti berikut.

Yang pertama, saya merasa bangga dengan kemajuan maklumat media elektronik di negara kita. Tetapi sebagai penduduk Bintulu, saya sangat sedih dan merasa tersisih disebabkan rakyat di kawasan lain dapat menonton rancangan-rancangan yang disiarkan dalam TV3 bermula dari awal lagi, manakala kami di bandar Bintulu sehingga sekarang masih tidak dapat menikmatinya. Rakyat Bintulu seperti rakyat di tempat lain membayar lesen televisyen sebanyak RM24 setiap tahun, tetapi mengapa tidak ada program-program TV3. Tentulah rakyat Bintulu juga berhak memperolehnya.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu saya berharap agar Kerajaan akan menyiarkan program televisyen dalam bahasa Dayak khasnya bahasa Iban sebab Dayak adalah satu golongan rakyat yang terbesar di negeri Sarawak dan dianggap penting dalam Malaysia. Oleh itu patutlah kebudayaan dan bahasa mereka dikekalkan untuk memastikan kedudukan kebudayaan mereka di negara kita. Saya difahamkan bahawa pada Hari Gawai yang lalu iaitu lhb. Jun tidak ada rancangan-rancangan TV mengenai kebudayaan Dayak sebagai menyambut hari besar mereka. Perkara ini sangat dikesali kerana seolah-olah kaum Dayak dilupakan pada sambutan hari besar mereka.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua, saya ingin juga menyuarakan tentang masalah pemberian atau pembahagian tanah di negeri Sarawak di mana berpuluh-puluh ribu ekar tanah di negeri ini dan tanah asal bumiputera (NCR Land), dengan izin, telah diberi tanpa tender kepada ladang-ladang kelapa sawit yang dimiliki oleh syarikat-syarikat swasta. Dan begitu juga beribu-ribu ekar tanah negeri di kawasan bandar telah pun diberi kepada pemaju-pemaju swasta untuk pembinaan kedai-kedai, kondominium dan lain-lain, semuanya tanpa tender. Manakala tanah milik swasta yang terletak dua batu daripada Bintulu diambil oleh pihak Kerajaan bagi pembinaan rumah Kerajaan dan dibayar pampasan RM3,000 seekar. Polisi tanah seperti ini sudah terbalik, tanah rakyat untuk Kerajaan tetapi tanah Kerajaan untuk pihak swasta yang

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Peter Chin Fah Kui): *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Timbalan Menteri bangun, hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Penjelasan.

Tuan Chiew Chiu Sing: Tidak!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Teruskan!

Tuan Chiew Chiu Sing: Tanah rakyat untuk kerajaan tetapi tanah Kerajaan untuk pihak swasta yang dilantik dan dipilih oleh tokoh-tokoh politik Kerajaan. Pengambilan tanah oleh Lembaga Kemajuan Bintulu (BDA) sangat dikesali. Terdapat beberapa kes bahawa tanah asal penduduk Melayu di kawasan Kampung Jepak diambil dengan harga di antara RM15,000 hingga RM20,000 seekar. Dan orang Cina dengan harga RM35,000 seekar kemudian dijual oleh pihak BDA kepada pihak pemaju dengan harga dalam lingkungan RM200,000 seekar.

Tuan Yang di-Pertua, perbuatan seperti ini tidak harus dilakukan oleh Kerajaan Negeri Sarawak terhadap rakyat. Keadaan pengambilan tanah dan bayaran pampasan yang sedikit dan perbuatan mengusir dan mempertikaikan hak tanah NCR untuk tujuan pembangunan harus dihentikan dengan serta-merta. Dan pemilik tanah haruslah diberi peluang untuk berunding sebelum apa-apa rancangan dilaksanakan.

Jika para pemilik tanah bersetuju dengan rancangan-rancangan pembangunan tanah yang terlibat, pengambilan tanah haruslah dilakukan dengan pembelian secara biasa, perkongsian di antara pemilik tanah dan pemaju atau secara sewaan dalam jangka masa yang panjang di mana pemilik-pemilik tanah tidak kehilangan hak ataupun pendapatan jangka panjang mereka. Pengorbanan untuk tujuan pembangunan tidak seharusnya dibebankan kepada tanah milik rakyat sahaja, sementara pihak pemaju mengaut keuntungan besar. Keuntungan haruslah dikongsi oleh kedua-dua pihak iaitu pemilik tanah dan pemaju.

Di sini saya ingin juga menyatakan tentang tanah asal bumiputera (NCR land), dengan izin. Saya berharap agar hak asal tanah bumiputera di Sarawak diiktirafkan mengikut hak tuntutan mereka yang ada dari generasi dahulu berdasarkan adat orang-orang bumiputera Sarawak. Sebelum merdeka masyarakat bumiputera Sarawak memerintah negeri ini mengikut adat asal mereka. Jadi, tidak sepatutnya adat-adat mereka dihapuskan sama sekali terutama hak pemilikan tanah. Mengikut adat asal bumiputera Sarawak, tanah akan menjadi hakmilik mereka jika tanah itu dikerjakan dan diusahakan oleh mereka buat jangka masa yang tertentu

Tuan Peter Chin Fah Kui: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Timbalan Menteri bangun lagi.

Tuan Chiew Chiu Sing: Enggai (*Bercakap dalam bahasa Iban*), dengan izin.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Bahasa apa itu?

Tuan Chiew Chiu Sing: Saya tidak beri!

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham bahasa itu. Minta sedikit penjelasan!

Tuan Chiew Chiu Sing: (*Bercakap dalam bahasa Iban*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Bahasa yang saya tidak faham!

Tuan Chiew Chiu Sing: Bahasa itu bahasa Iban! Saya tidak mahu beri.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Teruskan!

Tuan Chiew Chiu Sing: Adat ini harus dikekalkan memandangkan penduduk kaum ini semakin bertambah dari setahun ke setahun bagi tujuan kemakmuran dan kesejahteraan mereka. Oleh sebab itu Kerajaan mestilah mengiktiraf dan mengisytiharkan bahawa adat asal ini sah dan berkuat kuasa untuk mengelakkan kekeliruan hak milik tanah di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi iaitu mengenai nelayan. Asal-usul bandar Bintulu terbentuk daripada kedatangan golongan nelayan yang terdiri daripada kaum Melayu Bintulu sejak berabad-abad yang lalu. Mereka mencari nafkah hidup dengan usaha menangkap ikan di kawasan pantai dan laut. Usaha-usaha tersebut masih dikerjakan oleh sebilangan besar mereka. Oleh yang demikian penangkapan ikan di kawasan pantai dan laut patutlah menjadi hak adat mereka yang berkenaan ini.

Memandangkan pemerintahan penjajah-penjajah yang dahulu termasuk penjajah tentera Jepun tidak pernah memper-

tikaikan hak mereka dan tidak pernah menyekat kegiatan mereka. Tetapi malangnya di zaman merdeka ini, nelayan-nelayan Bintulu tidak mempunyai kebebasan lagi, mereka dikawal ketat oleh undang-undang perikanan di mana bot-bot nelayan dalam kategori A dan B tidak dibenarkan menangkap ikan dalam lingkungan tiga batu dari pantai. Peraturan ini telah menimbulkan masalah dan kesusahan kepada masyarakat nelayan tradisi di Bintulu. Bot-bot tradisi mereka ini tidak sesuai atau tidak mampu untuk belayar melebihi tiga batu dari kawasan pantai. Pada musim penangkapan udang — udang-udang hanya berada di dalam kawasan pantai iaitu kurang dari tiga batu, jika udang ini tidak ditangkap ia akan mati begitu sahaja. Tetapi jika ditangkap, pihak Polis Marin akan mengenakan tindakan undang-undang seperti menahan bot dan mendenda mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Jabatan Pertanian dan Jabatan Laut yang bertanggungjawab akan memberi pertimbangan khas ke atas perkara ini untuk menjamin kehidupan para nelayan tradisi di Bintulu.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, semenjak sepuluh tahun yang lalu LNG dan lain-lain syarikat dalam industri gas dan minyak di Sarawak telah pun membawa keuntungan yang begitu besar kepada Petronas sebagaimana yang dilihat Petronas telah pun mulai membina menara kembar yang tertinggi di rantau ini iaitu antara yang tertinggi di dunia. Ini adalah satu tanda kemajuan Petronas yang baik.

Walau bagaimanapun, Petronas tidak seharusnya lupa kemajuan Sarawak khususnya Bintulu dan kebajikan pekerja mereka. Saya difahamkan baru-baru ini walaupun Petronas telah meningkatkan gaji para pekerja mereka di Sarawak, tetapi pada masa yang sama elau mereka seperti Bintulu Entrance Allowance, Elau

Malaysia Timur dan lain-lain dipotong. Pertambahan gaji ini tidak membawa apa-apa makna kerana selepas pertambahan gaji dalam masa yang sama dipotong elaun-elaun. Gaji yang dibawa pulang oleh mereka menjadi berkurangan.

Tuan Yang di-Pertua, perbuatan ini telah mengakibatkan perasaan yang tidak puas hati dan morale yang rendah di kalangan para pekerja Petronas di Sarawak. Ini adalah tidak sesuai untuk Petronas dan negara. Bintulu, Sarawak dan Sabah jika dibandingkan dengan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia adalah jauh ketinggalan, terutamanya dalam kemudahan-kemudahan asas dan saya berharap agar Petronas akan menyalurkan semula keuntungan yang diperolehinya dari Sarawak bagi maksud pembangunan negara khususnya di negeri-negeri Malaysia Timur.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kluang.

6.51 ptg.

Tuan Hoo Seong Chang (Kluang): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbincangan pada petang yang berbahagia ini. Dan dalam 15 minit yang ditetapkan ini, suka saya mengemukakan 3 perkara di dalam Dewan yang mulia ini.

Perkara pertama ialah tentang peningkatan produktiviti dalam perkhidmatan awam. Tuan Yang di-Pertua, memang menjadi hasrat Kerajaan supaya semua jabatan Kerajaan, selain daripada merancang untuk membangunkan negara, harus juga mewujudkan kecemerlangan di dalam perkhidmatan awam iaitu mutu perkhidmatan jabatan Kerajaan harus ditingkatkan lagi dari masa ke semasa. Kerana jabatan Kerajaan sebagai jentera

pentadbiran, diberikan tugas melaksanakan dasar-dasar dan projek-projek sosio-ekonomi dan seterusnya mencapai segala objektifnya untuk membela nasib rakyat. Maka peningkatan produktiviti dan kualiti jabatan serta berpegang teguh kepada prinsip-prinsip mengutamakan pelanggan dalam semua aspek pengurusan adalah penting dalam usaha Kerajaan untuk mewujudkan pengurusan kualiti yang menyeluruh di sektor awam.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kerajaan Barisan Nasional adalah sebuah Kerajaan yang cekap, efisien dan bertanggungjawab. Semua jabatan Kerajaan memang telah berusaha untuk memainkan peranan mereka demi kepentingan rakyat dan negara tetapi tanggungjawab jabatan-jabatan Kerajaan menjadi semakin berat kerana harapan dan kehendak rakyat semakin meningkat ekoran dari kemajuan semasa dan tahap pendidikan rakyat. Mereka lebih peka kepada hak masing-masing. Aduan akan dibuat jika mereka tidak dilayan dengan sewajarnya. Justeru itu, jabatan Kerajaan perlu melaksanakan program pembaharuan serta meningkatkan lagi mutu perkhidmatan mengikut kehendak semasa.

Saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat dari kawasan Tambun, iaitu memang sudah sampai masanya jika sesetengah jabatan Kerajaan, khususnya pejabat tanah daerah-daerah yang mungkin tidak cukup pegawainya harus ditambah dengan pegawainya dan jika sesuatu jabatan Kerajaan tidak cukup dengan kelengkapan pejabat, harus kita melengkapkan lagi pejabat supaya untuk menampung keperluan pengurusan di jabatan-jabatan Kerajaan.

Selain daripada pejabat tanah daerah, jabatan-jabatan seperti Jabatan Pendaftaran, Imigresen dan sebagainya perlu kita mengambil perhatian tentang pengurusan mereka setiap hari. Saya

percaya dengan penuh yakin, dengan adanya keprihatinan pihak Kerajaan dan kerjasama serta sokongan dari segi rakyat jelata, segala faedah dari kemajuan ekonomi dan kemakmuran negara terus dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua ialah tentang pengawalan inflasi di negara kita. Tadi Yang Berhormat dari kawasan Wangsa Maju telah mengemukakan dengan panjang lebar di mana Yang Berhormat telah menyentuh tentang pengeluaran negara, perdagangan antarabangsa dan sebagainya. Terhadap perkara ini, maka saya cuma ingin menyentuh dua, tiga pandangan yang 'simple' dan lebih 'local' dari segi konteks mengawal inflasi di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, pertumbuhan ekonomi negara kita yang pesat telah meningkatkan kualiti dan taraf hidup rakyat. Memang sukar untuk sesebuah negara yang keadaan ekonominya berkembang dengan pesat dan rakyatnya dapat menikmati pertumbuhan inflasi yang rendah. Sudah menjadi harapan Kerajaan kita untuk menentukan pertumbuhan ekonomi yang pesat di negara kita ini dapat berjalan dalam suasana harga barangan dan perkhidmatan yang rendah dan stabil. Kerana kestabilan harga merupakan tunggak dalam usaha ke arah pembangunan yang berterusan dan tidak menjejaskan taraf hidup rakyat, khususnya mereka yang berpendapatan rendah ataupun mereka yang berpendapatan tidak menentu.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita melancarkan "Hari Pengguna Sedunia" tahun 1995 yang bertemakan "Inflasi Sifar Sasaran Kita" di Pusat Islam baru-baru ini dan kemudian Kerajaan mengisytiharkan hari Sabtu pertama setiap bulan mulai dari hlb Julai, 1995 sebagai "Hari Inflasi Sifar". Dan

banyak lagi langkah-langkah ataupun program-program yang dijalankan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna seperti menggariskan 5 prinsip utama yang perlu ditekankan oleh peniaga. Kempen-kempen anti inflasi dan sebagainya telah menunjukkan pihak Kerajaan begitu serius untuk mengawal inflasi dan mengawal harga barangan dan perkhidmatan supaya masyarakat pengguna mendapat perlindungan yang sewajarnya.

Untuk mencapai matlamat mengawal kadar inflasi, selain daripada pelbagai undang-undang dan peraturan yang telah diubah dan dipinda dari semasa ke semasa serta dikuatkuasakan. Pada hemat saya, saya juga setuju dengan pandangan Ahli Parlimen dari kawasan Kapar, di mana Kerajaan juga harus berusaha untuk mewujudkan dan meningkatkan tahap kesedaran iaitu berjimat cermat di kalangan rakyat dan mungkin salah satu cara untuk menggalak dan menarik rakyat menyimpan wang mereka ialah menaikkan kadar faedah simpanan di institusi-institusi kewangan dan mengemukakan lagi skim kredit dengan mengurangkan kemudahan wang kredit yang senang.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, Kerajaan Persekutuan juga harus memastikan Majlis Hal Ehwal Pengguna di tiap-tiap negeri supaya pusat perkhidmatan pengguna memainkan peranan yang berkesan untuk menerima dan bertindak atas aduan-aduan yang disuarakan oleh pengguna-pengguna dan di seluruh negara, kalau boleh, kita cuba memperbanyakkan lagi program-program kedai harga patut ataupun fair price shop, dengan izin, supaya pengguna-pengguna dapat memilih barang-barang jualan yang harganya lebih berpatutan. Pendek kata, masalah penggunaan dan inflasi tidak akan diatasi dengan satu cara semata-mata ataupun oleh satu pihak sahaja. Semua

pihak, termasuk pemimpin-pemimpin masyarakat, persatuan-persatuan belia, pertubuhan-pertubuhan NGO termasuk juga para peniaga dan pengguna harus berganding bahu bersama-sama Kerajaan dalam usaha mencapai sasaran kadar "inflasi sifar".

Tuan Yang di-Pertua, perkara ketiga yang saya ingin menekankan ialah peranan Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Perpaduan Negara untuk membentuk identiti generasi muda demi ke arah pembangunan negara. Saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat dari kawasan Alor Gajah dan Ledang yang mengatakan bahawa kita harus memberi perhatian yang serius terhadap masalah para belia kerana generasi remaja dianggap sebagai khazanah ataupun aset penting negara, baik dari segi tenaga manusia mahupun dalam menjayakan wawasan negara.

Kerajaan memang berusaha sedaya upaya untuk melahirkan generasi baru kita yang berkualiti supaya mereka benar-benar menjadi tunjang, juga penggerak pembangunan masyarakat dan negara yang maju berasaskan ilmu, etika, azam, iltizam dan cita-cita yang tinggi. Tetapi pada hari ini, satu isu yang hangat diperbincangkan dan diambil perhatian yang serius oleh pihak Kerajaan dan masyarakat ialah masalah lepak, bohsia, penyalahgunaan dadah dan kes-kes jenayah remaja yang sedang dihadapi oleh generasi muda di negara kita ini.

Di samping itu, ada tanda-tanda menunjukkan bahawa peningkatan kes-kes jenayah di kalangan remaja muda. Laporan atas siasatan dan kajian yang dilakukan oleh Kementerian Belia dan Sukan menunjukkan kebanyakan mereka ini adalah dari keluarga yang kurang harmoni dan mengakibatkan mereka berbudaya lepak.

Jadi, menyedari hakikat bahawa masalah sosial yang sedang berlaku ini perlu diatasi sekiranya Malaysia hendak menuju ke arah negara yang maju. Selain daripada undang-undang dan peraturan-peraturan tertentu untuk mengawal gejala yang tersebut di atas, Kementerian Belia dan Sukan pada tahun lepas telah merangka beberapa program digabungkan di bawah satu konsep Wawasan Rakan Muda. Antara program-program yang dirancangan seperti Gerakan Briged Rakan Muda, Program Gaya Hidup Rakan Muda, Program Rakan Sukan, Rakan Seni, Budaya dan sebagainya.

Di samping itu, rancangan-rancangan lain seperti pembinaan bengkel-bengkel teknologi desa sebagai pusat latihan kepada belia-belia di dalam bidang teknologi tempatan. Penghantaran belia-belia untuk menjalani latihan vokasional di Institut-institut Kemahiran Belia Negara dan pengendalian kursus-kursus kepimpinan kepada ketua-ketua pertubuhan belia dan sebagainya dan segala program tersebut di atas adalah usaha Kerajaan untuk membantu generasi muda mengenali budaya warisan bangsa Malaysia yang tidak terpengaruh dengan budaya negatif Barat.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya satu lagi aktiviti yang harus kita galakkan dan dipertingkatkan di kalangan belia ialah penglibatan mereka dalam persatuan dan menyertai kegiatan-kegiatan sosial yang terdiri dari berbilang kaum kerana negara kita adalah sebuah negara yang majmuk di mana berasaskan semangat perpaduan yang sedia terjalin di kalangan rakyat serta tetap menjadi kunci utama untuk mencapai matlamat kita ini.

Maka, pengukuhan integrasi belia bagi berbilang kaum adalah asas penting demi perpaduan rakyat negara kita ini. Maka, Kementerian Belia dan Sukan harus

merancangkan lebih banyak lagi aktiviti-aktiviti yang melibatkan semua kaum untuk memelihara, meningkatkan dan mengukuhkan perpaduan rakyat dan integrasi nasional selaras dengan dasar-dasar pembangunan negara berlandaskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.

Dalam konteks ini, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat juga boleh memainkan peranannya untuk mencapai matlamat ini dan untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, pada tahun yang lepas, Kementerian Perpaduan dan Pembangunan Masyarakat melalui Jabatan Perpaduan Negara melancarkan satu program promosi perpaduan tahun 1994 yang mengandungi 18 kegiatan utama seperti Program Bersatu-Padu, Titian Emas, Jambori Perpaduan dan Khemah Kerja Integrasi. Melalui kegiatan-kegiatan tersebut, dapat memperingatkan lagi kepada rakyat mengenai betapa pentingnya perpaduan dan integrasi nasional bagi menjamin kestabilan, kemakmuran dan kesejahteraan negara.

Di samping itu, Jabatan Perpaduan Negara menubuhkan 1,410 kawasan Rukun Tetangga di seluruh negara dan di bawah sektor Rukun Tetangga ada tertubuhnya Jiran Wanita dan Jiran Muda dan kegiatan-kegiatan di bawah Jiran Muda juga dapat memupuk semangat perpaduan dan setia kawan terhadap bangsa Malaysia tanpa mengira kaum, budaya dan agama.

Maka Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat boleh bekerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan untuk menganjurkan bersama beberapa aktiviti yang dianggap sesuai demi membawa lebih banyak faedah kepada generasi muda kita. Saya percaya dan penuh yakin program-program yang diatitkan bersama oleh kedua-dua

Kementerian ini dengan kerjasama dan sokongan dari segenap lapisan masyarakat, ia bukan sahaja dapat memberi aktiviti yang berfaedah kepada generasi muda bahkan sentiasa bersedia untuk menyumbang tenaga demi membantu Kerajaan menjadikan sebuah negara yang bersatu-padu, maju dan makmur.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kerana peluang perlu diberi kepada rakan-rakan yang lain, jadi saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan pada petang yang berbahagia ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nampaknya ada ramai lagi yang minat untuk berucap. Saya cuba dengan sedaya upaya untuk memberikan kesemua kalau bolehlah. Kuala Pilah.

7.05 mlm.

Tuan Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang (Kuala Pilah): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin berucap seberapa ringkas yang boleh untuk memberi peluang kepada sahabat-sahabat saya yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Titah Ucapan Diraja Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah ada menyentuh berbagai aspek penting dari segi pemerintahan dan pentadbiran negara yang begitu berjaya di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia kita. Dengan adanya pimpinan dan kerjasama yang begitu baik di antara semua pihak termasuk semua lapisan rakyat majmuk di Malaysia ini telah meletakkan nama negara kita Malaysia di suatu tahap yang cukup membanggakan dan dihormati oleh dunia luar.

Di atas segala kejayaan dan keharmonian negara kita ini, Baginda seterusnya ada menyatakan harapan kepada kita semua rakyat supaya terus melipatgandakan segala usaha sejajar dengan segala perkembangan ilmu dan teknologi canggih supaya segala harapan dan cita-cita murni yang diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita melalui Wawasan 2020 akan menjadi kenyataan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa ramai daripada rakan-rakan Ahli Yang Berhormat yang berucap di Dewan yang mulia ini sebelum saya ini telah banyak menyentuh dan mengutarakan pelbagai pendapat dan pandangan masing-masing. Dalam konteks ini telah kita semua dengar dan ketahui bahawa ramai juga rakan saya, Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah ada mengeluarkan pandangan dan teguran-teguran yang begitu ikhlas, positif dan konstruktif demi untuk kebaikan semua.

Justeru itu, izinkan saya menarik perhatian sesetengah ahli pihak Pembangkang khususnya Wakil dari Pasir Mas, Kelantan dalam ucapannya ada mengambil contoh kononnya ucapan Wakil dari Parit Sulong apabila ada menyebut sedikit-sebanyak tentang kekurangan dalam pelaksanaan projek-projek seperti menurap jalan dengan tar sebagai suatu pelaksanaan projek-projek seperti menurap jalan atau kelemahan Kerajaan Barisan Nasional.

Ini pada hemat saya, Tuan Yang di-Pertua, adalah suatu contoh pendapat yang begitu sempit pemahamannya. Sesungguhnya saya berpendapat bahawa ramai Ahli-ahli Yang Berhormat dari parti Barisan Nasional di dalam Dewan yang mulia ini adalah terdiri daripada kumpulan berbilang kaum Barisan Nasional yang cukup rasional, berwawasan di bawah pimpinan dan teladan yang ditunjukkan

oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang mana tidak takut membuat apa sahaja teguran asalkan ia mempunyai tujuan atau niat yang ikhlas dan bijak untuk rakyat dan negara.

Itulah sebabnya kalau terdapat sedikit-sebanyak kelemahan dari segi kerja-kerja pelaksanaan oleh mana-mana pihak, kita tidak segan-silu menegur untuk memperbaiki keadaan. Demikianlah rupanya pemimpin Kerajaan Barisan Nasional yang matang berfikir dan betul-betul rasional, berwawasan, efisien dan adil.

Tuan Yang di-Pertua, oleh hal yang demikian, seterusnya izinkan saya dengan seberapa ringkas yang boleh untuk mengutarakan beberapa teguran dan pandangan ikhlas melalui Dewan yang mulia ini demi untuk kebaikan dan pertimbangan semua pihak yang ada berkenaan. Pertama, peranan pasukan keselamatan kita Polis Diraja Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa amat bersetuju apabila Baginda Tuanku dalam Titahnya ada dengan jelas menyatakan penghormatan kepada anggota-anggota keselamatan tentang segala mutu perkhidmatan dan pengorbanan yang cukup banyak demi untuk menjaga keselamatan dan kedaulatan negara Malaysia. Bagi pasukan Angkatan Tentera, sungguhpun bilangannya tidak begitu besar jika dibandingkan dengan negara-negara besar di dunia tetapi kita sebagai warganegara Malaysia berasa amat berbesar hati dan bangga melihatkan semangat berani dan kental yang ditunjukkan oleh wira-wira anggota keselamatan kita membawa lambang panji-panji Angkatan Tentera Malaysia menyertai pasukan keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu di Bosnia-Herzegovina.

Kita semua berharap dan mendoakan semoga kesemua wira-wira kita yang pergi ke medan peperangan akan selamat menjalankan tugas dengan baik dan selamat kembali ke tanah air semula, insya-Allah.

Justeru itu, izinkan saya menyarankan supaya Kerajaan khususnya Kementerian Pertahanan supaya prihatin dan peka tentang segala keperluan asas, kebajikan anggota-anggota dan keluarga mereka. Skim gaji dan elaun insentif kepada juruterbang-juruterbang pesawat Tentera Udara Malaysia sebagai contoh perlu diberi pertimbangan serius untuk mengelakkan mereka meninggalkan organisasi tersebut menyertai perkhidmatan syarikat penerbangan swasta yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga keadaannya kepada pasukan Polis Diraja Malaysia yang mana perkhidmatan dan segala pengorbanan serta keupayaan mereka bagi menjamin keselamatan dalam negeri dan ketenteraman awam tidak boleh kita perkecilkan dan lupakan. Perkhidmatan Polis Diraja Malaysia yang menjalankan tugas sebagai para militari di negara ini, bukan sahaja bertanggungjawab menjaga keselamatan manusia dan harta-benda, malahan mereka ini juga bertanggungjawab menjaga keselamatan manusia di darat, laut dan juga melalui udara.

Mengikut perkembangan semasa, pasukan Polis Diraja Malaysia kita hari ini telah mempertingkatkan profesionalisme kepolisan ke tahap yang begitu membanggakan. Mereka mempunyai anggota-anggota yang cukup terlatih dan bermacam-macam bidang kepakaran dan mempunyai keilmuan dalam pelbagai profesion seperti undang-undang, perakaunan dan sebagainya.

Justeru itu, sebagai salah seorang bekas pegawai polis yang telah berkhidmat selama 15 tahun, sebagai seorang pengamal undang-undang dan hari ini secara kebetulan sahaja duduk bersama-sama dalam Dewan yang mulia ini, saya berasa amat kesal dan kecewa apabila melihat dan mendengar sendiri kenyataan Wakil Pembangkang Yang Berhormat dari

Jelutong semasa beliau membahaskan Usul Rang Undang-undang baru-baru ini. Yang mana beliau telah memandang rendah kebolehan pegawai polis kita dan sebaliknya memuji dan mengagungkan pegawai polis negara penjajah dahulu. Tidakkah Yang Berhormat yang berkenaan ini mengetahui bahawa kebolehan dan keupayaan anggota Polis Diraja Malaysia kita adalah salah satunya pasukan polis yang terbaik dalam aspek kepolisan di rantau Asia dan setanding dengan kualiti polis di dunia ini?

Tuan Yang di-Pertua, jika sekiranya tanggapan buruk wakil Jelutong itu betul-betul terhadap polis kita, tentu sekali beliau tidak akan dapat duduk dengan aman damai bersama-sama kita di Dewan yang mulia ini sekarang. Janganlah hendaknya ia terlalu emosi dan terbawa-bawa oleh perasaan prasangka. Janganlah oleh kerana seekor kerbau membawa lumpur, maka semuanya dipalitkan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya pihak Pembangkang itu marahkan seekor nyamuk tidak sepatutnya membakar seluruh kelambu. Dalam sesuatu organisasi yang besar seperti pasukan Polis Diraja Malaysia, tentu sekali tidak boleh kita nafikan terdapatnya sebilangan kecil perilaku yang di luar dugaan. Jika terdapat sesuatu kes yang dianggap keterlaluan atau menyalahi undang-undang dilakukan oleh mana-mana pihak, maka wajarlah orang seperti Yang Berhormat dari Jelutong itu membuat sesuatu laporan yang sewajarnya dan tidak membuat tuduhan yang melulu dan tanggapan yang tidak berpatutan terhadap Kerajaan kita.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya menyentuh dari segi proses pembangunan dalam kawasan strategik. Tuan Yang di-Pertua, saya turut bersetuju kepada pendapat Seri Paduka Baginda menyatakan bahawa negara kita telah

begitu berjaya mengekalkan pertumbuhan ekonomi negara yang konsisten sebanyak 8.9% semenjak beberapa tahun yang lalu. Melalui bermacam-macam bidang khususnya di sektor pembangunan hartanah dan perindustrian. Saya percaya dan yakin bahawa dari segi dasar dan prinsipnya, Kerajaan kita memang sentiasa peka dan prihatin tentang segala aspek nilai-nilai kebaikan dan kesejahteraan hidup rakyat negara ini melalui tugas-tugas jabatan-jabatan, Kementerian-kementerian termasuklah juga Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Dalam masa keghairahan Kerajaan melalui pakar-pakar perancang dan perundingnya membangunkan dan mempertingkatkan sosio-ekonomi negara, izinkan saya dengan rendah diri menarik perhatian tentang bagaimana kita harus mengekalkan kawasan-kawasan hijau (green-lung), kawasan-kawasan strategik sebagai rizab jalan dan tempat-tempat kawasan rekreasi dan riadah dapat dipastikan tidak diambil semata-mata untuk kepentingan apa yang dinamakan "pembangunan".

Sebagai contohnya, pembinaan bangunan-bangunan besar dan kondominium-kondominium di sekitar kawasan Bukit Damansara, Bukit Bangsar, di persekitaran kawasan Jalan Ampang dan juga lain-lain bandar dan daerah di seluruh negara dibina terlalu dekat dengan jalan-jalan besar atau pembinaan kurang mengambil kira tempat-tempat mengekalkan kawasan hijau dan keperluan kesihatan serta riadah. Pada hemat saya, perkara ini sangat memerlukan sesuatu pandangan serius oleh jabatan atau Kementerian yang berkenaan. Jika tidak keadaan kesesakan lalu lintas dan pencemaran alam sekitar yang buruk seperti di Bandar Raya Kuala Lumpur dan lain-lain mungkin akan menjejaskan kesejahteraan dan mengancam ketenteraman rakyat. Kawasan tanah rizab jalan dan

kawasan hijau untuk keperluan beriadah wajar diberi kawalan rapi mengikut sesuatu pelan struktur yang terancang dan mengikut akta perancang bandar dan desa supaya tidak dieksploitasi oleh mana-mana pihak tanpa mengambil kira pembangunan dan kesejahteraan generasi kita yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan juga saya menyatakan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Pusat di atas pandangan jauhnya bagi mewujudkan satu projek gergasi membina Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur yang baru dan juga pusat Putra Jaya di kawasan Bangi. Kedua-dua projek gergasi ini tentu sekali akan mewujudkan peningkatan banyak aktiviti-aktiviti sosio-ekonomi bagi negara Malaysia dan tidak ketinggalan kepada kedua negeri Selangor dan Negeri Sembilan yang berjiran.

(Timbalan Yang di-Pertua
(Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin)
mempengerusikan Mesyuarat)

Dalam konteks ini, sukacita saya Tuan Yang di-Pertua, menarik perhatian Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri Sembilan, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan Kementerian Pertanian kepada suatu projek penternakan khinzir (babi) secara besar-besaran di kawasan berjumlah lebih kurang 1,500 ekar di kawasan Bukit Pelanduk yang hanya terletak lebih kurang 5.5 km. sahaja daripada kawasan projek Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur. Projek ini telah lama dipersetujui oleh kesemua pihak yang berkuasa iaitu sebelum rancangan projek KLIA diputuskan. Justeru itu, persoalan saya ialah dengan adanya kedua projek gergasi tersebut terlalu berhampiran dengan kawasan Bukit Pelanduk, di samping mengambil kira kepentingan sosio-ekonomi, kemungkinan besar berlaku pencemaran alam sekitar, maka saya berpendapat adalah sangat wajar kesemua pihak yang berkuasa mengulang-kaji semula projek tersebut sebelum ia dilaksanakan.

Bagi kebajikan dan kepentingan semua penternak-penternak yang terlibat melalui persatuannya, semua pihak yang berkuasa mungkin perlu memberi pertolongan dan pertimbangan yang sewajarnya. Pandangan ini wajar saya utarakan walau ia melibatkan apa sahaja projek pertanian seperti projek penternakan lembu, kambing ataupun kerbau; yang penting ialah semata-mata sebagai pandangan yang lebih berpatutan dari segi kesesuaian tanah tersebut dari aspek pembangunan yang lebih terancang dan memberi manfaat kepada negara dan rakyat sejabat.

Tuan Yang di-Pertua, kerana tidak ada masa dan hendak memberi peluang kepada rakan-rakan lain, itu sahajalah dengan ringkasnya ucapan saya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, nampaknya masih ramai yang hendak mengambil bahagian. Saya ingat untuk membolehkan seramai yang mungkin, kita kena limit masa sepuluh minit seorang. Setuju.

Ahli-ahli Yang Berhormat: Setuju.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Gaya.

7.19 ptg.

Tuan Philip Yong Chew Lip (Gaya): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kerana Titah Ucapan Yang di-Pertuan Agong pada masa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Kesembilan. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan tahniah kepada Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad yang telah berjaya mengetuai Barisan Nasional dan membawa kemenangan cemerlang bagi Barisan Nasional di dalam pilihan raya umum bulan April lalu.

Kejayaan-kejayaan calon-calon Barisan Nasional di negeri Sabah dalam pilihan raya baru-baru ini mencerminkan perubahan hasrat majoriti rakyat Sabah. Mereka inginkan kerjasama di antara Kerajaan Negeri dan Persekutuan. Mereka telah memilih politik pembangunan dan seterusnya menaruh kepercayaan kepada Barisan Nasional untuk memandu Malaysia pada amnya dan negeri Sabah khususnya ke arus perubahan dan pembangunan menjelang abad akan datang dan sejajar dengan hasrat Malaysia jangka panjang yang digantung dalam Wawasan 2020. Seperti penduduk-penduduk lain di negeri Sabah, saya berharap kerjasama yang erat antara Kerajaan Negeri dan Persekutuan dapat memastikan bahawa projek-projek pembangunan dapat dilaksanakan dengan lebih cepat dan teratur.

Saya ingin menegaskan di sini bahawa rakyat negeri Sabah pasti akan lebih puas hati jika selain daripada menikmati hasil pembangunan mereka akan diberi peluang yang adil untuk mengendalikan projek-projek pembangunan yang akan dilaksanakan di dalam negeri. Pendek kata rakyat negeri Sabah harus mendapat pertimbangan khas dalam proses sebut harga ataupun tawaran tender dan di mana syarikat-syarikat Sabah tidak berupaya mengendalikan projek-projek tertentu, mereka sepatutnya diberi peluang priority menjadi sub-kontraktor.

Parti-parti Pembangkang di negeri Sabah, saya ingin menegur bahawa sejak Barisan Nasional memegang tampuk Kerajaan Negeri, syarikat-syarikat besar di luar Sabah telah ditawarkan untuk melaksanakan projek-projek besar di dalam negeri. Apabila syarikat-syarikat tersebut mendapat kontrak, mereka bukan sahaja menghantar pegawai-pegawai mereka ke Sabah, bahkan juga mengimport kepakaran seperti bahan-bahan binaan dari Semenanjung Malaysia. Ini bermakna

bahawa walaupun ada banyak projek-projek pembangunan di Sabah, pengedar-pengedar bahan pembinaan mungkin tidak dapat menikmati faedah-faedah yang bererti.

Saya ingin menekankan bahawa perkataan saya tidak bererti bahawa saya atau rakyat Sabah anti Semenanjung ataupun anti orang luar. Pada pendapat saya, perasaan rakyat Sabah terhadap syarikat-syarikat luar tidak sukar difahami. Saya fikir rakyat negeri Perak misalnya, tidak akan senang hati jika projek-projek pembangunan di dalam negeri itu diberikan kepada pihak daripada luar negeri itu.

Pembangunan yang akan dilaksanakan dengan peruntukan Kerajaan Persekutuan akan lebih bererti kepada rakyat negeri Sabah jika wang yang dibelanjakan itu mendatangkan faedah terus, direct benefit, dengan izin, kepada anak-anak negeri Sabah dan dengan keuntungan itu, mereka akan dapat melabur semula dalam usaha-usaha lain. Change effect ini, dengan izin, akan mendatangkan kesan ekonomi jangka panjang bagi negeri Sabah sebaliknya jika kontrak-kontrak diberi kepada syarikat-syarikat daripada luar Sabah, kesan ketara, tangible impact, dengan izin, hasil peruntukan Kerajaan Persekutuan hanya terkandung di dalam projek yang telah disiapkan misalnya, sebuah bangunan ataupun sebatang jalan.

Pada pendapat saya, kepercayaan rakyat Malaysia di negeri Sabah kepada Kerajaan Barisan Nasional ditunjukkan dalam pilihan raya yang lalu walaupun masih ada kekurangan, harus dinilai sebagai yang positif dan mewujudkan selaras dengan usaha yang lebih sensitif untuk memberikan apa yang mereka inginkan dan perlukan iaitu pembangunan dengan izin, development in the real sense of the word.

Tuan Yang di-Pertua, negeri Sabah adalah sebuah negeri yang luas dan kini penuh dengan unsur-unsur unik yang perlu difahami dan diambil kira dalam pembentukan dan pelaksanaan dasar ataupun penguatkuasaan peraturan dan undang-undang. Oleh itu pihak jabatan-jabatan Persekutuan khasnya mereka yang diketuai oleh pegawai-pegawai berasal luar Sabah perlu sensitif dan berhati-hati dalam menjalankan tugas mereka untuk mengelakkan salah faham atau timbulnya rasa menaruh dendam.

Tuan Yang di-Pertua, di Semenanjung Malaysia penumpang menunggu teksi kerana teksi sering berkeliling di bandar. Tetapi di Sabah, teksi sentiasa berada di perhentian teksi dan menunggu penumpang. Walaupun demikian, teksi di seluruh negara dikawal di bawah undang-undang yang sama dan pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) menguatkuasakan undang-undang itu tanpa mengira keadaan tempatan.

Jika kita meneliti segala unsur-unsur di Sabah, maka adalah wajar sesetengah undang-undang ataupun peraturan-peraturan JPJ dilonggarkan ataupun diubahsuaikan untuk Sabah. Misalnya, peraturan-peraturan JPJ dilonggarkan ataupun diubahsuaikan untuk Sabah, peraturan melarang teksi daripada satu kawasan mengambil penumpang di kawasan yang lain. Peraturan ini patut dikuatkuasakan di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur. Tetapi di Sabah di mana bilangan penduduknya kecil, peraturan itu menyusahkan para pemandu teksi.

Begitu juga dengan proses kelulusan permit kenderaan di Sabah, khususnya kenderaan-kenderaan pengangkutan. Negeri Sabah sedang rancak membangun sejak Kerajaan Negeri Barisan Nasional ditubuhkan. Keadaan ini telah meningkatkan keperluan kenderaan-kenderaan

pengangkutan tetapi oleh kerana sebab-sebab yang tidak diketahui, pihak Lembaga Pelesenan Kenderaan Pengangkutan (LPKP) tidak dapat mengeluarkan permit dengan cepat. Adakalanya permohonan itu mengambil tempoh berbulan-bulan tanpa penjelasan.

Dalam satu perjumpaan di antara sektor pengangkutan dengan pihak JPJ dan LPKP di Kota Kinabalu dalam bulan Mei yang lalu, terdapat syarikat-syarikat besar yang memohon 20 hingga 30 permit lori tetapi diluluskan satu atau dua permit sahaja. Apabila pengusaha-pengusaha membuat rayuan, ada di antara mereka diberitahu secara tidak rasmi kononnya pemberian permit tertakluk kepada suku kaum si pemohon. Keadaan ini harus diperbaiki supaya usaha pembangunan ekonomi di negeri Sabah tidak terjejas.

Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk merayu kepada Kementerian Pengangkutan supaya menyasat keadaan dan mengambil daya usaha untuk mempercepatkan pengeluaran permit-permit kenderaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan untuk memperkatakan tentang kepentingan usaha sama pembangunan di rantau ASEAN Timur yang boleh memberi kesan secara langsung yang positif kepada negeri Sabah khususnya dan Malaysia secara umumnya. Proses pembangunan penting ini akan melibatkan 4 buah negara iaitu Brunei, Indonesia, Malaysia dan Filipina dalam membentuk satu kawasan pertumbuhan ASEAN Timur yang lebih dikenali sebagai "beam edger".

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi sedikit latar belakang tentang penubuhan "beam edger". Idea penubuhan edger telah dimulakan pada pertengahan tahun 1970-an dan direalisasikan secara formal pada bulan Mac 1994 dengan termeterainya satu memorandum per-

sefahaman (MoU) di antara Menteri-menteri Perdagangan yang akan menganggotai edger. Penubuhan "beam edger" adalah berdasarkan konsep zon kerjasama ekonomi. Perkembangan ini harus dilihat sebagai satu pendekatan yang penting dan berguna untuk mempromosi dan mengintegrasikan berbagai bidang berkepentingan bersama seperti perdagangan dan pelaburan. Rangkaian perhubungan udara dan laut serta jalinan telekomunikasi di antara negara-negara anggota iaitu Brunei, Sabah, Sarawak, Indonesia, Timur Kalimantan dan Filipina Selatan/Mindanao. Adalah di

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masa sudah cukup Yang Berhormat. Masa cukup ya.

Tuan Philip Yong Chew Lip: Sedikit lagi. Adalah diharapkan melalui semangat kerjasama ASEAN ini, para pemimpin politik dan ahli-ahli perniagaan di rantau edger akan melihat negara-negara jiran mereka sebagai rakan kongsi perniagaan dan perdagangan yang penting dalam usaha untuk mewujudkan ekonomi synergy yang boleh membawa manfaat bersama secara kolektif. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Lumut.

7.30 ptg.

Dr. Yap Yit Thong (Lumut): Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang inflasi sifar, saya mengucapkan syabas kepada Kerajaan hari ini yang bersungguh-sungguh untuk membela rakyat dengan memberi kasihan kepada mereka tentang betapa bahayanya kesan inflasi yang sudah tidak dikawal.

Kita hari ini patut sedar dan mencari formula yang paling tepat untuk menjayakan inflasi sifar. Tetapi sebelum saya bercakap lebih jauh lagi, saya ingin

menyentuh peranan Tenaga Nasional dan Telekom Malaysia. Sejak diswastakan kedua-dua syarikat gergasi ini telah pun berkembang maju begitu pesat sekali dan mencatatkan keuntungan yang amat lumayan. Kedua-dua syarikat ini juga mempunyai tanggungjawab yang agak berat juga untuk memajukan kawasan-kawasan luar bandar. Kita juga faham Tenaga Nasional terpaksa membayar kos bahan api yang turut naik dari masa ke semasa dan pada masa yang sama menikmati untung yang selesa. Untuk mengekalkan keuntungan, Tenaga Nasional terpaksa menaikkan tarif.

Yang kita hendak tahu sekarang siapa pula yang akan mengalami kerugian? Jawapannya sudah tentu sekali rakyat negara ini keseluruhannya. Yang kita hendak pasti di sini adakah tenaga elektrik itu bukannya keperluan asas rakyat? Kita cipta Tenaga Nasional sebagai alat untuk pembangunan kita dan bukan sebaliknya untuk menelan kita. Keseimbangan untuk mengejar keuntungan dan kewajipan kepada negara perlu ada yang akan dapat memberikan kegembiraan kepada pengguna-pengguna sama ada rumah kediaman, peniaga mahupun industri. Oleh sebab kenaikan tarif itu melibati berbilion ringgit, sudah tentu tindakan itu bertentangan dengan konsep inflasi sifar.

Tidak cukup dengan keadaan itu, Telekom Malaysia pula berura-ura untuk mengenakan caj panggilan tempatan mengikut lama masa digunakan. Ini bermakna bil-bil telefon pengguna akan meningkat. Tindakan ini dilakukan untuk mendapat balik kerugian-kerugian yang dialami oleh pihak syarikat tersebut. Akhirnya kedua-dua syarikat yang di atas untung, tetapi rakyat terpaksa menanggung beban. Keadaan ini tidak boleh lagi berlaku di Malaysia yang mengamalkan semangat penyayang dan prihatin terhadap kekecewaan rakyat. Apakah kita telah lupa untuk membangunkan rakyat dan negara

ini mengikut lunas masyarakat penyayang dan kemakmuran bersama. Kerugian selalu dihubungkan dengan kecekapan. Kalau kurang cekap, sudah tentu rugi. Adakah kesilapan dan ketidakcekapan pengurusan kedua-dua syarikat gergasi patut dibayar oleh rakyat Malaysia keseluruhannya?

Dengan demikian, saya sarankan di sini pihak pengurusan kedua-dua syarikat gergasi ini merujuk kepada etika kerja, cekap dan bertanggungjawab dan memajukan syarikat melalui penjimatan perancangan yang cekap dan mencuba serta mengamalkan idea-idea baru yang lebih maju, bukan lagi berniaga secara tradisi iaitu mengambil untung dari kerugian rakyat. Gunakan kepakaran dan kecekapan untuk membangunkan negara dan sambil itu membela rakyat dan sambil itu juga memberi sokongan kepada gagasan inflasi sifar. Jangan jadi golongan yang sudah hilang pedoman dan tanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang kepada inflasi sifar lagi, ubat-ubat yang digunakan dalam bidang perubatan dan rawatan pesakit perlu diberi perhatian. Kawalan mutu dan harga perlu ada kerana ia adalah bahan asas rakyat juga. Drug dan juga ubat-ubatan yang lain meningkat harga dengan kadar sebanyak 5% hingga 40% setiap tahun. Sekiranya ini tidak dikawal, kos rawatan akan meningkat. Jadi, saya sarankan satu langkah yang positif harus dilakukan untuk mengekang keadaan ini.

Kini sudah sampai masanya Malaysia mengadakan pusat kecemerlangan perubatan. Sesuai dengan Wawasan 2020, Malaysia seharusnya mengadakan pusat pakar-pakar perubatan yang terbaik dan terancang di rantau ini. Dengan kewujudannya kita dapat menarik pakar-pakar perubatan kembali berkhidmat di tanah air. Bukan itu sahaja, pakar-pakar

dari luar juga mungkin berminat untuk berkhidmat di negara ini. FAM telah melakukannya dan kita telah saksikan ramai pemain bola sepak datang cari makan di negara kita. Malaysia sebenarnya mampu untuk melakukan iaitu menubuh pusat kecemerlangan perubatan dan kita harus bercita-cita untuk menjadikan yang terbaik di rantau ini.

Saya berharap pihak Kerajaan dapat memberikan kelonggaran kepada doktor-doktor pakar yang mempunyai kelulusan yang tinggi untuk tidak dikenakan berkhidmat selama 3 tahun dan mewujudkan jawatan yang sesuai dengan kelulusan mereka dan bukan hanya sebagai pakar klinik seperti yang ada sekarang yang gajinya jauh lebih rendah. Kalau kita mendapat pengiktirafan yang sewajarnya, saya rasa ramai akan pulang berkhidmat di sini.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang ingin saya sentuh di sini ialah tentang pengambilan tanah oleh Kerajaan untuk diberikan kepada Petronas demi untuk pembangunan negara. Kebanyakan rakyat bersetuju asalkan pampasan yang diberi berpatutan dan munasabah.

Apa yang berlaku di kawasan saya, iaitu kawasan Parlimen Lumut agak ganjil dan merumitkan. Tenaga Nasional membeli tanah dengan menggunakan khidmat penilai swasta untuk memberikan nilai sebanyak RM25,000 untuk seekar. Tanah yang bersempadan dengan tanah ini telah diambil oleh Petronas yang menggunakan khidmat penilai Kerajaan yang memberikan nilai sebanyak RM12,000 untuk satu ekar dan nyata tersangat rendah jika dibandingkan dengan apa yang ditawarkan oleh Tenaga Nasional. Sesiapa pun dalam keadaan demikian tentu berasa tidak puas hati dan kecewa. Tuan-tuan tanah juga memerlukan pembelaan daripada Kerajaan. Di sini saya sarankan perlu satu penyelarasan dibuat sesuai dengan nilai

bersama supaya kerumitan sedemikian tidak perlu berlaku pada masa akan datang, lagi pun pemilik juga perlu diberi perlindungan.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya sokong Usul Ucapan Terima Kasih di atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tepat masanya. Bukit Bintang.

7.40 mlm.

Tuan Wee Choo Keong (Bukit Bintang): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua oleh kerana memanggil saya, kalau tidak, kaki saya akan patah oleh kerana bangun sudah berpuluh-puluh kali.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, teruskan Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong: Ya, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Walaupun baru-baru ini Kerajaan Barisan Nasional menang banyak kerusi di dalam pilihan raya umum tahun 1995, tetapi ini tidak bermakna sudah tiada kelemahan di dalam jabatan Kerajaan atau agensi-agensi Kerajaan seperti Security Commission, ACA, KLSE dan Imigresen.

Perkara pertama saya akan sentuh di sini ialah regulasi kecil cap dagangan untuk menguatkuasakan Paris Convention on Trade Mark. Walaupun perkara telah diluluskan oleh Parlimen penggal yang lepas, tahun 1993, tetapi hingga hari ini belum digazetkan. Saya ingin bertanya Menteri yang berkenaan kenapakah satu Akta Parlimen telah diluluskan dan hingga hari ini Paris Convention ini belum digazetkan dan menguatkuasaan

itu tidak dijalankan atau dilaksanakan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna?

Saya ingin juga menimbulkan lagi satu kes untuk menunjukkan bahawa Security Commission kita adalah amat lemah dan tidak berkesan dan ianya cuma satu badan yang ditubuhkan untuk dengan izin, eye wash sahaja. Kes ini telah dilaporkan di dalam *Malayan Law Journal (MLJ)* (IMLJ 1995 muka surat 101) yang bernama Mihajar Development Sdn. Bhd. against Tan Sri Dato Loy Hean Heong seorang Pengerusi Eksekutif MBf, iaitu pihak pertama dan kedua MBf Holdings, pihak ketiga MBf Finance Berhad, pihak keempat Bina MBf Sdn. Bhd., kelima MBf Builders, keenam MBf Construction, ketujuh MBf Property Services Sdn. Bhd., kelapan Thong Siew Mei, ini ialah seorang bekas Personal Assistant Tan Sri Loy. Kes ini menunjukkan dengan terang apa yang saya telah menimbulkan di dalam Dewan yang mulia ini pada penggal Parlimen yang lepas ialah semua benar.

Saya sudah membuat satu laporan polis terhadap Tan Sri Loy dan juga laporan Bank Negara mengenai dengan beliau menyalahgunakan kuasa dalam syarikatnya dan juga menyalahgunakan wang MBf Finance dan juga MBf Holdings. Kedua-dua syarikat ini ialah public listed company, dengan izin. Bila saya membuat laporan tersebut kepada polis dan juga Bank Negara, Tan Sri Loy menggunakan mahkamah untuk menutup mulut saya meminta injunction dan juga itu menimbulkan berbagai-bagai skandal terhadap Tun Hamid dan juga mahkamah.

Di sini saya ingin memetik keputusan yang dibuat oleh Hakim Mahkamah Tinggi Yang Arif V.C. George di mana beliau di muka surat 112, iaitu kes ini dilaporkan dalam MLJ tahun 1995, satu MLJ muka surat 101.

Saya akan memetik di muka surat 112 di mana Yang Arif mengatakan bahawa:

“Kam and Tan Sri Loy Hean Heong are the main players, puppet masters, manipulating the string behind the scene, neither of them have affirmed any of the affidavit used in this proceeding but it will appear that it is they who called the short”.

Ini amat terang bahawa Tan Sri Loy ialah the puppet master di dalam syarikat ini dan menggunakan wang MBf Finance memberi pinjaman kepada Mihajar Holding di mana kepentingan syarikat ini dipegang oleh beliau melalui Datuk Kam Woon Wah dan juga di dalam muka surat yang sama Hakim tersebut juga menyatakan bahawa:

“It’s all Tan Sri Loy scheme, using Datuk Kam Woon Wah as a front man, that’s why he is further contended there was the option of Tan Sri Loy to take over the two companies and to take over certain shares that Datuk Kam had in the third respondent company and that when the option expired”.

Ini sudah jadi amat jelas seorang hakim sudah mengatakan “This is Tan Sri Loy scheme in this whole case”, menyalahgunakan wang MBf. Dan kita mesti berhati-hati di sini oleh kerana MBf Holding dan MBf Finance ini ialah satu public listed company dan juga terlibat wang rakyat jelata. Janganlah Security Commission masih tidur ataupun dapat kepentingan khas seperti Tun Hamid, sebab itu dia buat ‘bodoh’, dia ‘tidak tahu’ semua.

Juga di bawah muka surat yang sama:

“In support of the contention that the respondent rent the project as if it was that of the subsidiary of MBf Group, the petitioner contended the awarding of contract to various company of the group was made through pseudo tender exercise”.

Jadinya tender exercise yang boleh dikatakan palsu, dan inilah yang hakim katakan penting juga di sini:

“On the evidence before the court it cannot at this stage be heard as baseless the complaint that the tender exercise was contrived”.

Ini sudah jadi satu perkara yang amat jelas, kes ini juga dilaporkan di dalam semua laporan magazines undang-undang di dalam negara kita.

Saya tahu bahawa Security Commission pun ada subscribed kepada MLJ ini, kenapa tidak ada apa-apa tindakan diambil? Dan yang akhir sekali Yang Arif Hakim berkata bahawa:

“On the fact place before the court, I'm of the view that there should be independent, full and physical investigation of the whole affairs of the two companies and of the project”.

Selepas keputusan ini dibuat oleh hakim, Tan Sri Loy menyelesaikan kes ini di luar mahkamah dan membayar sebanyak RM16 juta kepada syarikat ini, walaupun dalam petition ini beliau mengatakan bahawa Mihajar Holding telah ada kerugian sebanyak RM21 juta, akhirnya selepas keputusan ini dibuat beliau membayar RM16 juta. Kenapa Security Commission tidak mengambil tindakan. Sama ada Security Commission ini untuk satu “eye wash” kepada rakyat, tidak menjaga kepentingan rakyat, tidak menjaga pasaran saham di dalam negara kita. Tidak menjaga tindak-laku Ketua Eksekutif

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Parit Sulong bangun.

Tuan Wee Choo Keong: Sorry! Tidak ada masa, lain kali. Saya ada satu perkara lagi.

Saya harap Security Commission dan KLSE juga walaupun saya tahu ketua KLSE pun sahabat karib Tan Sri Loy. Walau bagaimanapun saya harap Ketua Suruhanjaya Sekuriti dan juga KLSE ambil tindakan, kalau tidak berani atau kata tidak ada bukti bacalah *Malayan Law Journal* ini. Sudah ada laporan di dalam *Malayan Law Journal*. Ini satu kes sudah keluar dalam surat khabar, jadi jangan buat pura-pura tidak nampak. Kita akan bangkit lagi perkara ini dalam Budget akan datang ini.

Perkara yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyatakan saya sudah membuat laporan kepada pihak polis apa-apa yang terlibat dalam kes ini, saya sudah buat laporan polis, kenapa pihak polis pun tidak mengambil tindakan. Saya harap Menteri yang berkenaan boleh memberi penjelasan yang terperinci dalam Dewan yang mulia ini.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, mengenai Imigresen negara kita, kenapakah kita tidak mengawal selia dengan baik-baik orang asing yang datang kerja di dalam negara kita, seperti remisier beribu-ribu orang warganegara kita menanti untuk menjadi remisier tetapi mereka tidak ada peluang. Oleh kerana . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masa sudah cukup.

Tuan Wee Choo Keong: Satu minit untuk gulung, Tuan Yang di-Pertua.

Tetapi orang asing, orang Singapura, orang British dapat bekerja sebagai remisier di negara kita. Kenapa? Kalau kita hendak pergi bekerja di Singapura sangat susah. Tetapi di sini orang asing ramai bekerja. Saya boleh beri contoh — dua orang. Seorang yang bernama Ng Koh Lip bekerja sebagai seorang remisier. Dia seorang warganegara Singapura bekerja di K & N KENANGA Sdn. Bhd.

Yang kedua, Norman Benta bekerja sebagai remisier — seorang British, bekerja di UMBC Security Sdn. Bhd. Ini sangat jelas oleh kerana warganegara kita sendiri tidak boleh mendapat kerja sebagai remisier. Hendak jadi remisier pun kena ambil peperiksaan. Untuk mengambil peperiksaan itu tidak dapat oleh sebab ada queue yang panjang. Tetapi orang asing dapat kerja. Takkan Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong bersetuju bahawa orang asing boleh bekerja di sini?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, masa sudah lebih.

Tuan Wee Choo Keong: . . . kita mesti memberi peluang kepada rakyat kita dahulu! Betul atau tidak? Takkan hendak sokong orang asing? Kita kena sokong orang tempatan dahulu!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, kena beri peluang kepada Ahli-ahli lainlah. Masa sudah cukup.

Tuan Wee Choo Keong: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tanjong Karang.

7.41 mlm.

Tuan Noh bin Omar (Tanjong Karang): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi kebenaran kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan pada petang ini.

Pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah berjaya memimpin Barisan Nasional dan memenangi dengan kemenangan yang besar di dalam pilihan raya yang lepas sehinggalah di negeri Selangor di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Tan Sri

Dato' Muhammad bin Haji Muhd. Taib telah mencipta sejarah di mana negeri Selangor telah menang ke semua 17 kerusi Parlimen yang telah dipertandingkan. (*Tepuk*)

Dengan kejayaan ini membuktikan bahawa rakyat pada hari ini telah menerima dasar-dasar Kerajaan dan menolak perjuangan politik perkauman sempit dan juga fanatik agama yang diperjuangkan oleh parti-parti Pembangkang dan kita telah dengar bahawa berbagai-bagai alasan telah diberi oleh parti Pembangkang yang mereka masih lagi tidak mahu menerima hakikat bahawa rakyat pada hari ini telah menolak perjuangan mereka. Pemimpin-pemimpin Pembangkang ini bolehlah diibaratkan seperti "ayam jantan yang berkokok berderai-derai tetapi ekornya bergelumang dengan tahi". Kadang-kadang apa yang mereka cakapkan sebenarnya menuding kepada diri mereka sendiri. Saya ingin memberi contoh, Yang Berhormat dari Marang telah mengatakan di dalam perbahasannya:

" . . . kerana sebab-sebab yang menjadikan rakyat terdesak melakukan sedemikian dan sering kali penyelesaiannya dijadikan satu peluang ugutan politik di masa pilihan raya dan bukannya untuk menjadi penyelesaian yang berkekalan".

Contoh yang telah diberikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Marang.

" . . . sepanjang tahun diberikan kebenaran sementara tetapi tidak diberi hakmilik selama-lamanya atau diberi borang di musim pilihan raya walaupun perkara ini kebanyakannya di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri."

Ini menunjukkan bahawa Pembangkang seolah-olah telah juga melakukan politik wang dan juga ugutan dilakukan di negeri Kelantan. Kita ingin bertanya

kepada parti PAS, apakah cara politik ugutan dan juga politik memancing di waktu pilihan raya? Yang kita tahu kuasa tanah ini adalah terletak di bawah kuasa Kerajaan Negeri. Mungkin oleh kerana politik wang dan juga ugutan ini yang diamalkan oleh parti Pembangkang di Kelantan, maka sebab itulah mereka boleh menang dalam pilihan raya di negeri Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh sedikit mengenai isu pembangunan. Yang pertama, saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak Kerajaan yang telah menubuhkan Kementerian Pembangunan Usahawan. Ini jelas menunjukkan bahawa Kerajaan begitu peka dan prihatin untuk melahirkan usahawan-usahawan sejajar dengan Wawasan 2020. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan yang telah menetapkan setiap 18hb November adalah merupakan Hari Peniaga. Apa yang ingin saya memberi pandangan di sini, kita mohon Kementerian Pembangunan Usahawan ini supaya mengambil berat dan prihatin terhadap nasib penjaja dan juga peniaga-peniaga kecil di seluruh negara. Hampir 600 orang penjaja dan peniaga kecil ini yang patut kita bela nasib mereka dan patut ada satu agensi Kerajaan untuk mentadbir, lebih-lebih lagi untuk menguruskan pinjaman dan juga menjaga kepentingan mereka. Kita khuatir kalau penjaja dan peniaga kecil ini tidak diberi perhatian, maka lambat-laun pendatang-pendatang asing akan mengambil alih tugas-tugas penjaja dan peniaga kecil ini.

Yang kedua, kita juga merayu kepada pihak Kementerian Pertanian khasnya dalam hendak membela nasib nelayan terutamanya nelayan-nelayan di Pantai Barat. Sebagaimana kita maklum bahawa nelayan-nelayan di Pantai Barat ini tidak berpeluang untuk menjalankan perikanan laut dalam memandangkan pantai di

Pantai Barat ini kurang daripada 20 batu nautika. Oleh itu, perhatian kepada nelayan-nelayan di Pantai Barat ini patut diberi kemudahan-kemudahan asas.

Sebagai contoh, lesen-lesen mengutip kerang yang pada hari ini di kawasan Kuala Selangor merupakan satu-satunya kawasan mengutip kerang yang terbaik di negara kita, maka lesen-lesen ini sepatutnya disalurkan kepada persatuan-persatuan nelayan di Pantai Barat. Begitu juga sepatutnya di Pantai-pantai Barat ini ditubuhkan satu kampung nelayan dengan diberi kemudahan-kemudahan asas dan juga bekalan-bekalan elektrik supaya mereka ini dapat terus bekerja sebagai nelayan moden di Pantai-pantai Barat ini.

Perkara yang ketiga, izinkan saya menyentuh mengenai pembangunan di kawasan saya. Tanjong Karang ini merupakan satu kawasan jelapang padi yang terbesar sekali di negeri Selangor. Di dalam arus kita mengejar pembangunan industri, maka belia-belia di luar bandar dari Tanjong Karang telah ramai berhijrah ke bandar-bandar. Di dalam usaha ini kita dapati bahawa ramai tenaga-tenaga pekerja daripada kalangan muda telah berkurangan dan ini menyebabkan petani-petani di kawasan Tanjong Karang telah membuat satu sistem pembelian padi dinamakan 'sistem pukal'. Sistem pukal ini ialah di mana lori-lori dan juga mesin-mesin telah masuk terus ke sawah-sawah padi dan padi dimasukkan ke dalam lori dan lori ini akan terus menghantarkan padi-padi ini ke kilang-kilang.

Apa yang saya ingin bangkitkan di sini ialah kemudahan-kemudahan asas terutama jalan raya. Oleh kerana jalan-jalan raya di kawasan Parlimen Tanjong Karang ini ada empat jenis, iaitu jalan parit, jalan tali air, jalan ladang dan jalan batasan. Kebanyakan mesin-mesin dan juga lori-lori ini menggunakan jalan-jalan yang kecil. Jambatan-jambatannya dibuat daripada kayu. Oleh kerana per-

sediaan kurang disediakan dengan rapi, maka kemasukan lori-lori dan mesin-mesin ini telah menambahkan teruk lagi jalan-jalan yang sudah sedia tidak terbela.

Sebagai contoh, jalan projek Barat Laut. Amat menghairankan di mana jalan-jalan projek Barat Laut ini pihak Kerajaan hanya menyediakan peruntukan untuk membuat jalan sahaja tetapi tidak ada bekalan ataupun tidak ada perbelanjaan untuk penyelenggaraan jalan-jalan tersebut. Oleh kerana jalan-jalan ini telah lama dibuat maka jalan ladang ini amat perlu dilihat dan perlu lagi dipertingkatkan.

Perkara yang keempat, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan yang mengambil berat dan membela nasib rakyat termiskin di seluruh negara. Walau bagaimanapun, usaha untuk membela nasib rakyat di seluruh negara khususnya di bawah program PPRT patut dipertingkatkan lagi terutamanya daripada segi pelancaran dan juga pelaksanaannya di mana kita lihat pada hari ini seperti mana rakan-rakan kita telah mengatakan bahawa kita kekurangan pegawai-pegawai di Pejabat-pejabat Daerah tetapi segala urusan PPRT ini masih lagi terletak di atas bahu pegawai-pegawai ini, adalah di Pejabat Daerah.

Oleh itu kita minta supaya Kerajaan dapat melaksanakan program PPRT dengan lebih tersusun dan kita tidak mahu ada berlakunya 'over-lapping', dengan izin, atau saling bertindih di mana agensi-agensi Kerajaan ini memberi bantuan PPRT kepada rakyat tanpa melalui satu badan induk. Saya percaya kalau ada satu badan induk ataupun ada satu agensi dapat menyelaraskan bantuan PPRT ini, maka bantuan PPRT ini akan dapat terus dilaksanakan dan dinikmati oleh rakyat yang termiskin dan tercapai sasarannya.

Perkara yang kelima ialah masalah sosial pada hari ini kita telah tahu dan ramai telah memperkatakan masalah-masalah belia pada hari ini. Saya ingin memberi satu pandangan bahawa kebanyakan belia-belia yang terjerumus di dalam gejala 'lepak', 'bohsia' dan juga 'bohjan' ini adalah terdiri daripada belia-belia di bawah umur 20 tahun. Ini kerana kebanyakan belia-belia ini ramai daripada mereka adalah bekas lepasan sekolah dan ada di antara mereka ini yang terus bekerja kilang ataupun bekerja di kawasan-kawasan industri sementara menunggu keputusan peperiksaan SPM ataupun STP. Kebanyakan mereka ini datangnya kadang-kadang daripada luar bandar. Dan daripada luar bandar ini mereka datang ke bandar dan bolehlah diibaratkan mereka ini seperti seekor burung yang terlepas daripada sangkar. Di zaman persekolahan mungkin mereka ini masih lagi belum terdedah dengan unsur-unsur kebudayaan luar dan juga dari segi kewangan mungkin mereka kurang mampu untuk menghiaskan diri ataupun mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti sosial. Dengan persiapan diri yang kurang lengkap, mereka ini terus terdedah dan terus pergi ke bandar-bandar dan kita dapati mereka ini seolah-olah mendapat suatu kejutan. Dengan bimbingan yang kurang daripada ibu bapa dan juga pihak-pihak tertentu, maka kita dapati mereka ini mudah terjerumus dalam gejala-gejala yang negatif.

Oleh itu, saya ingin mencadangkan supaya pihak Kementerian Pendidikan khususnya supaya dapat membuat program di mana lepasan-lepasan sekolah ini patut diberikan satu kursus, satu bimbingan sebelum mereka ini dilepaskan terus untuk menjalani dunia pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merakamkan dukacita di atas sikap PAS yang nampaknya pada hari ini apa sahaja yang Kerajaan buat semuanya tidak betul. Pada hari ini, kita baca di akhbar-akhbar bahawa PAS tidak terima atau tidak setuju dengan program Rakan Muda. Kita tahu bahawa program Rakan Muda ini adalah satu program untuk melahirkan belia-belia kita supaya dapat meningkatkan daripada ketahanan jiwa, mental dan diri mereka untuk menghadapi cabaran di masa hadapan sejajar dengan Wawasan 2020.

Oleh itu, kita menyeru bahawa pihak Pembangkang seandainya satu-satu program yang mendatangkan faedah kepada rakyat, jangan setakat untuk membangkang tetapi hendaklah memikirkan masalah-masalah yang akan dihadapi oleh negara di masa-masa yang akan datang.

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Akhir kata, saya ingin menyentuh mengenai projek agro-tourism. Kita merayu kepada TDC supaya dapat mengatur satu program yang tersusun, supaya dapat memberikan satu projek agro-tourism ini dengan begitu baik dan mengadakan pegawai-pegawai mereka di peringkat-peringkat daerah. Mudah-mudahan dengan adanya rancangan yang tersusun, program agro-tourism yang memberikan satu pendapatan ataupun satu kebaikan kepada petani-petani di luar bandar, maka dapatlah mereka ini turut bersama mengambil bahagian di dalam projek perancangan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat, ya. Petaling Jaya Selatan.

8.04 mlm.

Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan

terima kasih kerana diberi peluang untuk berucap dan mengambil bahagian untuk membahaskan Usul Ucapan Terima Kasih kepada Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Lebih kurang dua bulan yang lalu, sokongan hebat yang diberi oleh berbagai kaum telah membawa kemenangan yang cemerlang kepada Barisan Nasional. Akan tetapi, sebaik sahaja Kerajaan Barisan Nasional menguasai semula pemerintahan negara, kita terus berdepan dengan masalah inflasi, di mana harga berbagai barangan semakin meningkat. Keadaan ini memang membimbangkan, lebih-lebih lagi untuk Kerajaan Barisan Nasional di mana rakyat jelata baru sahaja menaruhkan keyakinan yang begitu kuat kepadanya. Kita harus mengurangkan tekanan inflasi ke paras yang terendah demi kepentingan rakyat semua serta menjaga imej Kerajaan.

Saya merasa lega kerana pihak Kerajaan terutama sekali Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah mengambil langkah-langkah yang tegas dan berkesan dalam menghadapi masalah inflasi pada dua bulan yang lalu ini. Syabas, saya mengucapkan kepada Kementerian dalam usaha yang begitu gigih di mana matlamat inflasi sifar telah ditetapkan.

Kita mendapati Kerajaan Barisan Nasional bertindak begitu pantas dalam usaha memerangi inflasi. Usaha-usaha positif Kerajaan termasuk penetapan hari Sabtu yang pertama dalam setiap bulan sebagai "Hari Inflasi Sifar", kelonggaran peraturan jual murah 1993 serta penggalakan aktiviti-aktiviti jual murah di kalangan pekedai-pekedai agar pengguna-pengguna dapat membeli-belah dengan harga yang berpatutan.

Pelancaran Hari Inflasi Sifar sudah tentu akan memanfaatkan kita semua kerana ia bukan sahaja memberikan faedah secara langsung kepada pengguna-

pengguna, malah meningkatkan kesedaran dan pengetahuan consumer right, dengan izin, di kalangan rakyat Malaysia. Akan tetapi, untuk memastikan berkesannya usaha-usaha ini, pihak Kerajaan terutama sekali Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna harus menjalankan pengawalan yang rapi terhadap aktiviti-aktiviti jual murah supaya peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab tidak mengambil kesempatan untuk mengaut keuntungan yang berlebihan.

Pihak penguat kuasa harus memastikan bahawa peniaga-peniaga mematuhi peraturan jual murah di mana barangan yang dimaksudkan benar-benar dijual dengan harga yang lebih murah berbanding dengan waktu biasa. Tindakan tegas perlu diambil terhadap peniaga-peniaga yang melanggar peraturan termasuk pendakwaan di mahkamah dan blacklisted, dengan izin, dan tidak perlu pengumuman dibuat terhadap mana-mana syarikat yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut perangkaan yang disemakkan oleh Jabatan Perangkaan pada minggu lepas, indeks harga pengguna telah meningkat sebanyak 3.4% dalam lima bulan yang pertama dalam tahun ini, dan kenaikan harga beberapa barangan telah disebutkan sebagai punca meningkatnya indeks harga pengguna. Ini termasuk barangan runcit, kos perkhidmatan, makanan, bahan bakar dan tenaga serta perbelanjaan perkhidmatan perubatan.

Kita sedar bahawa bidang perkhidmatan juga merupakan satu-satunya punca yang boleh menyebabkan inflasi. Oleh itu, pihak Kerajaan harus juga mengawal dengan rapi kos-kos dalam bidang perkhidmatan, selain mengawal kenaikan harga barangan. Peningkatan kos perkhidmatan yang berleluasa bukan sahaja membebaskan pengguna-pengguna, malah

ia akan membatalkan segala usaha Kerajaan untuk mengawal inflasi. Saya menyeru Kerajaan supaya mengkaji semula pelaksanaan cukai perkhidmatan sebanyak 5% kerana peraturan ini tidak selari dengan usaha-usaha Kerajaan untuk mengawal inflasi. Tidak dapat dinafikan bahawa dengan pelaksanaan cukai perkhidmatan seperti ini, pihak pengguna yang terpaksa menanggung beban kos.

Senarai barangan kawalan harga perlu diperluaskan demi mengurangkan beban kos kehidupan rakyat, terutama golongan yang berpendapatan rendah. Matlamat Inflasi Sifar Kerajaan tidak bermaksud bahawa harga kesemua jenis barang tidak boleh dinaikkan sama sekali. Kita tidak memerlukan kawalan ke atas harga barangan mewah, tetapi yang penting adalah kawalan rapi terhadap barangan keperluan harian. Tindakan seperti ini amat perlu agar peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab tidak mengambil kesempatan untuk mengaut keuntungan melalui kegiatan menyorok. Usaha mengawal inflasi akan lebih berkesan jika rakyat sekalian diharap berjimat dan menyimpan wang dalam tabungannya.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri telah memberi pengumuman selepas mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO baru-baru ini bahawa Kerajaan bercadang menubuh satu tabung amanah pelaburan seperti ASN dan ASB untuk rakyat semua kaum berumur di bawah 30 tahun. Ini merupakan satu cadangan yang dialu-alukan kita semua. Cadangan ini dilihat sebagai satu usaha murni Kerajaan Barisan Nasional untuk menjaga kepentingan rakyat semua kaum di mana kekayaan negara dapat diagihkan dengan rata dan saksama. Selain dari itu, langkah begini juga dapat melipatgandakan simpanan rakyat, di samping membendung ekonomi negara daripada gejala inflasi yang buruk.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan ekonomi negara yang pesat telah menolong ramai penduduk luar bandar bermigrate, dengan izin, ke bandar dan telah menimbulkan berbagai masalah sosial termasuk perumahan, lalu lintas, pendidikan, alam persekitaran, kemudahan awam. Untuk mengurangkan masalah-masalah sedemikian, Kerajaan Barisan Nasional yang sentiasa peka terhadap kesusahan dan keperluan rakyat harus mengadakan satu perancangan yang menyeluruh agar kegiatan pembangunan industri dapat diagihkan ke kawasan luar bandar. Ini bukan sahaja dapat mewujudkan peluang-peluang pekerjaan di luar bandar, tetapi juga dapat membendung muda-mudi kita daripada gejala-gejala sosial yang tidak sihat. Kerajaan terutama sekali Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri harus mempertimbangkan pemberian insentif kepada pengilang-pengilang yang sedang menubuh dan memindah kilang-kilang ke kawasan luar bandar.

Saya menyeru Kementerian yang berkenaan supaya memberi insentif istimewa kepada pelabur-pelabur industri yang menempatkan kilang-kilang di luar bandar serta menggaji pekerja-pekerja tempatan. Saya yakin langkah seperti ini bukan sahaja dapat mewujudkan peluang pekerjaan di kawasan luar bandar, malah menggalakkan atau mengurangkan kedatangan pekerja-pekerja asing ke negara kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Jerantut.

8.11 mlm.

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong penuh Usul Menjunjung Kasih Kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Ucapan Baginda tempoh hari.

Tuan Yang di-Pertua, pertama-tamanya izinkan saya untuk merakamkan setinggi-tinggi tahniah serta syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah memimpin Barisan Nasional ke suatu kejayaan yang amat cemerlang, 'even beyond the wildest dreams of the opposition', dengan izin.

Kejayaan ini tidak datangnya secara kebetulan atau 'good luck', kejayaan ini datang oleh kerana Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah dapat membawa Kerajaan dan rakyat Malaysia ke suatu tahap pembangunan yang unggul. Rata-rata rakyat Malaysia yakin dan percaya bahawa 'the pot of gold at the end of the rainbow is within easy reach', dengan izin. Kepimpinan yang dinamik, pragmatik dan berwawasan ini dikagumi oleh bukan hanya rakyat Malaysia tetapi dunia ketiga. Secara perbandingan, kepimpinan yang berwawasan yang ditunjukkan oleh pihak pembangkang telah meyakinkan rakyat bahawa pihak pembangkang hanya boleh bercakap tetapi tidak dapat membela untung nasib rakyat keseluruhannya. Kesungguhan yang ditunjukkan oleh Pembangkang hanyalah membawa isu-isu yang remeh-temeh yang tidak dapat membela rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun ekonomi negara tumbuh dengan kadar yang amat memberansangkan, langkah-langkah bagi memasti pertumbuhan ini adalah pertumbuhan yang sebenar atau 'real growth', dengan izin, mesti dirancang dan dilaksanakan. Langkah Kerajaan untuk mengadakan kempen ke arah inflasi sifar amat-amat tepat dan kena pada masanya. Inflasi yang melibatkan kenaikan harga barangan keperluan asas akan hanya membebankan golongan yang berpendapatan rendah. Golongan yang berpendapatan tinggi dan kaya-raja tidak akan merasakan kepedihan inflasi.

Justeru itu saya ingin menyeru kepada pihak Kerajaan agar tidak bertolak ansur untuk memastikan inflasi di negara ini dapat diturunkan ke peringkat sifar.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu sektor yang dapat menyumbangkan kepada pertumbuhan ekonomi dengan begitu berkesan sekali ialah bidang pelancongan. Sektor ini telah memainkan peranan yang amat penting dalam pertumbuhan ekonomi negara. Sebagai contoh, dalam tahun 1985 jumlah pelancong yang datang ke Malaysia ialah 3.11 juta orang. Pendapatan tukaran wang asing diperolehi dari jumlah ini ialah sebanyak RM1.54 bilion. Pada tahun 1994 pula, jumlah pelancong meningkat kepada 7.2 juta dan jumlah tukaran wang asing yang didapati ialah sebanyak RM8.3 bilion. Ini bermakna bahawa jumlah pelancong telah meningkat sebanyak 4.09 juta orang dalam masa 10 tahun. Manakala jumlah tukaran asing yang telah didapati telah meningkat sebanyak RM6.76 juta bilion. Dari segi jumlah pelancong peningkatan di dalam 10 tahun adalah sekadar pada kadar 11.5% setahun. Pertumbuhan tukaran wang asing pula meningkat pada kadar 22.7%. Kedatangan pelancong yang begitu ramai dan pendapatan tukaran wang asing yang begitu banyak telah meletakkan Malaysia pada paras nombor 19 dalam peta pelancongan dunia.

Memandangkan Kerajaan menitikberatkan produktiviti, saya ingin memberikan tahap produktiviti dalam bidang pelancongan. Dalam tahun 1990 wang yang diperuntukkan kepada promosi diseberang laut dan dalam negara adalah sebanyak RM59,206,635. Pada tahun 1990 negara telah mendapat tukaran wang asing sebanyak RM4.5 bilion. Kalau dikira dari segi nisbah antara jumlah wang yang dibelanjakan bagi promosi dan jumlah tukaran wang asing yang didapati setiap ringgit yang dibelanjakan untuk promosi dapat membawa masuk sebanyak RM76

dalam bentuk tukaran wang asing. Dalam tahun 1994 pula, belanjawan promosi adalah sebanyak RM70,663,000 tetapi tukaran wang asing yang didapati sebanyak RM8.298 bilion. Dari segi produktiviti ini bermakna RMI yang dibelanjakan untuk promosi telah dapat menghasilkan sebanyak RM117 dari segi tukaran wang asing. Ini bermakna bahawa produktiviti telah meningkat sebanyak 54% dalam masa lima tahun.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya hendak titikberatkan ialah sekiranya belanjawan bagi promosi terus ditingkatkan maka kemungkinan besar tukaran wang asing yang dapat dihasilkan akan terus meningkat dari masa ke semasa. Bidang pelancongan amat penting memandangkan ianya dapat memperkenalkan negara kita kepada masyarakat antarabangsa. Dalam konteks memperkenalkan negara selaras dengan upacara Sukan Komanwel, promosi pelancongan yang lebih akan memastikan lebih ramai pelancong datang ke Malaysia. Hasil yang bakal didapati juga akan meningkat lebih berbilion-bilion ringgit.

Tuan Yang di-Pertua, saya membawa perkara ini adalah kerana di bawah Parlimen Jerantut wujudnya Taman Negara yang merupakan salah satu daripada lapan destinasi yang dipasarkan oleh pelancongan Malaysia ke seluruh dunia. Dengan peningkatan ramai pelancong ke negara ini maka Taman Negara akan dinikmati oleh sebilangan besar pelancong-pelancong yang datang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk itu pembangunan infrastruktur dan fizikal di kawasan Jerantut amatlah diperlukan. Sebagai contoh, saya telah membawa soal kabel yang telah dimakan oleh tupai pada sesi soal jawab yang lalu. Ini adalah perkara yang sebenar, ini adalah laporan daripada pihak Tenaga Nasional Berhad yang menyatakan bahawa salah satu

sebab daripada lima sebab yang menyebabkan gangguan elektrik di Jerantut ialah kabel-kabel elektrik dimakan oleh tupai khususnya di desa dan di kampung-kampung.

Saya menyeru kepada pihak Tenaga Nasional Berhad supaya kabel-kabel ini tidak dimakan oleh tupai dan pastikan agar bahawa kabel-kabel yang dipasang di kampung-kampung dapat ditanam sebagai underground cable. Ini adalah memastikan agar gangguan elektrik yang berlaku sebanyak 60 kali selama enam bulan yang telah lalu tidak akan berlaku dengan begitu banyaknya di bandar Jerantut. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Julau.

8.20 mlm.

Datuk S'ng Chee Hua (Julau):

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dengan peluang yang diberi ini saya ingin memberitahu masalah-masalah rakyat di kawasan saya, Julau. Kawasan saya ada 46 buah sekolah. Dua buah sekolah S.M.K. dan 44 buah sekolah S.R.K.

Terima kasih banyak diucapkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan merangkap Timbalan Perdana Menteri yang telah memberi peruntukan RMI.5 milion 'for upgrading' bangunan sekolah-sekolah di kawasan itu, iaitu RMI.2 milion untuk S.M.K. dan RM300,000 untuk S.R.K.

Namun demikian, masih banyak bangunan-bangunan sekolah S.R.K. tidak dapat di'upgrading' sebab tidak cukup wang. Kebanyakan bangunan-bangunan sekolah S.R.K. usang kerana tidak cukup wang. Kawasan Julau ada 44 buah sekolah S.R.K. Jadi, sebuah sekolah hanya menerima RM6,800 sahaja. Kebanyakan sekolah S.R.K. ada masalah bekalan elektrik, kerana generator yang ada telah rosak dan ini akan menjadi masalah

kepada pelajar untuk belajar dengan selesa terutama waktu hujan dan gelap, tetapi kesihatan pelajar juga perlu diberi keutamaan di mana sekarang ini pelajar terpaksa menggunakan bekalan air sungai yang tidak bersih dan terpaksa pula membawa timba untuk mengambil air sungai. Motor pam yang ada pun telah rosak.

Tuan Yang di-Pertua, jalan raya di kawasan saya juga sangat teruk. Tetapi jalan di pekan itu dibina dalam tahun 1959 dan sampai sekarang jalan tersebut masih jalan tanah merah. Kalau musim hujan jalan itu menjadi lecak dan berlubang-lubang dan susah bagi semua kereta untuk berjalan. Saya amat berharap Kementerian Kerja Raya meng'upgrading' jalan itu sebab jalan tersebut adalah jalan utama di daerah Pakan Julau. Saya tahu, untuk membina jalan perlukan wang berjuta-juta, tetapi kalau tidak dibuat jalan itu sampai tahun 2020 pun rakyat di Julau masih hidup susah seperti sekarang.

Kalau buat jalan kampung memanglah susah, jika memanggil Kerajaan belanja wang banyak-banyak untuk membuat jalan kampung memang tidak patut sebab komuniti penduduk di situ tidak banyak dan jarak antara sesebuah rumah panjang sangat jauh, tetapi pada hari ini saya ingin mencadangkan (proposed) dan meminta Kerajaan berunding dengan syarikat kayu balak untuk memberi bantuan dalam hal pembinaan jalan raya di kawasan Julau. Di kawasan Julau saya dapati ada dua syarikat kayu balak yang boleh membantu membina jalan raya di kawasan berdekatan kerana mereka juga menggunakan kemudahan tersebut.

Kawasan-kawasan kayu balak ini dekat dengan rumah panjang dan jalan tersebut boleh dibuat oleh syarikat kayu balak dan syarikat berkenaan patut digalakkan untuk membina jalan raya untuk rakyat di rumah panjang yang tinggal di kawasan itu. Dengan cara ini baharulah rakyat rumah

panjang boleh menggunakan jalan raya dan secara tidak langsung dapat mengubah hidup mereka. Tetapi dalam kawasan pilihan raya Parlimen, rakyat di kawasan Julau yang menyokong Barisan Nasional di mana sampai sekarang terdapat 6 kali Barisan Nasional menang di kawasan itu, tetapi 'infrastructure development' tidak ada langsung.

Tuan Yang di-Pertua, bomba pun tidak ada. Di daerah Julau ada 40 buah kedai di pasar. Kalau berlaku kebakaran, itu tentu susah. Kawasan Julau 94% terdiri dari kaum Iban.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Tumpat bangun, Yang Berhormat. Hendak beri jalan kepada dia?

Datuk S'ng Chee Hua: Janganlah, jam sudah cukup. Duduklah. (*bercakap dalam loghat daerah*) — 5% kaum China

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat kata apa tadi?

Datuk S'ng Chee Hua: Nanti you cakaplah.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti dia beri cakaplah — tentang apa yang dia katakan tadi.

Datuk S'ng Chee Hua: Tidak lama lagi. One or two minutes. 5% kaum China dan 1% orang Melayu. Pada pilihan raya Parlimen yang lalu saya menang sebab mereka percaya Barisan Nasional under the leadership of Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia dengan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim, Timbalan Perdana Menteri boleh tolong mereka. Orang Julau tidak kira sama ada saya orang Cina tetapi mereka nampak Barisan Nasional itu khasnya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila, tiada siapa ganggu.

Datuk S'ng Chee Hua: Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya jalan raya yang baik orang di Julau boleh maju sebab mereka boleh menjual produk. Mereka ke pasar dengan lebih senang. Kalau menaiki perahu panjang, berjam-jam ke pasar baharulah dapat sampai. Kos minyak petrol pun tinggi, keuntungan mereka menjadi kurang.

Tuan Yang di-Pertua, di Sarawak orang miskin paling banyak di Julau. Ini kerana kawasan itu tidak ada sumber pendapatan utama. Jalan raya kurang baik, bekalan elektrik tidak cukup dan sumber air bersih pun tidak cukup — serta tinggal jauh di luar bandar. Secara tidak langsung ramai penduduk yang makan makanan kurang berzat "unhealthy food" dan tidak seimbang sebab miskin betul.

Tuan Yang di-Pertua

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Haji Wan Mahmood: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk S'ng Chee Hua: Be patient. Jika dibandingkan dengan rakyat di kawasan lain, rakyat di Julau jauh ketinggalan. Saya tahu, kerana saya lihat dengan mata saya sendiri. Jadi, saya minta Kementerian Pembangunan Luar Bandar tolonglah orang di kawasan Julau dengan datang ke kawasan Julau ini dan bincang untuk menyelesaikan masalah mereka. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Tumpat.

8.30 mlm.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat): Tuan Yang di-Pertua, walaupun Kerajaan telah menurunkan 3,600 jenis barangan dalam Belanjawan yang lalu dan walaupun hasrat Kerajaan untuk memerangi inflasi melalui

Program Inflasi Sifar yang saya sifatkan semacam "pungguk rindukan bulan" apabila sebuah syarikat pengeluar barangan makanan Nestle Product Sdn. Bhd. mengeluarkan notis kepada pengedar bahawa stok barangan tertentu akan dinaikkan secara serentak di seluruh negara bermula awal bulan Julai depan.

Sehubungan dengan itu, setiap pengguna khususnya suri rumah terpaksa berbelanja lebih berikutan kenaikan harga barangan itu tertumpu kepada barangan makanan bayi serta beberapa jenama susu. Notis pertukaran harga jualan makanan bayi itu didapati menyebut 7 barangan makanan bayi, di antara lain, Nestum Baby Rice seberat 500 gram akan dinaikkan kepada RM6.10 manakala Nestum Baby Honey iaitu 250 gram akan dinaikkan juga dan Nestum Rice Sweet Milk 350 gram dan Nestum Rice With Soya, 300 gram masing-masing dijual pada harga RM3.30, RM3.50, RM5.20, RM4.40, RM3.70 bermula daripada Julai depan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya difahamkan bahawa harga barangan susu pekat termasuk beberapa jenis susu pekat akan dinaikkan juga bermula daripada Julai ini. Sehubungan dengan itu, Presiden Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia melahirkan rasa tidak puas hatinya berikutan dengan kegagalan syarikat pengeluar makanan bayi itu menyatakan sebab harga barangan berkenaan perlu dinaikkan. Walaupun makanan bayi bukan barangan kawalan, sehingga ini antara ramuan untuk membuat makanan itu adalah terdiri daripada barangan kawalan seperti gula masih di harga yang sama di pasaran. Malah harga susu di pasaran dunia masih di kadar yang rendah. Kadar upah pekerja tempatan juga tidak naik sejak kebelakangan ini. Malah kadar elektrik pun belum lagi meningkat ke paras yang

membimbangkan. Oleh itu harga makanan bayi serta susu tidak sepatutnya dinaikkan dengan sesuka hati oleh Nestle.

Saya syorkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menangani masalah kenaikan harga barangan makanan terbabit dengan segera bagi memastikan pengguna tidak menanggung beban termasuklah beberapa jenis barangan yang lain yang kita telah maklumi.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Diraja tidak menyentuh persoalan Bahasa Kebangsaan yang akhir-akhir ini seolah-olah cuba dicabar oleh pimpinan Kerajaan. Walaupun Bahasa Malaysia kini sudah digunakan di mahkamah tetapi sehingga ini ia tidak benar-benar muncul sebagai bahasa rasmi atau bahasa perantaraan yang tunggal di negara ini. Saya menyerulah kepada Pemuda UMNO, "Duhai jangan bercakap masalah isu-isu yang lain sahaja. Cubalah tunjuk kejantanan dalam isu Bahasa Kebangsaan ini".

Kita jangan lupa bahawa perjuangan mendaulatkan Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi dan Bahasa Kebangsaan adalah sebahagian daripada perjuangan kemerdekaan negara atau ia tidak terpisah daripada perjuangan kemerdekaan itu sendiri. Kalau perjuangan kemerdekaan ditentang oleh penjajah dan tali barutnya, perjuangan bahasa dicabar oleh golongan yang mahukan pemakaian berbilang bahasa atau multi-langualisme. Perjuangan ini sebenarnya tidak pernah mati, sama seperti tidak matinya Gagasan Malaysia-Malaysia Lee Kuan Yew yang dicetuskan pada tahun 1963. Dahulu "at-tughyan" adalah di antara intisari projek Malayan Union yang terkutuk itu.

Kelemahan generasi selepas merdeka menguasai Bahasa Inggeris telah diambil peluang oleh puak-puak yang menjunjung muafakat multi-langualisme untuk menghidupkan semula cita-cita sumbang itu.

Tuan Yang di-Pertua, bukan satu yang mustahil dari sudut politik melobi berbilang bahasa mengambil kesempatan daripada kelemahan penggunaan Bahasa Inggeris untuk menyelitkan kempen halusnya menghidupkan semula usaha menjadikan Malaysia sebuah negara yang menggunakan berbagai bahasa. Program memperkukuhkan penguasaan Bahasa Inggeris yang dilancarkan oleh Kementerian Pendidikan boleh membantu usaha ini. Usaha untuk membaiki sistem pengajaran bagi menguasai Bahasa Inggeris adalah satu usaha yang baik. Tidak ada rakyat yang menentang usaha itu.

Kita mungkin tidak bertujuan untuk melahirkan para pujangga Inggeris melalui program menguasai Bahasa Inggeris tetapi penting bahasa itu dikuasai oleh ramai rakyat supaya negara kita dapat bersaing dengan lain-lain masyarakat antarabangsa dari sudut politik, diplomasi, ekonomi dan sebagainya tetapi kita harus berhati-hati. *(Disampuk)*

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: *(Bangun)*

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Suara yang berbunyi itu adalah konco-konco penjajahan kolonialisme yang masih ada dalam Dewan ini termasuklah Wakil Jerai yang sedang berdiri sekarang ini. *(Ketawa)* Tetapi kita harus berhati-hati supaya . . .

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Saya tidak beri jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak beri jalan?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tidak ada guna, no standard, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Point of order, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Point of order, ya. Ada point of order, sila duduk. Yang Berhormat Tumpat sila duduk. Ya, apa dia itu?

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, Wakil kita ini tidak faham bila Kerajaan hendak implement bahasa ini. Bahasa Malaysia itu bahasa rasmi. Bahasa lain bolehlah kita gunakan. Macam saya, Tuan Yang di-Pertua, saya boleh bercakap Bahasa Cina, Bahasa India, Bahasa Arab sedikit-sedikit. Ini dia bahasa apa pun tidak boleh, harap Bahasa Melayu sahaja ini hendak marah pada orang. *(Tepuk)* Ini apa ini? Kemudian kawasan saya pun dia tidak reti, Tuan Yang di-Pertua. *(Ketawa)* Tidak berkawan dengan orang, inilah masalahnya. Point of order 36. *(Ketawa)*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila Tumpat. Tidak ada point of order. *(Ketawa)*

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, itulah Jerai. Tetapi harus kita . . .

Tuan Yang di-Pertua: Bukan, Yan. Dia sudah tukar ke Yan. *(Ketawa)*

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Oh, tukar. *(Ketawa)* Padan muka dia nampak berubah, Tuan Yang di-Pertua, tetapi kita harus sedar, berhati-hati supaya usaha itu tidak menjadi sebahagian dari usaha pihak tertentu untuk membangkitkan semula komplot mendaulatkan bahasa rasmi negara.

Kita harus berwaspada terhadap perkembangan pesat penubuhan universiti swasta sejak 5 tahun yang lalu. Sejauh mana perkembangan dapat dipertahankan kedaulatan dan tradisi negara Malaysia pada jangka panjang belum diketahui tetapi Kementerian Pendidikan sekurang-

kurangnya terpaksa memikirkan kejayaan universiti swasta itu, secara tidak langsung pembentukan universiti swasta yang banyak itu adalah membantu usaha memecahkan institusi pegangan penggunaan bahasa rasmi yang tunggal bagi negara kita.

Apabila Akta Pelajaran dipinda dan Bahasa Malaysia tidak lagi dijadikan bahasa pengantar tunggal di institusi pengajian tinggi, maka tidak ada jaminan Bahasa Malaysia akan mendapat pengiktirafan ekonomi, teknologi dan sebagainya. Sehingga ini belum ada suara lantang meminta supaya lain-lain bahasa termasuk bahasa kaum-kaum lain di negara ini dijadikan bahasa rasmi dan Bahasa Kebangsaan seperti tahun-tahun sebelum daripada ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat. Masa Yang Berhormat sudah cukup ya.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sepang. Sila, Sepang hendak berucap tadi.

8.39 m/m.

Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang): Tuan Yang di-Pertua

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada 6 minit, ya. (*Ketawa*)

Puan Seripah Noli binti Syed Hussin: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbilang terima kasih kepada Yang di-Pertua kerana akhirnya telah sudi membenarkan saya berdiri di dalam Dewan yang mulia ini untuk bersama-sama membahaskan Usul serta menyokong penuh Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membicarakan konsep pembangunan ekonomi dan konsep pembangunan belia sebagai generasi peneras bagi membina negara di masa hadapan, kita tidak harus melupakan peranan wanita di dalam konteks pembinaan negara terutamanya negara Malaysia.

Sudah begitu lama sumbangan dan peranan wanita tidak mendapat perhatian utama dan sering disalahertikan oleh masyarakat terutamanya sarjana-sarjana Barat yang terus menafikan sumbangan dan peranan wanita dan sering memberikan penafsiran yang negatif dan fakta-fakta yang salah dalam menafikan sumbangan kaum wanita terutamanya yang kukuh berpegang kepada tradisi keilmuan ketimuran yang berlandaskan Islam.

Tuan Yang di-Pertua, kedudukan serta peranan wanita dalam Islam sendiri sering menjadi satu isu yang kontroversi bukan sahaja di kalangan masyarakat bukan Islam tetapi juga di kalangan sebahagian penganut Islam sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kekeliruan yang berlaku tentang peranan dan sumbangan wanita itu timbul dari kurang kefahaman dalam masyarakat itu sendiri dan juga pada sebahagian ilmunan dan politikus sehingga ianya menafikan imej sebenar wanita dalam Islam. Dalam membicarakan persoalan ini, Allahyarhamah Profesor Dr. Lanya Al-Faruqi, seorang sarjana wanita Islam yang pernah berada di dalam tradisi Kristian dan Islam di dalam karyanya yang berjudul *Women Muslim Society and Islam* dengan izin, telah menyifatkan kedudukan wanita Islam sebagai suatu perkara yang tidak wajar dipertikaikan. Islam telah memberikan ruang yang luas kepada wanita dari segi hak-hak sebagai seorang insan dan boleh berperanan aktif dalam masyarakat tanpa menjejaskan peranan sebagai seorang wanita dan seorang ibu.

Tuan Yang di-Pertua, perubahan masa dan mobiliti sosial telah memberikan ruang kepada wanita Islam untuk melakukan beberapa penyesuaian. Penyesuaian ini menurut Profesor Lamya Al-Faruqi, tidak bererti wanita Timur terutamanya wanita Islam harus mengikut konsep feminisme Barat secara mutlak. Tuan Yang di-Pertua, pada hakikat yang lain peranan wanita dalam pembangunan sejarah awal Islam sendiri tidak pernah dikemukakan kepada umum. Masyarakat dunia hari ini termasuk sebahagian di kalangan kita hanya mengukur realiti peranan wanita dengan mengambil contoh-contoh negatif dari beberapa negara tertentu seperti amalan diskriminasi di beberapa negara-negara Arab serta Pakistan.

Masyarakat hari ini melalui penulisan-penulisan negatif Barat tidak pernah menyaksikan sendiri tradisi kewanitaan di alam Melayu Islam, di Indonesia, Brunei, Singapura, Mindanao dan Malaysia sendiri yang berperanan aktif dalam pelbagai kegiatan kemasyarakatan seperti pendidikan, perdagangan, perusahaan serta bidang politik, pentadbiran dan sebagainya. Sikap negatif sebahagian ulama di beberapa negara Islam itu sendiri yang sering melahirkan pandangan yang sempit dan jumud terhadap wanita dari segi kedudukan dan peranan mereka dalam pembangunan sesebuah masyarakat dan negara adalah pada asasnya bertentangan dengan tradisi Islam itu sendiri, yang melalui sejarah agungnya telah melahirkan beberapa tokoh wanita Islam ternama yang memainkan peranan penting dalam pembinaan tamadun Islam masa lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan di dalam masyarakat kita menghadapi satu konflik identiti dan keruntuhan moral generasi muda, saya merasakan bahawa peranan kaum wanita terutamanya di dalam sektor pendidikan dan politik harus ditingkatkan dan diberikan keutamaan. Kejayaan kaum wanita di negara ini menguasai profesion

perguruan sekali gus pendidikan harus diambil perhatian. Penyertaan kaum wanita di bidang ekonomi dan politik juga harus diberi keutamaan dan kita tidak harus menafikan tentang pentingnya penyertaan wanita di bidang-bidang ini harus dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, masih banyak lagi ruang-ruang yang perlu diperbaiki yang memerlukan perhatian khusus dari segenap lapisan masyarakat terutamanya pihak Kerajaan dan rakyat jelata secara amnya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Puan Seripah Noli binti Syed Hussin: Dalam pada itu . . .

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Puan Seripah Noli binti Syed Hussin: Seminit lagi. Seminit.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh dah itu. Sudah cukup dah itu.

Puan Seripah Noli binti Syed Hussin: Last. Last.

Tuan Yang di-Pertua: Last ya!

Puan Seripah Noli binti Syed Hussin: Dalam pada itu persepsi masyarakat Malaysia harus terus perlu diubah dan dipertingkatkan bagi membanteras pemahaman yang sempit yang sering menggunakan sentimen keagamaan dan budaya untuk melakukan penganiayaan dan penindasan terhadap kaum wanita dan ini semua memerlukan pembelaan yang berterusan dan penuh iltizam. Sekian, terima kasih. *(Tepuk)*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.45 malam.